

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 4

Rabu

15 April 2015

K A N D U N G A N

| | |
|---|--------------|
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 1) |
| USUL-USUL: | |
| Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>YB Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah</i> | (Halaman 21) |
| Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman 60) |

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA
Rabu, 15 April 2014
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki** minta Menteri Pendidikan menyatakan, sejauh mana pemantauan dibuat dalam memastikan bantuan Baucar Buku 1Malaysia berjumlah RM250 kepada pelajar-pelajar IPTA dan IPTS dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka dan tidak disalahgunakan untuk mendapatkan duit tunai.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Chaing @ Mary Yap Ken Jin]: Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuku, terima kasih atas soalan berkaitan dengan Baucar Buku 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian Baucar Buku 1Malaysia atau BB1M adalah untuk meringankan beban perbelanjaan pembelian buku pengajian dan inisiatif ini dijangka dapat memupuk minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

Bagi memastikan BB1M dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksana proses pemantauan daripada segi aspek penerimaan Baucar Buku 1Malaysia oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), penyimpanan pengagihan kepada pelajar dan pengurusan rekod. Pada tahun 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat pemantauan pengurusan pengagihan IPT bagi BB1M kepada pelajar di Universiti Teknologi MARA (UITM), UITM Sarawak Kampus Samarahan, Universiti Malaya, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan dan Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman.

Peringatan juga telah diberikan kepada pelajar bahawa penggunaan BB1M ini adalah untuk pembelian buku sahaja dan menjadi kesalahan sekiranya berlaku penyalahgunaan baucar untuk pembelian lain atau menukarkan dalam bentuk wang tunai. Garis panduan BB1M 2014 turut diedarkan kepada pekedai buku sebagai rujukan. Di samping itu kementerian turut memantau pihak penjual atau pekedai buku dan berdasarkan aduan yang diterima. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Saya kira apabila diperkenalkan Baucar Buku 1Malaysia pada tahun 2012, kita antara satu-satunya negara yang memperkenalkan subsidi ataupun baucar buku sedemikian.

Cuma soalan yang saya ingin bangkitkan, pada Bajet 2015 disebut bahawa RM325 juta diperuntukkan untuk Baucar Buku 1Malaysia ini. Apakah kerajaan, khususnya pihak kementerian melakukan proses penyelidikan ataupun kajian impak sama ada pemberian baucar buku ini benar-benar memberikan kesan yang positif terhadap tahap budaya membaca di kalangan pelajar-pelajar kita khususnya peringkat universiti kerana kita hendak tahu sebagai Ahli Dewan ini amanah setiap wang rakyat yang digunakan ini benar-benar memberikan implikasi yang positif terhadap objektif yang kita letakkan apabila diperkenalkan Baucar Buku 1Malaysia ini. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Chaing @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih, Yang Berhormat Senator atas soalan yang berkaitan dengan kajian impak dan di sini saya hendak sampaikan pada Yang Berhormat Senator bahawa kajian impak masih belum dijalankan tetapi saya boleh berdasarkan pengalaman saya, diri sendiri kerana saya sedang mengikut program PhD dan saya juga layak menerima Baucar Buku 1Malaysia dan ini memang membantu saya kerana apabila saya menerima baucar itu saya terus ke kedai buku di universiti dan beli buku rujukan dan saya rasa ini memang membantu saya dalam saya punya *research*. Sekian, terima kasih.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak berkongsi pengalaman dan saya hendak bertanya dengan kementerian kemudiannya. Saya pergi ke kedai buku MPH di mana pelajar ini beli buku tetapi kemudian dibeli juga anak patung untuk adik dia. Kemudian saya pegang dia saya kata, saya daripada Kementerian Pelajaran, ini baucar buku, bantuan buku dan saya hendak tangkap awak. Akan tetapi sebelum daripada itu, dia sudah bawa kepada *cashier*, *cashier* kata boleh.

■1010

Pertanyaan saya ialah macam mana kekangan ini boleh kita atasi? Maknanya kementerian kenal pasti kedai-kedai buku. Sepatutnya keutamaan kepada kedai-kedai buku di universiti sahaja untuk memastikan tidak berlaku penyalahgunaan. Kalau penyalahgunaan sebegini dilakukan, matlamat kita tidak tercapai dan apa tanggungjawab kementerian? Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang berkaitan. Sebenarnya ini ada berkaitan dengan integriti. Integriti pelajar dan integriti pekedai buku. Seperti yang saya sudah jawab tadi bahawa memang Kementerian Pendidikan Malaysia menjalankan pemantauan dan Kementerian Pendidikan Malaysia juga ada keluarkan garis panduan pemberian Baucar Buku 1Malaysia tahun 2015 bagi pekedai buku. Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga ada keluarkan garis panduan pemberian Baucar Buku 1Malaysia kepada pelajar dan IPT.

Sekiranya dapat kes seperti ini, saya rasa adalah elok bahawa sesiapa yang dapat kes ini lapor kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana dalam proses pemantauan, memang ada kesan bahawa ada empat orang pekedai buku tidak berintegriti dan tindakan sudah diambil di mana keempat-empat pekedai ini sudah disenaraihitamkan. Selain daripada itu, pelajar juga sekiranya ditangkap terlibat dalam kes salah guna baucar itu, nama mereka juga akan disenaraihitamkan.

Jadi tindakan susulan memang diambil. Di sini, Kementerian Pendidikan Malaysia juga merayu kerjasama dan kolaborasi dengan pihak khususnya pemimpin-pemimpin masyarakat untuk sampaikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Seperti yang saya sudah beritahu bahawa ini memang ada berkaitan dengan integriti. Sekian, terima kasih.

2. Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian setakat ini bagi mengawal penularan fahaman "*Islamic State of Iraq and Syria*" (ISIS) kepada rakyat Malaysia serta mekanisme untuk mengawal rakyat daripada membabitkan diri dengan kumpulan militan radikal. Adakah pemantauan yang dilakukan sehingga kini telah memadai.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, bagi membendung ancaman kumpulan IS ataupun kumpulan ini, kerajaan dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan atau NGO telah menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegah melalui ceramah-ceramah, khutbah Jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium yang disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstremis yang menjurus ke arah kegiatan militan ini.

Pada masa yang sama, tindakan penguatkuasaan juga tetap dijalankan melalui penahanan dibuat terhadap individu-individu yang mempunyai elemen-elemen kumpulan militan iaitu *Islamic State* (IS) khususnya di dalam negara. Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia sehingga 1 April 2015, telah terkesan seramai 119 orang rakyat Malaysia terlibat dengan kegiatan kumpulan militan IS. Daripada jumlah tersebut, seramai 60 orang telah berjaya ditangkap di Malaysia manakala selebihnya 46 orang masih bebas dan berada di Syria, 10 orang telah terkorban dan tiga orang lagi telah kembali ke Malaysia namun masih lagi bebas.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sedar bahawa media sosial sering digunakan sebagai medium oleh pengikut-pengikut kumpulan militan IS dalam menyebarkan fahaman dan merekrut ahli-ahli baru untuk menyertai kumpulan mereka. Sehubungan dengan itu, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap mana-mana media sosial yang terlibat dengan kegiatan penyebaran fahaman kumpulan militan IS ini termasuk dengan menyekat aksesnya daripada umum sama ada dari dalam ataupun luar negara.

Dalam pada itu, kerjasama dengan agensi-agensi perisik antarabangsa tetap terus khususnya dengan negara-negara ASEAN ini kerana hasil daripada perkongsian maklumat tersebut akan diguna oleh pihak polis untuk membuat pemantauan rapi dan menjejaki mereka yang disyaki terlibat dengan kumpulan pengganas tersebut. Nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi ini akan dipanjangkan kepada pihak Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam senarai syak ataupun suspek polis bagi mengesan pergerakan mereka di semua pintu masuk ke jalan utama negara.

Pada masa yang sama, kerajaan sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System* (APSS) yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas ke negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap negara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci.

Bagi menangani ancaman kumpulan militan ini daripada terus berkembang di negara ini, kerajaan telah pun menggubal Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) di samping memperkasa undang-undang sedia ada termasuk Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (SOSMA), Akta Pencegahan Jenayah 1959. Rang Undang-undang POTA ini telah pun dibentang dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 7 April yang lalu.

In shaa-Allah kerajaan akan membentangkan rang undang-undang tersebut di Dewan ini pada sesi persidangan yang sedang berjalan sekarang dan berharap agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menyokong penuh rang undang-undang ini. Tidak ketinggalan juga seiringan dengan penggubalan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 ini, Kementerian Dalam Negeri bersama dengan PDRM, Jabatan Penjara Malaysia dan agensi kerajaan yang lain sedang meneliti dan memperbaiki model pemulihan sedia ada dan khusus bagi *neutralize* mana-mana individu yang ditahan kerana terlibat dengan aktiviti keganasan. Harapan kerajaan adalah untuk mengembalikan mereka semula ke pangkuan masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri yang pandai menjawab. Syabas kepada pihak Kementerian Dalam Negeri dan juga pihak polis dalam membanteras isu ISIS yang berleluasa di negara kita ini. Memandangkan bahawa negara-negara seperti di United Kingdom dan juga anak-anak muda dari *France* menerajui ISIS dan pihak KDN dan pihak polis di negara kita ini begitu aktif dan pandai menangkap mereka yang melibatkan diri.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjawab bahawa kerjasama dengan NGO-NGO dijalankan di seluruh negara dalam isu ISIS. Adakah juga kerjasama dengan parti-parti politik yang berunsur kefahaman agama seperti PAS dijalankan oleh pihak KDN? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menekankan di sini daripada penangkapan di kalangan masyarakat Malaysia ataupun orang yang dikenal pasti terlibat dengan IS ini, banyak iaitu 119 orang. Latar belakang mereka adalah pelbagai. Tidak menumpukan kepada sudut agama, Tuan Yang di-Pertua. Saya tekankan di sini tidak ada tumpuan menunjukkan bahawa mereka ini berlandaskan pelajaran, latar belakang dan sebagainya keagamaan. Ini saya tekankan. Ada mereka pekerja daripada *workshop*, suri rumah tangga, *engineer*, jurutera, akauntan. Semua latar belakangnya bukan sudut agama. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita tidak boleh menumpukan perhatian kita kepada institusi-institusi dan badan-badan agama sahaja.

Kita akan melihat keseluruhan rakyat Malaysia. *In shaa-Allah* kita akan berinteraksi dan berjumpa dengan semua parti politik. Tidak kira sama ada parti politik itu dianggotai orang Islam ataupun bukan

Islam. Kita bimbang juga kalau kita lihat dari sudut fakta sebenar, Malaysia mempunyai penduduk yang hampir 30 juta orang tetapi kita hanya mempunyai 119 orang yang pergi ke Syria dan Iraq.

■1020

Akan tetapi bila masa yang sama di Australia mempunyai penduduk yang sama dengan kita mempunyai hampir 600 sudah pergi ke Syria dan Iraq. Begitu juga di *France*, mempunyai anggota yang beribu telah pergi Syria dan Iraq. Begitu juga di England. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita tidak boleh mengatakan apa-apa. Ini adalah berasaskan keagamaan. Jadi kita, bagi rakyat Malaysia, kita akan tumpu kepada semua pihak yang mungkin terpengaruh oleh sebab sebab-sebab penggunaan SMS, sosial media yang media yang mempengaruhi banyak mereka yang terdorong dan terjebak dalam melibatkan mereka sendiri dalam kumpulan IS ini.

Ini akan dibuat pergerakan yang cara besar-besaran untuk makluman masyarakat semua rata daripada peringkat sekolah hingga peringkat universiti. Daripada masyarakat suri rumah tangga kepada pekerja-pekerja di jabatan, agensi-agensi kerajaan, kita akan perkenalkan, memaklumkan, apa IS, apakah jihad sebenarnya? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya persilakan Dato' Jaspal Singh.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Kita tahu bahawa sosial media ini pengaruh yang paling tinggi bukan saja di Malaysia tetapi di seluruh dunia menarik mereka ini masuk ke IS. Saya hendak tahu di sini, tadi Yang Berhormat Menteri memberi sedikit penjelasan tentang sosial media. Akan tetapi saya hendak tahu sama ada kementerian membuat kajian kumpulan manakah yang risikonya tinggi. Kita tahu ada penganas, penganas itu memang kita tahu tapi orang yang terlibat dalam *public* ini, yang sosial media itu, kumpulan mana risikonya tinggi. Apa kita akan buat supaya benda-benda seperti ini tidak *convince* mereka masuk IS. Terima kasih.

Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya membahagikan mereka yang cepat terpengaruh ini kepada empat kumpulan. Sebenarnya ada dua, tiga kumpulan saja. Sosial media itu pengaruh yang keempat. Pertama, mereka yang mempunyai pengetahuan dari sudut agama Islam yang begitu cetek tetapi ingin hendak masuk syurga secepat mungkin. Jadi dengan keadaan sedemikian oleh sebab salah interpretasi soalan jihad itu sendiri, maka mereka telah mahu terlibat untuk membersihkan mereka sendiri dan untuk cepat masuk ke syurga. Ini jenis yang kita dapati daripada orang yang telah kita tangkap.

Kedua, mereka yang amat benci kepada perjuangan khususnya yang diterajui oleh pihak Amerika dan *alike forces* masa menyerang Iraq dan memperlcehkan Iran dan negara-negara Teluk dan kebencian juga kepada organisasi di negara Teluk yang tidak boleh berhadapan dengan pihak masyarakat Barat yang mempermainkan mereka. Jadi mereka pandang mereka sendiri, IS ini sebagai satu-satunya yang boleh berhadapan dengan pihak Barat. Jadi yang ketiga barulah pengaruh sosial media itu sendiri selain daripada rakan dan taulan ataupun *peer group*.

Jadi ini empat perkara yang ada hubung kait di antara satu sama lain yang mempengaruhi anak-anak muda, mereka yang terlibat dengan IS ini Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin memaklumkan di sini jangan memikirkan bahawa kahwin jihad sebenarnya diterima dalam agama Islam. Tidak. Kahwin jihad yang boleh bertukar suami tiap-tiap malam itu tiada dalam Islam. Bahkan saya dimaklumkan, saya bukan berlatar belakangkan agama Tuan Yang di-Pertua, jadi saya tidak boleh kata saya sendiri tahu bahawa perkahwinan tiap-tiap malam bertukar jantan ini adalah haram sebab dia punya selepas hari ini kahwin, esok sudah edah, dia semua tidak *observe* ini.

Jadi itu haram. Jadi jangan anak-anak muda kita tengok banyak yang *handsome* dari Syria dan Iraq itu tertarik dengan mereka ini nanti. Terima kasih.

3. Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah [Di Bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah mekanisme yang ditetapkan untuk memeriksa dan memantau kuantiti stok beras tempatan dan import yang disimpan oleh BERNAS, ejen-ejennya dan pengilang beras untuk memastikan tidak berlakunya lambakan lebihan beras tempatan yang tidak dijual.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera. Salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya bagi pihak Yang Berhormat Senator Shahanim. Saya ingat dia datang, siap pantun sudah. Baca jugalah ya.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan lah pantun itu.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:

*Shahanim nama diberi,
Orangnya cantik bagai puteri,
YB prihatin kepada petani,
Soalan saya jawab setulus hati.*

Tuan Yang di-Pertua: Oh, peminat juga ya.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, keperluan beras dalam negara ialah sebanyak 2,384,488 (2.38 million) metrik tan bagi tahun 2014. Ini permintaan. Manakala pengeluaran kita ialah sebanyak 198,707 metrik tan. Bermakna terdapat kekurangan sebanyak hampir 30%. Dengan sebab itu BERNAS diberikan konsesi untuk mengimport beras sebanyak kira-kira 863,358 metrik tan setahun untuk memenuhi keperluan. Ini keadaan *supply and demand*.

Jadi, bagi menjawab soalan Yang Berhormat supaya bekalan beras ini tidak berlaku lambakan padi, mekanisme yang dipakai ialah untuk memantau pengeluaran dan juga stok beras dalam negara supaya memastikan bukan sahaja lambakan tidak berlaku, juga Tuan Yang di-Pertua bagai memastikan kita cukup bekalan beras untuk keperluan pengguna.

Jadi dengan sebab itu, ada dua stok. Satu, *stockpile* yang dikendalikan oleh pihak BERNAS. Lagi satu *trading stock* yang disimpan oleh pengilang dan juga peruncit-peruncit. BERNAS lebih kurang 292,000 metrik tan stok penimbal, *is always there* dan berdasarkan permintaan tadi, itu tahunan tapi

kalau di bagi bulanan ialah lebih kurang 66,000 metrik tan sebulan. Jadi bermaknanya *stockpile* itu boleh memenuhi keperluan lebih kurang lima bulan permintaan beras dalam negara. *Stockpile* ini kita pastikan bahawa BERNAS akan *maintain*. Dia ada 32 buah gudang di mana disimpan *stockpile* ini dan pemeriksaan selalu dilakukan oleh kawal selia.

Jadi pegawai-pegawai daripada kementerian memastikan bahawa *stockpile* tidak boleh lebih dan jangan kurang. Kalau lebih nanti menyebabkan bekalan beras dalam negara akan terjejas. *There will be over supply* Tuan Yang di-Pertua. Kalau sekiranya kurang pula nanti, takut dalam *crisis situation* dengan izin, tidak cukup pula beras. So, kita memantau supaya *stockpile* ini cukup dan disesuaikan dengan keadaan pengeluaran dalam negara. Jadi selain daripada itu, *trading stock* di kilang dan juga di kedai runcit yang berjumlah lebih kurang 400 ribu metrik itu pun dipantau.

■1030

Siapakah memantau? Pegawai-pegawai daripada kementerian iaitu kawal selia padi dan beras. Jadi dengan sebab itu saya beri jaminan di sini bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa peka dengan bekalan dan permintaan beras negara, terima kasih.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Puan Shahanim meminta saya, minta beri apa-apa soalan tambahan. Jadi soalan tambahan itu saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormatlah, teruskan.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya akan bertanya Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat angka-angka tadi maknanya BERNAS, lambakan yang dibuat sebanyak 863,000 yang diimport yang diberi kebenaran. Dari negara manakah beras-beras ini dibeli dan apakah kualitinya sama juga dengan kualiti beras-beras yang dikeluarkan oleh Malaysia? Soalan saya yang seterusnya yang Tuan Yang di-Pertua, teringat saya ucapan Tan Sri Sanusi Junid pada satu ketika, beliau kata Kelantan ada padi, ada pondok, ada PAS. Kedah ada padi, ada pondok, ada PAS. Negeri Sembilan tidak ada padi, tidak ada pondok, tidak ada PAS.

Sebelum pilihan raya yang ke-13 banyak pengumuman yang dibuat oleh pihak FELDA kepada ahli-ahli FELDA. Pada ketika itu ada rungutan daripada petani-petani khususnya di negeri Kedah, khususnya di kawasan MADA yang berkata mereka juga pengundi. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat apakah kementerian mempunyai satu mekanisme untuk membantu petani-petani ini supaya pendapatan mereka sama juga dengan ahli-ahli FELDA yang mendapat pelbagai ragam bonus. Macam bonus yang diumumkan dan mereka juga menyatakan bahawa harga beras tidak naik, harga beras masih di tapak yang sama dan lambakan juga sebab itu soalan ini pun berkenaan dengan lambakan ini juga kerana lambakan yang terlalu berlebihan maka menyebabkan harga beras ini tergantung begitu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua tiga soalan itu sebenarnya. Saya jawab daripada segi mana, dari negeri mana diimport beras. Dari Vietnam, dari Thailand, dari Pakistan. Ini dari Cambodia. Ini negara-negara pembekal beras kita. Daripada segi kualiti juga BERNAS, ia mengimport pastikan bahawa kualiti itu adalah baik, kita tidak import sembarangan

untuk menjaga pengguna-pengguna kita dan harga pun harga yang baik. Saya diberi tahu lebih kurang USD400 satu matriks tan harga import beras. Harga importlah, harga jual jangan tanya, itu BERNAS punya *trade secret*. Itu daripada segi sumber dan juga kualiti. Sebelum saya lupa lambakan, isu ini perlu diperbetulkan kerana baru-baru ini hari itu berlaku kata di sebelah utara Kedah, Perlis berita kata ada lambakan padi. Jadi sebenarnya apa dia sebab lambakan ini yang berlaku begitu? Jawapan sebenarnya tidak ada lambakan. Apa yang berlaku ialah apabila pusat pembelian padi, sekarang ini pusat pembelian padi oleh PPK dalam peringkat permulaan Tuan Yang di-Pertua. Jadi mereka belum bersedia lagi sepenuhnya untuk menerima beras-beras yang dihantar dengan lori-lori yang dibawa kepada mereka.

Jadi terdapat *queue* ataupun menunggu begitu lama dan panjang barisan lori-lori menunjukkan seolah-olahnya ada kelebihan bekalan padi dan beras negara. Selain daripada itu BERNAS juga terpaksa membeli semua padi kerana kita ada dasar baru Tuan Yang di-Pertua untuk menghapuskan orang tengah. Jadi kita hendak padi dibeli oleh BERNAS dan juga Persatuan Pertubuhan Peladang. Jadi ada penumpuan di sini. *So it's a matter of*, dengan izin, *it takes a little bit of time* lah untuk mereka menyediakan kemudahan ini bagi memenuhi keperluan dan dasar membanteras orang tengah yang sentiasa memanipulasi.

Berhubung dengan kata harga tidak naik pun satu isu sensitif. Yang Berhormat kata begitu nanti orang luar marah dekat kerajaan. Kalau betul harga padi tidak naik. Sudah naik. Sekarang kita naikkan kepada RM1,200. Dahulu sebelum ini di Kelantan umpamanya ada RM950 ada yang RM1,000 ada sesetengah tempat RM1,100. Itu *varies*, berbeza antara jelapang padi dengan jelapang padi, antara negeri dengan negeri yang mengeluarkan padi, harga berbeza-beza.

Banyak negeri yang mengeluarkan padi yang harga padinya *below* RM1,200 dengan izin. Cuma di Kedah sahaja dia tinggi sedikit *but now*, polisi baru yang telah diumumkan oleh kementerian, kita hendak samakan, *standardize* harga di mana juga tidak kira RM1,200 satu metrik tan. So ini satu peningkatan kalau RM950 daripada RM100 naik RM200. Berapa *percent* itu? Akan tetapi kalau hendak naik lebih daripada itu tunggu masa lah tengok macam mana keadaan bukan? Daripada segi pengguna pula kita boleh naikkan harga padi. Akan tetapi apa kesan kepada pengguna hendak beli beras nanti? Orang kampung juga susah. Kena beli beras pada harga yang lebih tinggi. Semua orang makan beras. Dengan izin, *it's going to be back higher* kepada rakyat juga kalau kita naikkan harga lebih daripada sepatutnya.

Akhir sekali ialah bantuan kepada petani-petani. Bagaimana FELDA dapat bonus dapat dividen dan sebagainya. Ia berbeza Yang Berhormat. Pesawah padi dan peserta FELDA. Peserta FELDA ini di bawah satu pengurusan. Di bawah satu, FELDA uruskan ladang-ladang dan hasil jualannya dan keuntungan dari situ diberi kepada pekebun. Kalau dia dapat hasil yang lebih dia boleh bagi dividen. Sawah padi pun boleh begitu. Contoh ialah FELCRA. FELCRA *also* Tuan Yang di-Pertua *managing* dia orang punya jelapang padi secara *estate*, cara macam gaya FELDA *manage* kelapa sawit.

So every year apabila dikira berapa untung rugi, kalau untung lebih dapat untung dividen yang lebih dapat bonus dan sebagainya. Akan tetapi kita punya pesawah padi ini mereka usaha sendiri.

Mereka yang jual padi mereka sendiri. Jadi kalau hendak bagi bonus, mereka bagi pada diri sendiri. Takkan kita hendak bagi pula. Fasal kita tidak jual padi itu. Itu dia punya perbezaan antara pekebun sawit FELCRA, FELDA dan juga pesawah padi kita. *That is the different*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita diberitahu bahawa Malaysia bergantung 30% pada negara luar untuk import beras dan saya percaya kebanyakannya dari Thailand dan Vietnam. Walaupun kita mempunyai stok, tetapi timbul juga soal keselamatan makanan, *food security*. Sekiranya ada pertikaian umpamanya di antara Malaysia dan negara-negara yang mengeksport beras mereka itu, maka ini boleh menimbulkan soal *food security* yang sangat serius. Jadi untuk jangka masa panjang, apakah rancangan kerajaan untuk menjamin bahawa *food security* tidak akan terjejas. Terima kasih.

■1040

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Spot on*, ada kita sudah *spot* soalan itu, keluar pula rupanya. Soalan ramalan, apa langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi mencapai tahap sara diri 100%, *food security*? So, sekarang ini sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi memang betul, kita punya SSL cuma 70%, 30% import. So, ini tidak boleh berterusan. Apa-apa mungkin berlaku di dalam negara pembekal sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi. Dengan sebab itu, kerajaan melalui dasar dan Dasar Agromakanan bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran dan termasuklah bekalan beras kepada 100% by 2020. Itu sasaran kita.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Yang Berhormat, pertamanya kita membuka jelapang padi baru, *Integrated Agriculture Development* agensi ditubuhkan untuk menguruskan jelapang padi baru. Empat jelapang padi baru yang telah dibuka diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini dalam bajet belanjawan negara ialah Kota Belud, Batang Lupar, Rompin dan juga Pekan. So dengan pembukaan jelapang padi baru ini, kita harap pengeluaran padi dan beras kita akan bertambah.

Keduanya, MARDI juga mengeluarkan variasi padi yang lebih baik dari masa ke semasa untuk meningkatkan produktiviti kita. Pada masa ini, produktiviti kita Tuan Yang di-Pertua, sekadar nasional *average*, cuma lebih kurang 5.4 metrik tan satu hektar, nasional *average* pada masa ini. Kita punya sasaran dengan adanya variasi yang baru ini dan juga langkah-langkah seperti amalan pertanian baik ataupun *good agriculture practice*, kita harap produktiviti dapat ditingkatkan kepada 8 metrik tan dan seterusnya mungkin sampai ke-10 metrik tan.

This is possible Tuan Yang di-Pertua, sebab pada masa ini pun kita dapati ada plot-plot, kawasan-kawasan pertanian sawah padi ini yang telah pun menghasilkan 8 metrik tan dan 10 metrik tan satu hektar, tetapi ini orang kata *isolated cases* Tuan Yang di-Pertua. Kita kena belajar dan juga menggunakan kawasan-kawasan itu sebagai contoh untuk kawasan lain meningkatkan produktiviti.

Jadi kita juga akan meningkatkan sistem pengairan, kerajaan menambah peruntukkan untuk *irrigation*, sistem pengairan. Banyak kawasan kita terutama jelapang padi yang baru ini memerlukan pengairan yang lebih efisien. Ini untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat semua, ini masalah

besar kita sebab *irrigation* ini memerlukan belanja yang begitu banyak sekali. Satu jelapang padi perlu sampai RM300 juta, RM500 juta. Kalau empat jelapang padi sampai RM2 bilion. Walau bagaimanapun, kerajaan akan membangunkan sistem pengairan ini dari semasa ke semasa sehingga tercapai sistem pengairan yang baik dan boleh menghasilkan pengeluaran yang lebih baik pada petani.

Akhir sekali *mechanization*, dengan izin, *is also one way* untuk meningkatkan produktiviti. Akhir sekali ialah apa yang kita panggil pengurusan secara berpusat, *central management estate management*. Maksudnya digabungkan petani-petani ini di bawah satu pengurusan. Ini di bawah projek NKEA yang diperkenalkan oleh kerajaan. Petani-petani yang sekarang ini boleh buat usaha secara sendiri-sendirian, mereka disatukan di bawah satu *anchor company*. *Anchor company* seperti PPK, koperasi, syarikat swasta yang boleh jadi *anchor company* yang akan menguruskan penanaman, penjagaan, penjualan padi dan sebagainya. So, *through estate management* atau *central management* dengan izin, *it becomes more efficient*, ada *economic of scale* dan sebagainya yang boleh meningkatkan hasil pertanian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum*.

4. Datuk Chin Su Phin minta Menteri Pengangkutan menyatakan, perkembangan terkini status pemindahan operasi Syarikat AirAsia ke Terminal 1 Lapangan Antarabangsa Kota Kinabalu dan mengapa proses yang diambil memakan masa yang lama.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu atau singkatannya KKIA telah siap sepenuhnya pada November 2014. Sebelum dari ini, semua penerbangan tambang murah ditempatkan di terminal sementara iaitu di Terminal 2 sehinggalah Terminal 1 ini siap dibina sepenuhnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, KKIA mempunyai kapasiti pengendalian penumpang sehingga 9 juta orang penumpang setahun. Perpindahan AirAsia dari Terminal 2 ke Terminal 1 KKIA adalah berdasarkan kepada keputusan Laporan Ketua Audit Negara Bil. 1/2014 dan juga keputusan Majlis Ekonomi iaitu *Economy Council* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 13 Jun 2011 dan 11 Jun 2012.

Kementerian Pengangkutan sebelum dari ini telah menetapkan supaya *AirAsia* berpindah ke Terminal 1 berkuat kuasa pada 1 Januari 2015. Walau bagaimanapun, *AirAsia* telah menengguhkan perpindahan ini kerana ada beberapa permintaan. Buat masa ini, yang diminta seperti *passenger service charge* untuk dikekalkan kepada RM32 berbanding kadar sedia ada ataupun kadar sebenar RM65 dan pihak kerajaan kena mematuhi peraturan antarabangsa supaya tidak ada pilih kasih dalam soal harga *passenger service charge*. Jadi kalau *airline* ini semua kena sama, tidak boleh ada *airline* dapat murah, ada *airline* yang kena mahal. Jadi sebab itu, ia perlu dikenakan sebanyak RM65 seperti *airlines* yang lain.

Untuk makluman dewan yang mulia ini, Kementerian Pengangkutan masih dalam proses perbincangan dengan *AirAsia* dan MAHB berhubung perkara ini supaya persetujuan yang adil dan memuaskan semua pihak dapat dicapai. Kementerian juga akan menetapkan tarikh baru untuk perpindahan AirAsia ini dalam waktu yang terdekat.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalaulah saya tidak silap, ini adalah ketiga kali saya membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan tadi. Jadi, saya haraplah apa Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan tadi dapat direalisasikan secepat mungkin. Soalan tambahan saya, mengapa syarikat-syarikat tambang murah yang lain seperti yang terbaru Cebu Pacific Air yang telah pun bersetuju pindah, berpindah dari Terminal 2, ke Terminal 1 bermula pada Januari tahun ini memindahkan operasinya tanpa sebarang masalah. Apakah ada sebarang persetujuan yang dibuat oleh pihak kerajaan kepada syarikat-syarikat tambang murah yang lain sehingga membolehkan mereka setuju untuk berpindah? Terima kasih.

■1050

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Seperti saya maklumkan tadi bahawa, pihak syarikat penerbangan *AirAsia* ada membuat beberapa permintaan, sedangkan pihak penerbangan Cebu Pacific Airline, dia menuruti apa juga arahan-arahan kerajaan tanpa ada permintaan-permintaan yang lain. *AirAsia* ada meminta supaya permintaan salah satu untuk dia menggunakan sistem *check in* sendiri iaitu sistem yang dibangunkan sendiri dan tidak mahu menggunakan *common system* yang disediakan oleh pihak MAHB.

Atas perkara-perkara ini sekarang sedang berunding dengan pihak MAHB untuk diintegrasikan sistem yang dibangunkan oleh pihak *AirAsia* untuk diguna pakai di terminal yang baru. Dalam konteks ini ia memakan masa bagi mendapatkan persetujuan kerana sistem yang dibangunkan oleh pihak *AirAsia* ini ia tidak dapat digunakan oleh pihak yang lain, jadi ia tidak menggunakan *the common system*. Sedangkan *airport* ini melibatkan pelbagai syarikat penerbangan dan ia sepatutnya menggunakan *common system*. Walau bagaimanapun, permintaan *AirAsia* ini sedang dipertimbangkan untuk dipersetujui. Jadi itu yang memakan masa. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu kita patut mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada pihak kerajaan yang begitu prihatin menyediakan segala bentuk kemudahan infrastruktur. Ia bukan sahaja untuk kepentingan rakyat tetapi untuk mereka yang terlibat dalam perniagaan-perniagaan yang besar seperti *AirAsia*.

Saya ingin bertanya, kalau saya mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Menteri, semua syarikat-syarikat yang lain bersetuju untuk mengikut tetapi nampaknya *AirAsia* ini agak lain sedikit. Kami di bawah ini Tuan Yang di-Pertua, di bawah ini kita merasakan di Malaysia ini, di kalangan tokoh-tokoh perniagaan yang telah berjaya, *the so call*, dengan izin, *multimillionaire*, *billionaires*, semasa mereka ingin memulakan perniagaan mereka cukup baik dan akur kepada kerajaan. Akan tetapi setelah mereka berjaya dalam perniagaan, mereka menjadi begitu bongkak dan ego.

Ini pada pandangan kami di bawah kerana saya tidak nampak kenapa mereka tidak mahu mengikut arahan pihak kerajaan. Saya hendak bertanya apakah sebab yang utama, apakah sebab yang menyebabkan *AirAsia* tidak mahu mengikut arahan kerajaan walhal orang lain begitu menerima dan akur bahkan berterima kasih kepada pihak kerajaan.

Adakala saya merasakan- minta maaf kalau saya katakan, bukan sahaja puak-puak ini mempunyai sikap yang angkuh dan ego tetapi ada kala dengan sengaja ingin sabotaj kerajaan. Saya minta maaf kalau saya silap. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri. Tuan Yang di-Pertua, mengenai punca utama seperti saya sebutkan, pihak *AirAsia* membuat beberapa permintaan seperti saya sebutkan tadi, minta supaya *passenger service charges* yang murah tetapi syarikat penerbangan lain semua bayar RM65. Jadi kalau kita bagi *AirAsia* lebih murah, ia macam tidak adil dan pihak yang lain pun akan kompelin ataupun minta dengan kerajaan kenapa dia dapat keistimewaan.

Jadi oleh sebab itu sekarang pihak kerajaan sedang berunding untuk memberikan sedikit rebet atas dasar perpindahan ke tempat yang baru. Kedua juga pihak *AirAsia* ada membuat permintaan ataupun menjangkakan penambahan penumpang yang dirasakan agak tinggi oleh *customer AirAsia*. Jadi oleh sebab itu dia membuat jangkakan bahawa terminal yang baru ini tidak mampu menampung. Itu semua jangkakan mereka tetapi sebenarnya itu tidaklah tepat.

Jadi walau bagaimanapun sekarang pihak kementerian sedang berusaha keras berunding dengan pihak *AirAsia* yang mana pada dasarnya sepatutnya 1 Januari telah pindah dan sampai sekarang pun belum pindah dan ini memang menjadi rungutan pihak ramai. Jadi mengenai sabotaj itu saya tidak dapatlah untuk membuat kesimpulan. Terima kasih.

5. Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, langkah yang diambil oleh kementerian untuk memudahkan proses bagi golongan OKU mendapatkan rumah PPR.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab kepada soalan nombor 5. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan dan kita ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat kerana setiap kali sidang Dewan Negara Tuan Yang di-Pertua, keutamaan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan ialah kemudahan dan apakah sokongan yang disediakan oleh kerajaan terutama kepada golongan orang kurang upaya?

Menjawab kepada persoalan yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan, saya ingin memaklumkan Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat maklum Dasar Orang Kurang Upaya telah pun menetapkan empat objektif yang penting. Antara empat objektif yang penting ini Tuan Yang di-Pertua objektif yang kedua memastikan OKU menikmati hak, peluang, akses serta secara saksama di bawah undang-undang negara.

Dalam Dasar OKU Negara ini Tuan Yang di-Pertua terdapat 15 strategi dan daripada 15 strategi itu Tuan Yang di-Pertua strategi yang ke-13, yang pertama menggalakkan reka bentuk universal dalam pembinaan rumah dan juga kawasan persekitaran dan kedua membuka peluang kepada OKU untuk memiliki rumah. Itu termaktub dalam Dasar OKU Negara yang ada.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang diperlukan oleh Yang Berhormat iaitu menjawab bagaimana kerajaan boleh membantu terutama kementerian kepada OKU untuk menyewa, memiliki perumahan-perumahan yang disediakan khususnya di bawah kementerian? Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan, kementerian dalam melaksanakan pembangunan Program Perumahan Rakyat atau PPR Tuan Yang di-Pertua, telah pun memperuntukkan sebanyak 1% daripada keseluruhan unit yang ada untuk golongan orang kurang upaya ataupun OKU.

Unit-unit khas OKU yang berkenaan Tuan Yang di-Pertua dilengkapi dengan segala kemudahan, dengan kemudahan bilik air yang bersaiz lebih besar juga dilengkapi dengan *handrail* dan kemudahan-kemudahan lain juga disediakan seperti rem, kemudahan butang Braille dalam lif, *handrail* dan lain-lain untuk memudahkan lagi pergerakan golongan OKU.

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan ini saya pun sudah jawab secara jelas Yang Berhormat pada sidang Dewan 23 April yang lalu tetapi mungkin agaknya Yang Berhormat fikir ada lagi maklumat-maklumat tambahan yang perlu saya berikan kepada Yang Berhormat.

Projek PPR di bawah kementerian ini Tuan Yang di-Pertua, yang sudah siap kita akan serahkan kepada kerajaan negeri ataupun ke Lembaga Perumahan di peringkat negeri bagi tujuan untuk pengisian secara teratur dan juga berserta dengan penyelenggaraan. Seterusnya Yang Berhormat bagi mengenai pemilikan rumah PPR oleh golongan OKU sama ada secara penyewaan atau penjualan. Sememangnya OKU diberikan keutamaan terlebih dahulu oleh kementerian. Itu *priority* utama kita Tuan Yang di-Pertua, kerana itu kita peruntukkan kuota 1% tadi.

Walau bagaimanapun, daripada segi harga dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua termasuklah kadar sewaan yang kita kenakan sebanyak RM124 sebulan bagi kawasan negeri di Semenanjung dan RM150 sebulan bagi kawasan di negeri Sabah dan Sarawak, ia sama seperti yang lain. Cuma *priority* keutamaan 1% daripada jumlah keseluruhan tetapi daripada kadar sewaan dan juga penjualan ia adalah sama.

■1100

Selain daripada itu saya juga ingin menegaskan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat saya sudah sebut dalam jawapan-jawapan yang lepas di peringkat kementerian kita sudah tubuhkan Jawatankuasa Teknikal dan sebagainya. Malah di peringkat Majlis Orang Kurang Upaya Kebangsaan juga terdapat enam buah jawatankuasa yang telah pun ditubuhkan. Antara jawatankuasa yang ditubuhkan, difungsikan sendiri oleh KSU Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ialah melihat kepada peruntukan kemudahan untuk pembinaan perumahan dan juga lain-lain *accessibility* yang sesuai dan diperlukan oleh golongan orang kurang upaya. Maka dengan itu saya ingin menegaskan sekali kepada Yang Berhormat bahawa kementerian akan sentiasa memberikan keutamaan dan pembelaan kepada golongan orang kurang upaya. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Golongan OKU di mana-mana negeri adalah di antara yang termiskin. Ini adalah kerana peluang-peluang untuk mendapat pendidikan amat terhad dan ini menyebabkan mereka di bawah paras kemiskinan. Walaupun kerajaan telah menyediakan rumah PPR yang boleh dibeli oleh golongan orang kurang upaya, tetapi mereka ini menghadapi suatu masalah yang besar iaitu amat sukar bagi mereka mendapatkan pinjaman dari bank. Jadi memandangkan perkara ini, bolehkah kerajaan menubuhkan dana pusingan, satu *revolving fund* untuk golongan OKU dan juga rakyat termiskin di negara ini supaya memudahkan mereka memiliki kediaman sendiri dan pada masa yang sama memenuhi hasrat kerajaan supaya setiap rakyat ada peluang untuk memiliki rumah sendiri demi kesejahteraan rakyat di Malaysia.

Satu lagi perkara yang ingin saya ajukan ialah bolehkah kerajaan mewajibkan ciri-ciri *universal design* ini dikenakan pada setiap projek perumahan? Ciri-ciri *universal* ini ialah untuk memudahkan golongan OKU dan juga sesiapa untuk bergerak dengan selesa dalam unit rumah itu sendiri. Memandangkan negara kita menjelang tahun 2030 akan menjadi suatu *aging Malaysian* iaitu mempunyai rakyat warga emas yang agak besar jumlahnya. Ini akan memudahkan warga emas duduk bersama anak-anak mereka dan tidak terpaksa dihantar ke rumah orang tua. Bolehkah ini dijadikan dasar supaya ciri-ciri *universal design* ini diwajibkan bagi setiap unit rumah di bawah projek kerajaan? Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya hendak tegaskan satu perkara. Semua rakyat yang berada di negara kita Yang Berhormat termasuklah OKU, tadi Yang Berhormat sebut OKU ramai yang termiskin di negeri di bawah paras kemiskinan. Semua rakyat yang ada di Malaysia ini Yang Berhormat termasuklah OKU mendapat pembelaan daripada kerajaan. Tidak adapun di antara rakyat kita Malaysia ini yang apabila mereka miskin, tambahan pula bila termiskin mereka dipinggirkan dan tidak diambil berat oleh kerajaan. Ini kerana kerajaan tidak adakan berkompromi dengan tanggungjawab untuk memberikan pembelaan kepada rakyatnya terutama mereka yang perlukan pembelaan iaitu rakyat miskin.

Banyak bantuan yang disediakan Yang Berhormat untuk rakyat termiskin yang disebutkan oleh Yang Berhormat ini termasuk OKU. Contoh di bawah program Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ada Program Azam Bandar dan sebagainya. Jadi apa yang saya hendak tegaskan tadi kepada pernyataan yang pertama Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat sama ada miskin, termiskin yang telah pun dimasukkan dalam senarai *focus group* dan kemudian dimasukkan dalam senarai eKasih akan sentiasa mendapat pembelaan daripada kerajaan.

Kalau ada antara golongan OKU ini Yang Berhormat, Yang Berhormat fikirkan tertinggal, terpinggir, tidak diberikan perhatian oleh kerajaan, saya silakan Yang Berhormat untuk memberikan maklumat supaya kementerian saya boleh berurusan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk kita membantu mereka ya Yang Berhormat. Itu yang pertama.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan rumah untuk rakyat termiskin. Rumah untuk rakyat termiskin yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi kita ada program khusus untuk itu Tuan Yang di-Pertua, yang diletakkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Di mana

peruntukan itu akan diturunkan oleh kementerian, disalurkan kepada pejabat daerah untuk dibina rumah-rumah PPRT kepada mereka yang termiskin yang kita kategorikan sebagai miskin tegar. Itu ada Yang Berhormat, kemudahan itu disediakan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, menjawab seterusnya kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, bagaimanakah untuk membantu mereka yang sukar mendapatkan pinjaman kewangan bagi pembelian rumah? Saya ingin memaklumkan Yang Berhormat Senator Bathmavathi, buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini telah pun disediakan kemudahan itu. Akan tetapi kemudahan itu diletakkan di bawah Kementerian Kewangan. Dengan penubuhan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP), memang sudah sedia ada, yang memberikan jaminan kepada pemohon-pemohon untuk mendapatkan pinjaman perumahan. Sehingga setakat ini Tuan Yang di-Pertua, sehingga 15 April, kelulusan sebanyak 4,276 telah pun diberikan kepada pemohon-pemohon yang mahu mendapatkan pinjaman perumahan melalui jaminan oleh Syarikat Jaminan Kredit Perumahan di bawah Kementerian Kewangan ini yang melibatkan jumlah sebanyak RM211.404 juta yang telah pun dikeluarkan.

Di peringkat KPKT pula Tuan Yang di-Pertua, di peringkat kementerian kami sedang mengkaji. Seperti yang saya jawab pada soalan yang lepas, untuk mewujudkan satu skim pinjaman perumahan melalui- *in shaa-Allah*, pemberian lesen pemberi pinjam wang. Yang Berhormat Menteri sedang menghalusi cadangan-cadangan yang telah pun dikemukakan untuk difikirkan dengan sebaik mungkin sebelum kita umumkan satu lagi bentuk kemudahan yang boleh diberikan kepada mereka untuk yang tidak layak ataupun tidak mendapat pinjaman wang pinjaman daripada bank untuk mendapatkan pinjaman kepada satu lagi skim yang akan digubal oleh pihak kementerian.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mewujudkan *revolving fund*, itu satu cadangan yang baik. Cadangan ini akan saya bawa kepada kementerian untuk kementerian halusi.

Selain daripada peranan yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan melalui Kementerian Kewangan dan kementerian saya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negeri juga boleh memainkan peranan untuk membantu pembeli-pembeli rumah. Ini kerana projek PPR yang dibangunkan oleh kementerian saya ini Tuan Yang di-Pertua, bukan lagi untuk dijual kepada mereka yang mahu mendapatkan penempatan di perumahan PPR yang dibangunkan oleh kementerian. Ini kerana kementerian akan membangunkan projek PPR ini lebih kepada memberikan sewaan kepada mereka yang memerlukan tempat tinggal atau rumah.

Tidak lagi untuk dijual Tuan Yang di-Pertua kecuali atas sebab-sebab yang tertentu. Mungkin kerajaan negeri boleh membantu mengambil contoh yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Sarawak yang akan mewujudkan skim bantuan kredit kepada pembeli-pembeli rumah kos rendah. Ini satu cadangan yang baik dan satu lagi inisiatif yang baik yang dapat dilakukan oleh kerajaan negeri.

Berbalik kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, berkaitan dengan *universal design* tadi. Saya ingin memaklumkan Yang Berhormat, enam buah jawatankuasa yang saya sebutkan

tadi dalam Majlis Kebangsaan OKU terdapat enam jawatankuasa. Salah satu daripada jawatankuasanya Tuan Yang di-Pertua ialah Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina. Ini yang berkaitan secara khusus dengan *universal design* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Jawatankuasa ini Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebutkan tadi dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa garis panduan perancangan reka bentuk sejagat ataupun yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebagai *universal design* tadi, telah pun diluluskan oleh Kabinet pada 4 Mei 2011 Yang Berhormat telah pun diguna pakai dan garis panduan ini ditekankan kepada segala pelaksanaan yang berkaitan dengan pendekatan bebas halangan dalam sebarang reka bentuk bangunan khususnya premis-premis bangunan awam. Jadi Yang Berhormat tidak payah takut, *universal design* sudah pun digunakan sejak tahun 2011.

■1110

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun meminda dan memasukkan keperluan OKU dalam undang-undang kecil bangunan seragam (UBBL) yang ada di peringkat semua pihak berkuasa tempatan dan melalui pindaan ini Tuan Yang di-Pertua, semua bangunan perlulah memenuhi syarat-syarat yang telah pun ditetapkan bagi menetapkan *accessibility* OKU dan kementerian melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa juga mengeluarkan garis panduan perancangan pembangunan *universal design* bagi memberi panduan kepada semua pihak berkuasa tempatan.

Jadi ayat terakhir saya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat jangan bimbang kementerian sentiasa akan memantau termasuklah pelaksanaan di peringkat pihak berkuasa tempatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat kerana jawapan Yang Berhormat daripada kementerian itu begitu menyeluruh. Nampaknya banyak sekali telah pun dijelaskan, tidak payah lagi lah soalan tambahan daripada siapa-siapa lagi. Saya fikir khusus dan juga kepada wakil OKU Yang Berhormat Senator Bathmavathi, dasar nampaknya semua sudah ada sudah, terpulang kepada Yang Berhormat daripada penguatkuasaan di semua kawasan sahaja. Minta maaf Yang Berhormat. Soalan yang keenam mempersilakan Datuk Lihan Jok.

6. Datuk Lihan Jok minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, cara dan indikator yang perlu diambil kira dalam menentukan kesejahteraan keluarga dan adakah keluarga Malaysia berada pada tahap kesejahteraan yang dapat dibanggakan jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Datuk Lihan Jok pada 15 April 2015 bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam pada 23 April 2015 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga

Malaysia pada tahun 2011. Objektif utama kajian ini adalah untuk membina satu set indikator bagi mengukur tahap kesejahteraan keluarga dan seterusnya menghasilkan indeks kesejahteraan keluarga Malaysia.

Indeks kesejahteraan keluarga yang telah dicatatkan pada tahun 2011 sebanyak 7.55 pada skor maksimum 10. Nilai indeks kesejahteraan keluarga tersebut menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan keluarga Malaysia berada pada tahap yang memuaskan. Memandangkan tiada pengukuran standard untuk mengukur kesejahteraan keluarga di peringkat antarabangsa, pihak kementerian tidak dapat membuat perbandingan mengenai tahap kesejahteraan keluarga Malaysia dengan negara-negara yang lain.

Walau bagaimanapun, *Gallup Incorporated* melalui tinjauannya iaitu *Gallup World Poll* telah membangunkan satu pengukuran khusus untuk mengukur tahap kepuasan kehidupan individu di peringkat antarabangsa. Berdasarkan Laporan *World Happiness Report 2013* yang menggunakan data *Gallup World Poll* tersebut, Malaysia berada pada tangga 56 daripada 156 buah negara yang menyertai tinjauan tersebut.

Di samping itu pihak kementerian telah menyasarkan bahawa indeks kesejahteraan keluarga Malaysia dijangka meningkat kepada lapan menjelang tahun 2020. Bagi merealisasikan sasaran tersebut, pihak kementerian melalui LPPKN telah melaksanakan pelbagai usaha untuk menyokong kesejahteraan keluarga di negara ini dengan menyediakan pelbagai kursus sebagai SMARTSTART untuk yang akan berkahwin, Parenting@Work untuk ibu bapa, Ilmu Keluarga@LPPKN, SMARTbelanja@LPPKN dan sebagainya.

Kursus-kursus yang dilaksanakan secara berterusan melalui kerjasama dengan NGO di seluruh negara ini diharap dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ahli keluarga dalam mengukuhkan institusi keluarga, seterusnya menyokong kepada peningkatan kesejahteraan keluarga. Sekian, terima kasih.

Datuk Lihan Jok: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi jawapan. Tuan Yang di-Pertua, kita amat bimbang pada masa kini mengikut laporan iaitu Unit Perancang Ekonomi negara kita pada tahun lepas terdapat lebih 300,000 orang pembantu rumah asing dari Indonesia yang telah membantu banyak keluarga kita di negara kita ini. Dalam hal ini mereka ini mempunyai aspirasi dan kebudayaan yang mungkin berlainan kerana datang daripada negara asing.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah program yang kerajaan mungkin dan akan buat atau sedang buat untuk membantu lebih 300,000 atau pun tambah dengan pembantu daripada negara asing untuk memastikan mereka ini akan menyumbangkan kepada indikator yang baik keluarga sejahtera Malaysia? Itu soalan saya.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Lihan Jok. Saya rasa soalan itu adalah di luar tajuk. Kita perlu berbincang dengan kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian KDN dan juga Kementerian Sumber Manusia. Ini kerana kalau kita sebut sentuh mengenai perkara pembantu asing itu, kita akan berbincang dengan kementerian yang berkenaan supaya kita

dapat membangunkan kursus untuk kita beli lebih kemahiran dan supaya mereka lebih pengetahuan dalam macam mana mereka mendidik dan juga menjaga rumah tangga kita. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: *Alhamdulillah* Tuan Yang di-Pertua, dapat juga hari ini.

*Tuan Yang di-Pertua orangnya tampan,
Terima kasih bagi soalan tambahan.*

Tuan Yang di-Pertua, indeks kesejahteraan ini adalah termasuk ekonomi keluarga. Pada zaman ini Tuan Yang di-Pertua, sudah berubah. Ramai isteri bekerja manakala suami menjaga rumah tangga. Kalau silap minta maaf, betulkan saya. Trend ini semakin hari semakin meningkat dan ini juga merubah sosioekonomi masyarakat kita dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan perkara ini? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Saya rasa ini satu perkembangan yang begitu menggalakkan kerana ini menunjukkan tahap atau hak kesaksamaan, kedudukan kesaksamaan gender Malaysia ini telah pun wujud. Saya juga ingin beritahu di sini untuk kita memastikan yang bekerja tidak kira lah wanita atau lelaki, kita telah mengadakan satu program *flexi work* supaya kita dapat beri pilihan kepada pekerja-pekerja swasta di sektor swasta supaya mereka boleh pilih- adakah mereka hendak menyertai atau ambil bahagian dalam skim *Flexi Work* khususnya yang telah pun dilaksanakan di kementerian kita. Melalui program itu mereka akan dapat menjaga keluarga dan di samping itu menjejaskan kerja mereka. Sekian, terima kasih.

7. Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan:

- (a) adakah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mempunyai mekanisme tertentu bagi menghindar operator Skim Cepat Kaya berselindung atau menjadikan Koperasi Perumahan sebagai alat untuk Skim Cepat Kaya; dan
- (b) adakah Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah memantau aktiviti-aktiviti Koperasi Pembangunan Hartanah Putrajaya Berhad (B-4-1127) dan Koperasi Hartanah Malaysia Berhad (B-6-1337) (KOHAMA).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah]: *Bismilaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad atas soalan kepada Kementerian KPDNKK.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau pun suruhanjaya tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengawal mana-mana operator skim cepat kaya menjalankan kegiatan mereka.

■1120

Walau bagaimanapun, suruhanjaya telah membuat kawal selia ke atas semua koperasi berdaftar supaya koperasi tidak sewenang-wenangnya digunakan oleh operator skim cepat kaya untuk berselindung bagi melaksanakan skim ini. Antara mekanisme yang telah kita wujudkan adalah seperti

berikut. Pertama, kita mewujudkan garis panduan ke atas koperasi iaitu garis panduan contohnya garis panduan sembilan. Garis panduan ini ialah garis panduan bagi pengambilan simpanan khas dan deposit atau penerimaan pinjaman yang berkuat kuasa pada 5 Mei 2010 dan garis panduan kesepuluh iaitu garis panduan skim pelaburan khas yang berkuat kuasa 5 Mei 2010.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, kita mewajibkan mana-mana koperasi yang ingin menjalankan aktiviti perumahan supaya memasukkan peruntukan bagi pelaksanaan aktiviti ini dalam undang-undang kecil koperasi. Ketiga, kita bertindak segera atas aduan dan maklumat yang diterima. Suruhanjaya akan membuat risikan atas mana-mana koperasi yang disyaki menjalankan atau digunakan sebagai alat untuk menjalankan skim cepat kaya. Keempat, melaksanakan pemeriksaan di bawah seksyen 64, Akta Koperasi 1993 atau siasatan di bawah seksyen 45, Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 ke atas koperasi yang disyaki terlibat dalam skim cepat kaya. Kelima, kita mengeluarkan maklumat kepada awam melalui laman web suruhanjaya atau media massa bagi mengingatkan orang ramai supaya berwaspada dan berhati-hati serta tidak terpedaya dengan sebarang skim cepat kaya. Keenam, kita melaksanakan pemeriksaan usaha wajar *due diligence audit* ke atas koperasi bagi pengawalseliaan dan pengesanan awal di bawah seksyen 64, Akta Koperasi 1993.

Ketujuh, mengeluarkan perintah bertulis di bawah seksyen 69, Akta Koperasi 1993 untuk mengarahkan koperasi menghentikan apa-apa aktiviti yang boleh memudaratkan anggota koperasi atau orang awam terutamanya aktiviti serupa skim cepat kaya dan yang kelapan ialah mengambil tindakan mengenakan tindakan kompaun ataupun pendakwaan ke atas koperasi dan anggota lembaga koperasi yang disabitkan terlibat dalam aktiviti skim cepat kaya termasuk membatalkan pendaftaran koperasi berkenaan jika ia memudaratkan anggota dan orang ramai.

Bagi soalan (b), mengenai dua buah koperasi. Berdasarkan pemantauan suruhanjaya melalui mekanisme yang dinyatakan atas tindakan telah pun diambil ke atas Koperasi Pembangunan Hartanah Putrajaya Berhad. Suruhanjaya telah melaksanakan pemeriksaan di bawah seksyen 64, Akta Koperasi 1993 serta telah mengeluarkan perintah di bawah seksyen 69, Akta Koperasi 1993 supaya koperasi tidak menggunakan nama perumahan PR1MA, ini satu kesalahan dan menghentikan pelaksanaan kutipan wang *performance bond* yang dikutip daripada kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan projek perumahan tersebut. Siasatan di bawah seksyen 45, Akta Koperasi 2007 ke atas koperasi ini juga sedang dijalankan oleh suruhanjaya bertujuan untuk meneruskan tindakan undang-undang selanjutnya ke atas anggota lembaga koperasi jika terdapat unsur-unsur penyelewengan dan salah laku.

Kedua, suruhanjaya membuat pemantauan khas ke atas perjalanan aktiviti Koperasi Hartanah Malaysia Berhad (KOHAMA). Pemeriksaan di bawah seksyen 64, Akta Koperasi 1993, sedang dilaksanakan ke atas koperasi ini dan tindakan undang-undang selanjutnya akan diambil sebaik sahaja pemeriksaan telah membuktikan koperasi ini terlibat secara langsung atau digunakan oleh pihak-pihak lain untuk menjalankan aktiviti skim cepat kaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama minta koperasi ini mewujudkan penguatkuasaan untuk memudahkan atau menyenangkan koperasi untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana koperasi yang ingkar ataupun membuat kesalahan. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan perkasakan Dasar Koperasi Negara 2011-2020 dan kementerian membuat pemantauan khas aktiviti-aktiviti yang menjana keuntungan dan auditkan. Adakah kementerian sedar ada kakitangan yang bertindak sebagai proksi kepada koperasi dan tidak dapat dikesan dan mengapa kaum bumiputera yang ramai menjadi mangsa koperasi dan tidak dikenakan tindakan. Sekian.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Mengenai dengan Dasar Koperasi 2011-2020, kita akan bagi secara bertulis kerana ini agak spesifik dan mengenai dengan kakitangan yang terlibat. Kita mohon supaya diberi kepada kita sama ada kakitangan di peringkat mana untuk kita mengambil tindakan kerana sekiranya kakitangan ini terlibat ataupun cuba untuk melindungi mana-mana koperasi ataupun ahli-ahli lembaga pengarah koperasi yang terlibat sama ada di peringkat negeri ataupun di peringkat mana sekalipun untuk dimaklumkan kepada kementerian supaya kita mengambil tindakan.

Mengenai dengan bumiputera menjadi mangsa koperasi-koperasi. Memang kita sedia maklum sebab itu dalam jawapan-jawapan yang sebelum ini saya bagi, saya minta supaya ahli-ahli koperasi terutamanya untuk memastikan apabila membuat pemilihan dalam mesyuarat koperasi pada tiap-tiap tahun untuk memilih ahli-ahli lembaga pengarah supaya mereka mesti meneliti agar pelantikan ahli-ahli lembaga pengarah di dalam koperasi ini, orang-orang yang benar-benar bertanggungjawab dan beramanah.

Kalau tidak bermakna kata sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera yang menjadi ahli-ahli koperasi itu akan menjadi mangsa kepada segala tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh ahli-ahli lembaga pengarah. Jadi sebab itu, kita selalu memberi peringatan kepada ahli-ahli koperasi supaya apabila untuk memilih ahli-ahli lembaga pengarah ini janganlah memilih kerana beliau adalah sebagai kenalan ataupun ada kaitan dengan kita untuk kita memilih, kita mesti memilih ahli-ahli lembaga pengarah yang mempunyai kaliber dan juga bertanggungjawab, kalau tidak itulah seperti Yang Berhormat sebut tadi, kita akan menjadi mangsa kepada koperasi-koperasi yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan soalan tambahan yang kedua, Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, apakah pihak kementerian terutamanya Suruhanjaya Koperasi Malaysia terfikir untuk mendatangkan suatu bentuk garis panduan ataupun kawal selia berkenaan dengan pematuhan syariah? Ini kerana saya dapati wujud kecenderungan yang berleluasa di kalangan syarikat-syarikat koperasi ataupun pihak koperasi untuk mendatangkan pelbagai instrumen-instrumen yang kononnya patuh syariah dan juga skim-skim cepat kaya yang menggunakan istilah ataupun label syariah *compliance*, dengan izin, ataupun patuh syariah. Yang mana setakat hari ini tidak ada satu

undang-undang ataupun peruntukan peraturan yang mengawal selia perkara ini yang akhirnya ramai yang tertipu dan juga terdorong untuk terlibat dalam skim-skim cepat kaya seperti yang dibincangkan tadi.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf atas soalan tambahan. Seperti yang kita sedia maklum bahawa Suruhanjaya Koperasi memang kita menggalakkan supaya semua koperasi ini membuat perubahan-perubahan dalam pentadbiran koperasi-koperasi di seluruh negara sama ada pematuhan daripada segi syariah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi. Ini kerana sekarang ini kita mesti tekankan agar koperasi-koperasi ini mesti mengikuti perubahan-perubahan yang telah berlaku di seluruh negara dan mengikuti perkembangan-perkembangan tersebut agar koperasi ini dapat dilihat oleh orang ramai dan juga pemegang-pemegang saham koperasi ini di atas kesungguhan ahli-ahli lembaga pengarah untuk membuat perubahan-perubahan.

■1130

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi sebab itulah pada awal tadi saya menyebut supaya apa juga mesti koperasi ini membuat perubahan ataupun mesti memasukkan aktiviti-aktiviti dalam undang-undang kecil koperasi supaya dapat dipatuhi dan dilaksanakan oleh ahli-ahli lembaga pengarah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan jawapan oleh Menteri itu tadi, maka setakat itu dululah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk hari ini.

*[Masa untuk **Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.**]*

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah;

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketiga Belas.” **[14 April 2015]**

Timbalan Yang di-Pertua: Kita teruskan dengan meminta Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad untuk menyambung ucapan Yang Berhormat. Semalam Yang Berhormat ucap seminit saja ya. Teruskan, kurang lebih 20 minit, 9 minit ya.

11.31 pg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam 1Malaysia. Saya ingin menyambung ucapan saya yang terhenti semalam.

Tuan Yang di-Pertua, Ke Bawah Duli Tuanku menyentuh pelbagai isu dan hal ehwal semasa, memberi nasihat, dorongan serta turut menyampaikan ucapan tahniah atas keteguhan ekonomi di sebalik ketidaktentuan di pasaran global hari ini. Ke Bawah Duli Tuanku juga turut memberi peringatan akan ancaman antarabangsa, serangan ekonomi serta IS ataupun *Islamic State* yang dikhuatiri semakin menular di kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa isu yang saya kira penting untuk diambil maklum oleh pihak yang bertanggungjawab. Antara isu yang menjadi pendahulu dalam Titah Ke Bawah Duli Tuanku ialah bencana banjir besar yang luar biasa yang melanda beberapa buah negeri akhir tahun lepas. Di Kelantan sendiri, mengikut sejarahnya telah mengalami beberapa kali banjir besar iaitu pada tahun 1926 dan tahun 1967. Akan tetapi kedua-duanya tidaklah seteruk banjir pada tahun lepas yang bukan sahaja memusnahkan beribu-ribu buah rumah kediaman tetapi juga binatang ternakan, tanaman dan sektor perniagaan.

Kita wajar mengambil kesempatan di sini untuk melakarkan penghargaan terima kasih kepada semua pihak khususnya Kerajaan Pusat, NGO, badan korporat dan semua pihak yang terlibat menyumbang bantuan kepada mangsa-mangsa banjir. Di Kelantan, banjir bukan sahaja berpunca daripada taburan hujan yang lebat dan dasar sungai yang cetek sehingga gagal menampung jumlah air yang banyak tetapi juga dikatakan berpunca daripada kerakusan manusia dalam mengeksploitasi alam semula jadi.

Pembalakan yang tidak terkawal dan penerokaan tanah yang berleluasa di hulu Kelantan menyumbang kepada berlakunya banjir lumpur yang 'ore Kelate' panggil '*bah kuning*'. Dulu tahun 1926, orang Kelantan panggil '*bah air merah*', saya 'kecek Kelate' sebentar. Akan tetapi kali ini bah kuning kerana ia bercampur dengan selut yang warnanya kekuningan.

Saya mengambil contoh apa yang terjadi di sebuah kampung di daerah Machang iaitu di tempat saya, Kampung Bukit Besi Temangan. Di sini tidak pernah berlaku banjir lumpur sebelum ini tetapi disebabkan ada aktiviti perlombongan bijih besi sejak lima tahun yang lepas yang melibatkan perubahan muka bumi, akhirnya baru-baru ini berlaku banjir lumpur yang melenyapkan sebuah rumah kediaman dan dua buah rumah lagi mengalami kerosakan yang amat teruk.

Betullah peringatan Allah SWT dalam Al-Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Di antara musibah yang melanda kamu adalah disebabkan oleh tangan-tangan kamu sendiri. Allah SWT yang*

memaafkan dosa-dosa kamu". Oleh sebab itu saya mencadangkan kepada pihak yang bertanggungjawab supaya lebih bertanggungjawab dalam mengeluarkan lesen-lesen sama ada lesen pembalakan atau perlombongan untuk mengelakkan daripada berlakunya tragedi seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini sudah hampir empat bulan tragedi banjir berlalu. Kehidupan rakyat di negeri-negeri dilanda banjir umumnya sudah kelihatan seperti biasa. Akan tetapi pada hakikatnya mangsa-mangsa banjir masih lagi dihantui igauan ngeri yang telah mereka alami. Oleh sebab itu, wajarlah apabila Seri Paduka Baginda Tuanku bertitah supaya pembinaan rumah-rumah kekal dan pembaikan rumah yang rosak untuk mangsa-mangsa banjir ini dapat dilaksanakan dalam kadar segera. Gesaan ini ada asasnya. Di tempat saya juga, di daerah Machang misalnya telah dipilih sebuah tapak penempatan baru yang diberi nama Desa Rahmat yang terletak di Kampung Berangan Mek Nab.

Desa Rahmat ini, peletakan batu asasnya telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan pada 21 Januari 2015 yang menjanjikan pembinaan 52 unit rumah akan siap dalam jangka tiga hingga enam bulan. Setakat ini, hanya sepuluh unit siap dibina dan kuncinya telah diserahkan kepada pemilik. Daripada sepuluh unit, hanya dua unit baru diduduki kerana tidak mempunyai bekalan air dan elektrik. Yang mendukacitakan pembinaan unit rumah selebihnya kini terhenti sejak dua bulan lepas, di mana silapnya sehingga projek ini terhenti walaupun telah dijanjikan akan siap sepenuhnya sebelum Ramadan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang isu IS atau *Islamic State* yang diketahui sebagai keganasan bentuk baru yang boleh mengancam keamanan negara. IS memperalatkan konsep jihad dalam perjuangan untuk menubuhkan Daulah Islamiah dan menganggap orang yang tidak bersama mereka sebagai kafir yang wajib diperangi. Kumpulan IS ini dikatakan membunuh orang awam yang tidak berdosa dan memenggal kepala tebusan. Perbuatan seperti ini atas nama Islam bukan sahaja kejam dan tidak bertamadun tetapi menyemarakkan lagi *Islamophobia* di kalangan Barat serta mengiakan label *terrorist* terhadap umat Islam.

Pembentangan Kertas Putih, "Ke arah Menangani Ancaman Kumpulan *Islamic State*" oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada sidang Parlimen tahun lepas mencerminkan kebijakan kerajaan dalam meneropongi bahaya IS terhadap keamanan negara. Sejak Kertas Putih dibentangkan pada 26 November 2014, rentak penularan ancaman ini semakin rancak dan semakin meningkat. Dilaporkan jumlah tangkapan negara ini yang terlibat dengan IS seperti yang dilaporkan oleh Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri sehingga 1 April 2015 meningkat kepada 119 orang.

■1140

Kita bersyukur apabila diberitahu pihak polis telah berjaya menahan 17 orang suspek yang merancang menyerang negara ini. Apa yang lebih mencemaskan lagi ialah dua daripada 17 yang ditangkap itu dikatakan anggota tentera yang digunakan oleh IS untuk mencuri senjata api milik pasukan keselamatan. Inilah bahaya IS yang kita hadapi. IS sebagai sebuah ideologi lebih mudah tersebar dalam dunia moden hari ini dengan adanya media sosial. Ideologi IS ini jauh lebih mudah tersebar jika dibandingkan dengan ideologi komunis yang pernah negara hadapi satu ketika dahulu. Kini semua

pencinta keamanan merasa sedikit lega apabila baru-baru ini Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan atau POTA yang dianggap mampu berdepan dengan IS dan gerakan-gerakan militan yang lain. POTA terpaksa melalui sesi perbahasan dan perdebatan yang panjang sebelum diluluskan. Perdebatan berlaku antara dua kumpulan, satu kumpulan bertanggungjawab memikul amanah untuk menjaga keamanan dan kedaulatan negara. Manakala di satu pihak lain bekerja menanggung di air keruh untuk mencari keuntungan politik menggunakan prinsip hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpenggil untuk membangkitkan sekali lagi isu penghinaan yang berterusan terhadap Institusi Raja yang semakin di luar kawalan akhir-akhir ini. Pertamanya kes seorang pemuda Cina telah menunjukkan isyarat lucah terhadap Raja Permaisuri Agong di Lapangan Terbang Bayan Lepas Pulau Pinang. Kedua, insiden beberapa orang pemimpin pembangkang yang didakwa mempersenda Yang di-Pertuan Agong dalam majlis istiadat rasmi walaupun dinafikan oleh mereka. Ketiga, seorang juruukur bahan didenda RM20,000 oleh Mahkamah Seksyen selepas didapati bersalah menggunakan laman sosial menghina Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar. Keempat, kes seorang berbangsa Melayu Ahmad Abdul Jalil diperintah menjalani hukuman penjara enam bulan jika gagal membayar denda yang dikenakan ekoran komen dan tuduhan penghinaan terhadap institusi Raja.

Terkini apa yang telah berlaku dalam istiadat perasmian sidang DUN Perak yang dirasmikan sendiri oleh Sultan Nazrin Muizzuddin Shah pada 31 Mac lalu. Kesemua wakil rakyat pembangkang tidak memakai pakaian istiadat sebaliknya memakai sut atau Baju Melayu warna hitam, hampir semua wakil pembangkang yang bukan beragama Islam tidak memakai songkok.

Perbuatan ini menyalahi kod etika berpakaian ketika perasmian sidang DUN dan boleh ditafsirkan sebagai penghinaan terhadap Sultan. Pada masa yang sama bertentangan dengan prinsip kesopanan dan kesusilaan yang terkandung dalam Rukun Negara. Adalah amat malang bagi Malaysia hari ini mempunyai warga negara yang bertaraf Yang Berhormat yang sanggup mengetepikan adat dan adab semata-mata kerana keghairahan berpolitik.

Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kedudukan istimewa Institusi Raja, Raja-Raja, Yang di-Pertuan Agong seperti dalam Perkara 32, Perkara 38, dan Perkara 71, tidak lagi diambil peduli. Soalannya, apakah tindakan yang perlu diambil untuk menyekat wabak penghinaan terhadap Sultan ini daripada terus menular menjadi trend baru dalam kehidupan bernegara? Apa undang-undang yang sedia ada kini, harus diperketat atau digubal mengikut satu akta baru? Saya juga ingin menyentuh isu KWSP Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Banyak pihak memberi pandangan mengenai pengeluaran wang caruman mereka yang dicadang oleh agensi KWSP untuk diselaras kembali daripada had umur 55 tahun kepada 60 tahun. Selaku seorang pesara yang pernah berkhidmat sebagai guru selama 33 tahun saya berpendapat cadangan untuk menaikkan had umur kepada 60 tahun tidak sesuai dan tidak praktikal. Ini kerana beberapa sebab yang saya fikir iaitu pertama umur 55 tahun biasanya individu

berkenaan masih sihat dan wang caruman mereka boleh digunakan sebagai simpanan lebih baik melalui institusi kewangan dan lebih tinggi nilai faedah tahunannya. Ketika umur 60 tahun pelaburan selama 50 tahun itu mampu bertelur emas sekiranya diurus dengan baik dan profesional.

Kedua, ada individu yang memilih untuk pencen awal iaitu pada usia 55 tahun. Wang simpanan selama mereka berkhidmat boleh dijadikan modal perniagaan dan ada yang telah kaya raya hasil daripada menjadi ahli perniagaan selepas bersara. Ketiga, di usia 55 tahun juga ada juga yang keuzuran dan menghadapi penyakit kronik. Ketika itu wang berkenaan akan digunakan untuk membantu mereka membeli ubat-ubatan bagi mencegah daripada penyakit terus merebak.

Akhir sekali, pihak KWSP sewajarnya memberi hak untuk mengeluarkan wang caruman mereka untuk membayar apa-apa hutang peribadi mereka di usia 55 tahun supaya apabila bersara di usia 60 tahun mereka tidak terikat dengan hutang pencen yang diperolehi boleh digunakan untuk menyara keluarga mengikut gaya mereka sendiri.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian mengenai negeri saya negeri Kelantan iaitu mengenai Lebuhraya Kuala Krai-Kota Bharu yang disebut lebuhraya rakyat oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Projek Lebuhraya Rakyat ini telah dilancarkan pada tahun 2012 seingat saya bermula di Dusun Damar Kuala Krai ke Kota Bharu iaitu sebelum pilihan raya umum yang ketiga belas. Sejauh 74 kilometer dengan anggaran kosnya ialah RM1.8 bilion.

Akan tetapi, akhirnya kerajaan negeri iaitu Kerajaan Negeri Kelantan memaklumkan bahawa pakej dari Dusun Damar ke Bukit Bakar Machang dilaksanakan oleh mereka dan selebihnya dari Machang ke Kota Bharu diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan iaitu Kerajaan Pusat. Kerajaan Persekutuan telah ambil langkah proaktif dengan melancarkan pembinaan yang bermula dari Pasir Hor ke Kaduk pada 7 April 2014 iaitu majlis pecah tanah yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan kosnya RM168 juta. Manakala kerajaan negeri pula sekarang ini sedang menyiapkan kerja-kerja tanah iaitu *clear side* dari Bukit Tiu ke Berangan Mek Nab.

Jadi saya mohon supaya projek ini sama ada Kerajaan Pusat ataupun kerajaan negeri hendaklah mempercepatkan untuk kepentingan dan kemudahan rakyat Kelantan. Sebenarnya negeri Kelantan ini Tuan Yang di-Pertua, telah ketinggalan banyak dari prasarana terutama jalan raya. Rakyat Kelantan yang tinggal di Kuala Lumpur kalau hendak balik ke Kelantan kalau musim perayaan Tuan Yang di-Pertua, kami, anak-anak kamilah yang tinggal di Kuala Lumpur terpaksa mengambil masa 13 jam hingga 14 jam untuk balik ke negeri Kelantan.

Kalau musim perayaan juga kalau hendak pergi ke Kota Bharu sepatutnya satu jam setengah kami terpaksa mengambil masa tiga jam untuk ke Kota Bharu. Jadi itulah saya mohon sangat-sangat supaya lebuhraya ini dipercepat dan disegerakan.

Dato' Boon Som A/L Inong: Boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

■1150

Dato' Boon Som A/L Inong: Saya hendak tanya pasal Lebuhraya Rakyat ini di Kelantan yang *dispearhead by* Menteri Besar Kelantan yang pada masa itu Dato' Nik Aziz. Banyak kutipan dilakukan termasuk Wat Siam pun bagi derma untuk membina lebuhraya ini. Di mana wang itu sekarang ini di mana lebuhraya belum lagi dimulakan dan di manakah wang itu sekarang ini atas derma semua wat, hampir 17 Wat Siam di Kelantan sama-sama menderma untuk membina Lebuhraya Rakyat ini. Di manakah duit itu sekarang? Terima kasih.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Memang betul apa yang disebut oleh Yang Berhormat Boon. Memang bermulanya kutipan Lebuhraya Rakyat ini seingat sayalah, bermula pada tahun 2012 semenjak ia dilancarkan, tetapi saya tidak boleh bagi jawapanlah ke mana duit itu pergi. Setakat ini yang saya sebutkan tadi, hanya Lebuhraya Rakyat yang dikendalikan oleh kerajaan negeri baru mula *clear* kawasan sahaja iaitu bermula dari Bukit Bakar ke Kota Bharu. Jadi itulah, saya tidak boleh hendak memberi jawapan ke mana wang itu. Saya tidak tahu.

Jadi, saya rasa itu sahaja. Sekian, saya mohon menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Hajah Khairiah. Silakah Yang Berhormat.

11.52 pg

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana kebenaran untuk saya turut bersama-sama dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Majlis Pembukaan Sidang Parlimen bagi Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas pada 9 Mac yang lepas.

Terlebih dahulu sebagaimana Datin Rahimah tadi, saya akan membicarakan beberapa perkara tentang bencana banjir yang melanda Kelantan pada Disember 2014 yang lepas. Ia merupakan satu ujian besar bagi rakyat Kelantan dan juga Kerajaan Negeri Kelantan dan tentu sekali Kerajaan Malaysia. Sebagaimana dimaklumkan tadi, jumlah taburannya adalah sangat tinggi pada skala yang berlipat kali ganda tinggi iaitu 1,295 milimeter dalam tiga hari iaitu daripada 21 hingga 23 Disember yang bersamaan dengan hujan selama 64 hari.

Hujan yang luar biasa ini turun di Gua Musang diikuti oleh tempat-tempat yang lebih rendah iaitu Kuala Krai, Tanah Merah, Pasir Mas, Tumpat dan akhirnya Kota Bharu. Jumlah mangsa yang terlibat juga adalah berlipat kali ganda tinggi iaitu lebih 87 buah keluarga dan ini tidak termasuk keluarga-keluarga yang berpindah ke pejabat-pejabat kerajaan, hospital, klinik, bukit-bukit dan juga tempat-tempat yang terkepung. Sebanyak 39 buah jalan utama ditutup, termasuklah sehingga kini jalan kereta api utama dari Tumpat ke Kuala Lumpur masih tidak dapat berfungsi.

Junjung kasih atas keprihatinan Tuanku dengan musibah yang melanda negeri Kelantan dan juga negeri-negeri lain terutamanya dalam usaha menyegerakan proses bantuan dan pemulihan semula infrastruktur di kawasan yang terlibat banjir. Terima kasih juga kepada semua pihak yang telah terlibat menghulurkan bantuan jangka pendek dan jangka panjang kepada mangsa banjir daripada pihak kerajaan mahupun swasta, NGO dan juga individu-individu. Mereka hadir saat diperlukan dari dalam mahupun luar negara... *[Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab]* Allah jua yang membalasnya.

Anggaran kerugian kerosakan harta benda dan juga infrastruktur adalah berbilion-bilion Ringgit. Jika tidak dikendalikan dengan baik, boleh melemahkan ekonomi penduduk dan juga negeri Kelantan di mana amat sedih sekali, mereka yang terlibat kebanyakannya golongan berpendapatan rendah daripada golongan petani dan juga buruh. Amat berterima kasih pihak kami Kerajaan Kelantan dan juga rakyat Kelantan kerana dalam Titah Tuanku menyatakan apa yang disebut oleh Tuanku dalam Titah Baginda penggubalan Rancangan Malaysia Kesebelas perlu memberi perhatian kepada usaha mitigasi dan pemulihan pasca banjir luar biasa selain menangani gejala global. Semoga Titah Baginda Tuanku ini diambil berat dan diambil perhatian dalam penggubalan Rancangan Malaysia Kesebelas yang akan datang bermula 2016 ini.

Seterusnya, saya ingin tekankan di sini berkait dengan sebuah jambatan yang telah rosak teruk sehingga kini iaitu jambatan kereta api Kemubu dan jambatan ini merupakan kegunaan penduduk-penduduk, khasnya di Kampung Kemubu dan amnya penduduk-penduduk di daerah Dabung yang melibatkan berjumlah 15,400 orang. Jambatan ini dan juga perkhidmatan kereta api ini menjadi kegunaan mereka untuk menyambung ke bandar yang terdekat iaitu Gua Musang. Kebanyakan penduduk dari kampung ini terlibat bekerja di bandar Gua Musang dan mencari bekalan-bekalan makanan dan sebagainya di Bandar Gua Musang sehingga ini masih belum dapat dibaiki. Tiada tanda-tanda ia akan dibaiki.

Cuma saya telah dimaklumkan oleh pihak Menteri, bahawa baik pulih ataupun pemulihan jambatan kereta api dan perkhidmatan kereta api ini memakan masa sehingga 12 hingga 24 bulan iaitu dua tahun. Saya kira jangka masa ini suatu masa yang panjang. Kita tidak terasa kerana kita tidak berada di tempat mereka. Mereka terpaksa menggunakan jalan sehingga 100 kilometer untuk keluar dari bandar menuju ke Kuala Krai berbanding dengan penggunaan biasa iaitu melalui jambatan ini.

Jadi jika tengok kepada keadaan sekarang, kerja-kerja baik pulih masih belum bermula, apakah tempoh 24 bulan yang dijanjikan dapat direalisasikan? Saya kira pihak-pihak yang berkenaan perlu menyegerakan untuk melihat tindakan-tindakan yang sewajarnya ke atas baik pulih kemudahan-kemudahan ini bagi memastikan penduduk di kawasan ini dapat menjalankan kegiatan hidup terutamanya kegiatan ekonomi, menjana pendapatan keluarga dan masyarakat seperti biasa.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20 iaitu berkaitan dengan pengurusan mengenai dasar dan mekanisme pengurusan bencana yang kali terakhir telah disemak pada 30 Mac 2012. Melalui Perkara 24, langkah pemulihan selepas bencana, apa yang disebut dalam langkah pemulihan tersebut banyak menekankan tentang pemulihan dari sudut fizikal.

Namun, apabila dibaca berkait dengan pemulihan-pemulihan yang dalam arahan itu, suatu aspek penting yang saya kira sangat teras yang kemungkinan sebelum ini tidak menjadi suatu yang besar tetapi bagi kami di Kelantan yang melibatkan mangsa banjir yang sehingga sekarang berada di 16 buah penempatan sementara banjir, yang berada di dalam khemah hampir empat bulan. Mereka menempuhi kesukaran yang saya kira dari sudut fizikal kita boleh melihat. Akan tetapi dari sudut tekanan psikologi, tekanan mental, semangat untuk terus hidup, motivasi untuk terus menyara keluarga itu suatu aspek yang perlu ada tindakan sewajarnya

■1200

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat, minta laluan, boleh?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Ya.

Dato' Khairudin bin Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, antara punca banjir, kita difahamkan ialah kerana pembalakan yang begitu ketara. Salah satu sebab, bukan sahaja kerana hujan, kalau hujan sahaja tak mungkin begitu teruk banjir yang berlaku tetapi di antaranya ialah pembalakan yang begitu ketara. Apakah kerajaan negeri telah pun mengambil tindakan terhadap pembalakan-pembalakan ini? Kalau Yang Berhormat boleh berkongsi dengan saya. Terima kasih.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Soalan ini saya akan jawab sekali sahaja, tidak akan ada pengulangan selepas ini lagi. Pertamanya, faktor utama faktor hujan yang melampau. Saya kira pembalakan berlaku di mana-mana dan di Kelantan sendiri, aktiviti pembalakan berlaku mengikut piawaian ataupun standard yang ditetapkan dan piawaian ini dipatuhi oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Berkenaan dengan peraturan, permit semuanya dipatuhi dan masih lagi mengikut. Tidak ada sebarang kenyataan ataupun sebarang dapatan yang mengatakan bertentangan dengan piawaian ini.

Jadi saya kira faktor pembalakan mungkin menjadi faktor yang sumbangan. Akan tetapi faktor pertamanya adalah faktor hujan yang turun dengan kadar yang pada skala yang begitu berlipat kali ganda. Tentu sekali penguatkuasaan dari sudut pembalakan haram sering kali dilaksanakan daripada semasa ke semasa.

Berkait dengan psikologi *flood victim*, dengan izin, iaitu berkait dengan motivasi ataupun bantuan dari sudut psikologi kepada mangsa-mangsa banjir ini yang saya lihat agak terabai. Jika kita lihat kepada mangsa-mangsa banjir ini yang kebanyakannya adalah beragama Islam, perlu ada pengisian, perlu ada tindakan berskala dari sudut memberi motivasi, membuat pengisian kepada mereka terutamanya untuk terus bangkit. Mereka ini hilang rumah, mereka ini bukan setakat hilang rumah tetapi hilang mata pencarian. Mereka ini hilang mata pencarian kerana mereka kebanyakannya bekerja sebagai penoreh dan kebanyakan pokok-pokok getah yang ditoreh mati. Walaupun mungkin tanah-tanah getah itu bukan kepunyaan mereka sendiri, mereka menoreh di tanah orang lain tetapi pokok-pokok ini kebanyakan mati kerana banjir ini.

Jadi pertamanya dari sudut motivasi untuk mereka terus bangkit menyara keluarga dan yang keduanya adalah dari sudut bantuan-bantuan kerajaan terutamanya bantuan pekebun kecil, bantuan kepada peniaga-peniaga kecil yang kebanyakan mereka barang-barangnya musnah terutamanya di

pasar-pasar Kuala Krai dan pasar-pasar yang terlibat dengan banjirlah. Seterusnya berkait dengan *time frame* ataupun jangka masa pemulihan dan saya lihat dalam perkara 24 ini tidak dinyatakan secara jelas *time frame* untuk pemulihan. Hanya dinyatakan adalah pemulihan hendaklah dilakukan dengan segera.

Bagaimanakah tahap kesegeraan ini? Adakah pemulihan ataupun pembangunan rumah-rumah kekal, pembangunan rumah-rumah yang selayaknya diduduki oleh mereka, segera itu bermakna enam bulan, segera itu bermakna tiga bulan? Adakah berada di dalam khemah selama tiga bulan itu adalah sesuai dengan perkataan itu ataupun sesuai. Bagi saya, sangat-sangat tidak sesuai dan jika kita sendirilah duduk dalam keadaan mereka, saya rasa sehari pun saya tidak ingin berada di dalam khemah dengan cuaca pada hari ini.

Jadi di sini jika kita lihat kepada pembentangan Menteri baru-baru ini menyebut tentang bantuan perumahan kekal sebanyak lebih kurang 1,900 lebih. Data yang ada pada saya ialah 1,800 lebih, di mana 800 lebih buah rumah itu adalah akan dibina oleh kerajaan negeri melalui Tabung Bencana, melalui MAIK, melalui NGO dan sebagainya dan sebilangan 900 lebih ini akan dibina oleh Kerajaan Pusat. Jadi berkenaan dengan yang akan dibina oleh kerajaan negeri, saya ada beberapa maklumat dengan saya termasuklah yang telah dibina, sedang dibina dan telah masuk tapak, ada.

Cuma yang saya ingin tanya di pihak kerajaan di sini ialah berkait dengan bilangan rumah yang akan dibina oleh Kerajaan Pusat melalui JPP iaitu melalui JKR dan sebagainya. Saya dimaklumkan tentang perumahan PPRT yang berada di Galas, Gua Musang di mana jumlah bilangan rumah ini adalah sebanyak lebih kurang 100 buah dan dicadangkan oleh pihak kerajaan negeri 38 buah diberi kepada mangsa banjir yang boleh dikategorikan sebagai PPRT. Dengan harapan 38 buah keluarga boleh memasuki rumah PPRT ini yang telah pun siap. Cuma saya ingin bertanya apakah masalahnya sehingga menyebabkan sejumlah 38 orang ini masih lagi tidak boleh masuk untuk menduduki rumah-rumah ini yang telah pun siap.

Jadi walaupun 38 buah rumah, saya rasa memberi kelegaan kepada 38 buah keluarga adalah sesuatu yang sangat-sangat rahmat, sangat melegakan bagi mereka. Jadi seboleh-bolehnya maknanya jika perumahan ini telah pun siap, kenapa tidak boleh diberikan sekiranya mereka ini boleh dikategorikan dan layak untuk menerima rumah-rumah PPRT ini di Mukim Galas, Gua Musang.

Saya masuk kepada topik yang seterusnya iaitu pembangunan dan naik taraf perpustakaan awam. Saya ingin merujuk kepada satu ayat Quran iaitu dalam surah Al-Alaq... [*Membaca potongan ayat Al-Quran*] Maksudnya, "*Bacalah dan Tuhan kamu akan memuliakan kamu*". Betapa mulianya generasi membaca, betapa mulianya generasi yang ada mengamalkan budaya membaca ini yang saya kira budaya ini sangat jarang dan janggal dan mungkin agak ganjil dengan masyarakat kita di Malaysia pada hari ini. Pembentukan generasi unggul melalui pembentukan budaya membaca dan budaya cinta ilmu. Budaya membaca dan cinta ilmu di kalangan rakyat Malaysia terutama muda mudi kedengaran sangat ganjil dan janggal serta sukar dilihat di Malaysia.

Boleh saya katakan budaya membaca sambil lepak-lepak agak ganjil di Malaysia. Anak-anak muda lebih suka lepak di kaki lima dan pusat membeli belah. Saya ingin berkongsi beberapa fakta di sini,

fakta berbentuk angka-angka. Saya berikan contoh di sini. Pertama, perbelanjaan bagi 12 buah perpustakaan awam negeri di Malaysia pada tahun 2009 adalah berjumlah RM125 juta iaitu purata RM10 juta setahun bagi setiap perpustakaan awam negeri berbanding dengan Singapura, negara yang berjiran dengan kita, mereka membelanjakan RM72 juta setahun khusus untuk pembelian buku-buku bagi 23 buah perpustakaan iaitu purata RM3 juta setahun bagi setiap perpustakaan berbanding dengan kita hanya RM1 juta. Singapura membelanjakan RM3 juta dan RM3 juta ini khusus untuk pembelian buku-buku.

Di Amerika (US) pula, perbelanjaan tahunan untuk perpustakaan USD14 bilion hampir setanding dengan perbelanjaan bagi pengiklanan perniagaan di majalah-majalah untuk *advertising*. Perbelanjaan untuk perpustakaan hampir sama banyak untuk perbelanjaan pengiklanan perniagaan di majalah-majalah dan bilangan pustakawan di US pula hampir sama banyak dengan bilangan arkitek dan juga bilangan ahli farmasi.

■1210

Ini saya kongsi dari sudut angka-angka dan jika kita lihat di Malaysia, di Malaysia terdapat 1,274 buah perpustakaan awam yang terdiri daripada 16 buah perpustakaan awam negeri dan 136 buah perpustakaan awam cawangan daerah dan 1,122 buah cawangan perpustakaan desa. Cuma ingin saya utarakan di sini bagaimana kerajaan menguruskan dan memberi *priority* serta peruntukan kewangan bagi memastikan kesemua perpustakaan ini terutamanya perpustakaan desa yang berjumlah 1,122 ini. 1,122 buah perpustakaan desa yang kebanyakannya berada di luar-luar bandar.

Saya kira dan saya mencadangkan agar kerajaan memberi nafas baru menjenamakan semula, menaik taraf, menjenamakan dan memastikan tempat-tempat ini cukup menarik bagi menggalakkan anak-anak hadir bermain dan mengadaptasi budaya membaca di tempat-tempat itu. Usaha ini telah dibuat di beberapa buah tempat, di Selangor. Di Selangor telah ada pusat-pusat interaktif melalui perpustakaan-perpustakaan cawangan ini dan saya kira ini adalah sepatutnya menjadi salah satu usaha kerajaan bagi menaikkan lagi taraf pendidikan, taraf hidup masyarakat kita khususnya masyarakat yang berpendapatan rendah di luar bandar.

Bila wujud tempat-tempat yang begitu menarik untuk anak-anak kita lepak, untuk anak-anak kita berehat dan untuk anak-anak kita berinteraksi dengan ilmu, berinteraksi dengan maklumat, berinteraksi dengan rakan-rakan yang sihat maka *in shaa-Allah* ini boleh mewujudkan suasana sosial yang lebih selamat, yang lebih sihat, yang lebih kondusif untuk anak-anak kita serta mampu menaikkan lagi taraf pendidikan dan taraf kehidupan terutamanya masyarakat-masyarakat di luar bandar.

Seterusnya berkait memartabatkan Mahkamah Syariah di Malaysia. Dalam usaha memartabatkan Mahkamah Syariah dua aspek yang penting sangat dilihat iaitu pertamanya dari sudut bidang kuasa hukuman dan taraf perkhidmatan kehakiman. Berkait dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah ia adalah tertakluk kepada Akta Mahkamah Syariah iaitu bidang kuasa jenayah 1965 dan kali terakhir telah disemak pada tahun 1988 yang menyatakan bahawa Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia hanya boleh menjatuhkan hukuman tidak lebih daripada tiga tahun penjara, denda RM5,000

dan enam kali sebatan. Jika dibandingkan dengan Mahkamah Majistret yang ada sekarang iaitu mahkamah yang di *level* yang paling bawah ia mempunyai bidang kuasa jenayah bagi membicarakan kesalahan yang boleh dihukum maksima sehingga 10 tahun penjara.

Jadi jika kita lihat kepada Enakmen Jenayah Syariah yang berkuat kuasa di negeri-negeri sekarang, kesalahan zina dan minum arak telah pun menjadi kesalahan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah dan negeri-negeri. Namun hukuman yang boleh dijatuhkan hanya maksima 3 tahun penjara, denda RM5,000 dan 6 kali sebatan sedangkan hukuman yang dinyatakan bagi kesalahan zina dan minum arak jauh lebih tinggi iaitu sebatan sehingga 100 kali sebatan dan sebatan ini adalah berdasarkan cara sebatan syariah dan sama sekali tidak sama dengan kaedah sebatan yang diguna pakai di Mahkamah Sivil hari ini.

Selain daripada itu, bagi memartabatkan Mahkamah Syariah juga, perlu dilihat kepada grad perkhidmatan para hakim di Mahkamah Syariah yang tentu sekali perlu dinaik taraf setanding dengan hakim-hakim di Mahkamah-mahkamah Sivil barulah kredibiliti mahkamah hakim-hakim di Mahkamah Syariah salah satu aspeknya boleh akan dapat dinaiktarafkan.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Saya mohon mencelah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan pencerahan daripada Yang Berhormat, berkenaan dengan memartabatkan Mahkamah Syariah. Tadi disebutkan memartabatkan Mahkamah Syariah daripada segi meningkatkan jumlah hukuman dalam konteks Akta 355 atau Akta Mahkamah Syariah bidang kuasa syariah. Akan tetapi, apakah pandangan Yang Berhormat dalam konteks memartabatkan Mahkamah Syariah yang mana daripada segi *maqasid syariah* ataupun daripada segi matlamat syaraknya adalah untuk memastikan bahawa aspek keadilan itu ditegakkan?

Sebelum kita berbicara soal meningkatkan daripada segi hukuman, apakah Yang Berhormat setuju bahawa kita harus mengangkat dahulu martabat Mahkamah Syariah yang ada hari ini seiring dengan Mahkamah Sivil yang hari ini kalau kita lihat orang yang kena tuduh dalam Mahkamah Sivil dia akan melalui 5 peringkat untuk dia mendapatkan keadilan? Maknanya kalau dia dituduh di peringkat Mahkamah Sesyen dia boleh sampai ke Mahkamah Persekutuan. Akan tetapi dalam konteks Mahkamah Syariah kalau orang yang dituduh di peringkat mahkamah bawahan dia hanya ada 3 peringkat sahaja. Jadi kalau 3 dengan 5 peringkat ini pun tidak menunjukkan keadilan bagi pihak yang dikenakan tuduhan itu apakah ini menjadikan suatu keutamaan terlebih dahulu untuk dipertingkatkan martabat sebelum kita berbicara soal hukuman. Saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Senator.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Tentu sekali beberapa *level* kepada mahkamah ini menjadi suatu faktor penting dari sudut taraf ataupun tingkat mahkamah itu sendiri dan saya bersetuju tingkat mahkamah hari ini di Mahkamah Syariah kita ada 3 sepatutnya dinaikkan kepada 5 setaraf dan sebanding dengan Mahkamah Sivil yang ada sekarang ini. Saya kongsi sedikitlah di sini berkait dengan sistem kita yang ada pada hari ini berkait dengan keadilan undang-undang amat berkait rapat dengan sistem rayuan. Di dalam Mahkamah Sivil pada hari ini, antara mahkamah yang tinggi adalah Mahkamah Rayuan. Dalam sistem yang ada di Mahkamah Sivil pada hari ini untuk membolehkan satu-

satu kes didengar untuk rayuan perlu ada permohonan barulah kes itu akan didengar untuk rayuan tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada 3 minit lagi ya, Yang Berhormat.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Akan tetapi di dalam apa yang dibentangkan di Kelantan saya kira ini suatu perkongsian, suatu elemen yang sangat murni saya kira iaitu rayuan ini berlaku secara automatik sekiranya seseorang disabitkan dengan hudud beliau tidak perlu merayu, secara automatik kesnya akan didengar di Mahkamah Rayuan Khas. Okey, itu yang saya hendak kongsilah bersabit juga dengan 3 tingkat Mahkamah Syariah menjadi 5 tingkat sebab ada tingkat-tingkat untuk rayuan.

Saya sebut sedikit berkait dengan fatwa anak tidak sah taraf. Sebelum ini pada tahun pertama saya dilantik saya telah pun menyebut tentang anak tidak sah taraf ini di mana berkait dengan Fatwa Majlis Kebangsaan Bahagian Hal Ehwal Agama Islam yang bersidang pada 1981 di mana kesan daripada fatwa ini yang menyatakan mana-mana anak yang lahir 6 bulan sebelum maknanya tidak cukup 6 bulan tempoh perkahwinan tidak boleh di bin atau dibintikan dengan nama ayah tetapi sekiranya lahir selepas 6 bulan daripada tempoh perkahwinan boleh di 'bin' atau di 'binti' kan dengan nama ayah.

Cuma cadangan saya di sini agar fatwa ini disemak semula kerana terdapat juga pandangan-pandangan daripada ulama yang menyatakan bahawa walaupun anak itu lahir kurang daripada 6 bulan boleh dibinkan atau dibintikan dengan nama ayah.

■1220

Ini adalah memandangkan kepada kemaslahatan anak-anak itu sendiri terutamanya dari sudut perkembangannya, perkembangan pendidikan, perkembangan motivasi dan juga perkembangan psikologi kanak-kanak tersebut. Jadi saya harap kerajaan ataupun Majlis Fatwa Kerajaan mungkin boleh menyemak semula pandangan yang telah dibuat pada tahun 1981 ini mengambil kira faktor yang telah saya sebutkan tadi dan juga mengambil kira bilangan anak tidak sah taraf bagi tahun 2011. Saya ambil contoh di sini iaitu 8.9% daripada pendaftaran kelahiran anak bagi tahun 2011 anak tidak sah taraf iaitu sebanyak 46,941 orang.

Jadi kemaslahatan kepada 46,941 orang kanak-kanak ini yang sekarang ini entah sudah beberapa tahun sudah umurnya ini, sudah empat tahun bagi yang tahun 2011 ini lahir, jadi bagaimana kemaslahatan mereka apabila surat beranak mereka walaupun mereka ada ayah tetapi disebabkan mereka lahir kurang daripada enam bulan daripada perkahwinan, mereka tidak dapat di bin atau dibintikan dengan nama ayah mereka.

Satu lagi berkait dengan pusat kecantikan wanita. Terbaru, dalam surat khabar ada dilaporkan tentang operasi pusat-pusat kecantikan yang bercanggah dengan Akta Peranti Perubatan 2012 di mana alat-alat ataupun peranti perubatan ini dioperasikan oleh seorang yang bukan pakar dan saya kira operasi alat-alat peranti perubatan ini yang bukan pakar seperti penggunaan mesin-mesin rawatan laser ini boleh menyebabkan kecederaan kepada mungkin kebanyakannya adalah wanita-wanita yang ingin tampil lebih cantik. Saya mohon agar kerajaan memastikan ataupun memantau sepenuhnya akta ini, memastikan agar orang-orang yang berkecualan sahaja yang mengoperasikan peranti perubatan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh gulung, Yang Berhormat ya sebab kita ada ramai orang hendak berucap hari ini.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya hendak sikit sahaja berkait dengan Yang Berhormat Dato' Boon sebut tadi. Berkait dengan kutipan dana lebuhraya rakyat termasuklah dana yang disumbangkan oleh wat siam. Jumlah yang dikutip daripada dana tersebut adalah lebih kurang kalau tidak silap saya RM1.8 juta sedangkan keperluan untuk membina lebuhraya itu adalah berpuluh-puluh juta. Duit yang disumbangkan oleh rakyat telah diletakkan dalam tabung khas. Tidak diusik cuma sekarang ini kerja-kerja untuk lebuhraya rakyat sedang dilaksanakan di mana kontrak-kontrak berkenaan telah diberikan dan saya dimaklumkan baru-baru ini tetapi saya tidak boleh memberikan maklumat secara *detail* di sini. Ia sedang berjalan mengikut fasa-fasa yang telah ditetapkan. Ini kerana pembinaan ini memakan masa sehingga tiga tahun kalau tidak silap saya.

Dato' Boon Som A/L Inong: Boleh saya mencelah?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya ada masa lagikah?

Timbalan Yang di-Pertua: Masa tidak ada lagi Yang Berhormat tetapi saya rasa Yang Berhormat gulung sahajalah.

Dato' Boon Som A/L Inong: Saya hendak tanya satu soalan sahaja. Pendek sahaja. Minta izin. Minta izin.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Selepas ini tanya saya. Selepas ini tanya saya.

Dato' Boon Som A/L Inong: Sekarang ini lebuhraya rakyat itu di fasa masa sekarang ini?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Baru di peringkat fasa pertama. Baru di peringkat fasa pertama tetapi kita telah pun melawat tapak dan telah melihat proses untuk perataan, kerja-kerja ukur. Saya rasa kerja-kerja ukur telah pun selesai. Baru di peringkat fasa pertama.

Satu lagi, saya ambil peluang untuk memaklumkan tentang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Norliza berkait dengan arahan pembacaan empat doa. Berkait dengan arahan pembacaan doa ini adalah tidak pernah dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kemungkinan perkara tersebut adalah salah faham berkait dengan satu program yang dibuat oleh pihak NGO. Ini telah pun lama berlaku dan telah pun selesai. Arahan agar azan tidak boleh dikuatkan juga adalah dimaklumkan di sini bahawa tiada sebarang surat rasmi yang dikeluarkan oleh pihak Setiausaha Kerajaan Negeri berkait dengan larangan azan tidak boleh dibuat secara kuat ini. Saya rasa setakat itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian. Silakan, Yang Berhormat.

12.26 tgh.

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mengalu-alukan pelawat dari Parlimen Tangga Batu [*Tepuk*]

Izinkan saya menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas pada 9 Mac 2015. Saya memohon dan menyokong usul menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana menasihati kita sebagai dengan izin, *legislator*. Selepas saya membangkitkan isu Akta Hasutan pada sesi yang lepas di Dewan ini, saya amat gembira klausa tentang Sabah dan Sarawak telah dikeluarkan daripada Akta Hasutan itu. Semua yang berada di Dewan yang mulia ini, saya percaya kebanyakan, dengan izin, *freedom on speech* tetapi bukan *abuse of freedom on speech*, dengan izin.

Saya berharap kerajaan akan mengecualikan Akta Hasutan terhadap penduduk Sabah dan Sarawak khususnya berkaitan dengan penarikan Sabah dan Sarawak dari Malaysia. Ini kerana melalui cara ini, kita dapat mengenal pasti perkara-perkara penting yang memerlukan penyelesaian segera. Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Amar Adenan Satem, Ketua Menteri Sarawak dalam banyak keadaan menyatakan bahawa cadangan Sarawak keluar dari Malaysia merupakan sesuatu yang bodoh.

Namun demikian, Sarawak akan tetap memperjuangkan kepentingan rakyat Sarawak seperti dalam Perjanjian Penubuhan Malaysia yang terdiri daripada Malaya, Sabah, Sarawak dan Singapura. Oleh sebab perjanjian ini, saya amat berharap Kerajaan Persekutuan dan semua Yang Berhormat memahami serta menghormati pendirian Kerajaan Negeri Sarawak serta rakyat Malaysia di Sarawak berkaitan isu seperti hudud dan perkataan "Allah" dalam *Bible*.

Pada sesi dahulu, saya sudah menjemput semua Yang Berhormat di dalam Dewan ini turun padang ke Sarawak. Jemputan itu masih di sini kerana itu dengan izin, *seeing is believing*. Dalam pada itu, saya berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin dahulu daripada parti saya, SUPP yang ditubuhkan pada tahun 1959 yang memperjuangkan kepentingan Sarawak sebelum dan selepas penubuhan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada Disember yang lepas dalam Dewan yang mulia ini, saya pernah menimbulkan isu berkaitan pembangunan sumber dan peluang pekerjaan yang adil untuk Sabah dan Sarawak memandangkan ia merupakan satu ketidakpuasaan rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib, Perdana Menteri Malaysia dengan izin, *walk the talk*.

Sudah berkunjung dua kali ke Sarawak pada tahun ini. Malahan beliau merupakan antara Perdana Menteri yang paling banyak membuat lawatan ke Sarawak. Beliau juga telah memberi komitmen beliau terhadap pembinaan *Pan Borneo Highway* sepanjang 1,000 kilometer di Sarawak sahaja iaitu sepanjang dengan *North-South Highway* tetapi di Sarawak sudah 1,000 kilometer.

■1230

Projek ini bukan sahaja akan memudahkan penduduk rakyat untuk bergerak dari tempat ke tempat lain malahan akan merangsang ekonomi Sarawak pada keseluruhannya. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib, Perdana Menteri Malaysia dalam satu lawatan telah merasmikan upacara pecah tanah bagi Hospital Sri Aman untuk menggantikan hospital yang sedia ada. Hospital dulu dibina pada tahun 1960. Tidak mempunyai kemudahan peralatan yang canggih selaras dengan peredaran masa.

Berkaitan dengan ini juga Fakulti Perubatan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sekolah perubatan universiti tempatan yang kelima tetapi setelah 20 tahun, Fakulti Perubatan ini masih belum mempunyai hospitalnya sendiri. Dengan jumlah penduduk di Kuching seramai 900,000 orang, dengan izin, kita mempunyai kurang daripada 1,000 buah katil di hospital. Malahan dengan terbinaanya Hospital Petra Jaya dalam beberapa tahun terdekat, kita hanya mempunyai 1,400 katil sahaja berbanding dengan hospital di Kota Bharu, Kelantan, mempunyai 1,600 buah katil untuk jumlah penduduk sekitar 500,000 orang. Saya selalu cakap mengapa penduduk di Kuching begitu sihat atau katil di Hospital Umum.

Berkaitan dengan topik perkhidmatan perubatan. Walaupun kini kita mempunyai hanya 7% yang melebihi 60 tahun, kebanyakan di Malaysia hanya 15 tahun di bawah ada 30% tetapi menjelang tahun 2030 terhadap 15% orang yang melebihi 60 tahun. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan dari Selangor mengenai *genetic service comprehensive* tidak mesti ada. Dua minggu dulu saya dalam *Regional Genetic Conference* di Kuching, saya berkongsi bahawa kita memerlukan satu perkhidmatan HK, bukan *genetic* saja, HK yang komprehensif termasuk daripada segi perubatan, cara rumah dibina dan staf sokongan daripada kalangan masyarakat.

Oleh sebab itu, bukan sahaja melibatkan Kementerian Kesihatan, malah juga kementerian lain dalam perancangan HK. Tuan Yang di-Pertua, pada sesi Dewan Negara tahun lepas, Dewan dimaklumkan bahawa daripada 590 orang pegawai JPA JUSA 'C' dan ke atas hanya 18 orang pegawai JUSA 'B' dan 'C' dari Sabah dan Sarawak. Isnin yang lepas. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini hanya 4,707 orang, dengan izin, orang rakyat Malaysia dari Sabah yang menganggotai Angkatan Tentera Malaysia yang terdiri daripada jawatan lain-lain pangkat. Manakala bagi jawatan pegawai 18 orang.

Adakah jumlah ini boleh ditambah selaras dengan dasar untuk melibatkan lebih ramai pegawai dari Sabah dan Sarawak dalam pentadbiran. *Maybe* kita adakan satu kuota di JPA, di Polis, di ATM. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu kos kehidupan. Terdapat banyak kekeliruan di peringkat rakyat seperti dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Shahanim dari Kedah pada Isnin yang lalu. Banyak harga barangan naik selepas 1 April 2015. Jadi penduduk Sarawak amat bergantung kepada pengangkutan udara untuk bergerak dalam negeri. Mereka mengharap tidak ada GST untuk penerbangan dalam negeri macam sama dengan penerbangan antarabangsa, tidak ada GST.

Satu perkara lagi yang berkait dengan kos kehidupan ialah perumahan. Rakyat Sarawak amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Patinggi Haji Adenan Satem, Ketua Menteri Sarawak yang menjanjikan *zero* kuarters menjelang tahun 2020 dan jangkaan semasa setahun, banyak kawasan kuarters di kawasan Miri, Sibu dan Bintulu telah ditempatkan semula dan diberikan TOL. Ia merupakan permulaan ke arah *zero* kuarters tetapi dengan kos rumah yang semakin meningkat, Sarawak memerlukan lebih banyak perumahan PR1MA berbanding dengan 3,000 yang diperuntukkan ke Sarawak setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai *Trans Pacific Partnership Agreement* (TPPA) atau Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik. Kerajaan perlu mengambil pendekatan berwaspada dan mengkaji dengan

penuh teliti sebelum membuat sebarang keputusan. Secara umumnya rakyat masih dalam kegelapan tentang TPPA dan adalah menjadi kewajipan kerajaan memberi penjelasan secukupnya sebelum keputusan akhir dibuat. Dalam hal ini, MITI bukan sahaja dalam perjalanan TPPA malahan memberi satu penjelasan kepada rakyat. Maka dalam Dewan yang mulia ini, saya berpendapat Sarawak sebagai sebahagian daripada kerajaan Malaysia perlu diberi peluang untuk mengemukakan cadangan serta pandangan dan seterusnya dibekalkan dengan maklumat berkaitan dengan TPPA sebelum satu keputusan muktamad dibuat tidak lama lagi.

Sebelum saya berundur diri, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib dan Kerajaan Malaysia untuk Malaysia dilantik di Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pengerusi bagi negara-negara ASEAN. Malaysia perlu berkongsi dengan negara jiran tentang keharmonian negara ini walaupun terdapat pelbagai kaum dan agama. Malaysia sebagai sebuah negara yang dibina dalam masa 50 tahun sahaja dan tanggungjawab kita semua untuk bekerja lebih keras demi masa depan yang lebih cerah. Dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon.

12.38 tgh.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk membenarkan saya menyertai Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini. Negara kita mengalami banjir besar yang luar biasa pada tahun lalu dan kita berasa kecewa yang banjir semakin teruk ini bukan saja disebabkan oleh perubahan iklim semata-mata tetapi berpunca oleh ketamakan manusia yang sentiasa mencero bohi, mengeksploitasi alam semula jadi kita dan hanya untuk kepentingan sendiri iaitu cari keuntungan. Kita dapati hutan simpan, tanah rizab, sungai dicero bohi serta akibat yang buruknya terjadi iaitu banjir dan tanah runtuh.

Dalam isu ini semua pihak termasuk kerajaan menghadapi kerugian hanya sebilangan penceroboh itu mendapat keuntungan. Saya fikir ini memanglah tidak adil dan memanglah satu kesalahan yang besar sebab banjir dan tanah runtuh ini terlibat nyawa terkorban.

■1240

Bukan saja harta benda dirosakkan. Dalam isu ini memanglah kita balik ke penguatkuasa kerajaan dan pentadbiran kerajaan kita. Jadi di sini saya ingin bertanya, apakah tindakan kerajaan akan menjatuhkan hukuman kepada pegawai-pegawai yang terlepas pandangan atas isu yang penting seperti ini? Oleh sebab, dengan izin, Rome ini *not build in one day*. Hutan simpan dan tanah sungai ini dicero bohi bukan satu dua hari. Ini berterusan bertahun-tahun tetapi dibiarkan begitu. Sampai sekarang tibalah masa kita merasakan begitu pahit kesan buruk itu.

Jadi saya berharap kementerian, kerajaan kita buatlah sesuatu sebelum ia tidak terlalu lewat. Oleh sebab sekarang sudah sampai pertengahan tahun, tidak lama lagi hujung tahun akan sampai. Tidakkah kita hendak merasakan kepahitan tahun lalu itu semula lagi. Saya harap sangat langkah-

langkah tindakan boleh diambil hutan simpan atau sungai kita boleh dilindungi dan kembalilah alam semula jadi kita yang biasa.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah Yang Berhormat? Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan cadangan sesiapa sahaja syarikat ataupun individu yang bertanggungjawab yang menimbulkan keadaan yang cukup teruk masalah banjir dan tanah runtuh ini patut diambil tindakan. Saya hendak tanya kalau kita boleh *enforce* tindakan itu, cukup baik. Persoalannya boleh tidak kita lakukan perkara yang sama jika terdapat mana-mana kerajaan negeri contohnya yang terlibat melakukan perkara yang sama.

Misalnya di dalam beberapa perkara tertentu kerajaan negeri memang mengatakan mereka punya polisi yang baik daripada segi pembalakan. Akan tetapi ada cara lain mereka ingin mengeluarkan balak secara haram iaitu melalui proses-proses yang dikatakan projek pertanian. Maka dalam proses projek pertanian banyakkah balak telah ditebang termasuk mengakibatkan kawasan-kawasan tadahan air.

Akan tetapi pertanian, kalau ya pun sedikit yang kita nampak adakala tidak nampak tetapi balak sudah lama hilang, dibotakkan bukit-bukit di tengah-tengah hutan. Persoalan saya kata tadi, apakah kita boleh ambil tindakan? Siapakah yang boleh ambil tindakan? Kalau tidak, perkara ini berlanjutan. Sewajarnya kerajaan negeri tersebut dipertanggungjawabkan bukan meletakkan tanggungjawab dan kesalahan kepada kerajaan Pusat sahaja. *The root cause* siapa yang mulakan? Saya rasa perkara ini pihak kerajaan kena teliti secara serius untuk langkah jangka panjang. Terima kasih.

Dato' Lim Nget Yoon: Saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Saya fikir tentang pembalakan atau pembalakan hanya untuk pertanian itu semua alasan. Tidak tahu kenapa. Hanya hendak cari alasan supaya dapat keuntungan, kemungkinan. Cadangan saya hak tanah ini memang hak negeri tetapi tentang alam semula jadi Kerajaan Pusat mestilah campur tangan dalam isu ini supaya masalah ini boleh dikawal dan diselesaikan. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya juga ingin menyentuh tentang IS militan ini. Oleh sebab kita dapat tahu kerajaan kita, Kementerian Pertahanan kita dapat, berjaya menahan orang kita untuk pergi ke Syria menyertai IS. Jadi sekarang soalan saya, adakah orang yang kita tahan ini apabila mereka dilepaskan, adakah mereka berbahaya? Adakah mereka akan membuat kekacauan di negara kita dan adakah mereka jadi dengan izin, *lone wolf* nanti? Itulah kerisauan saya sebab ancaman IS ini memang kita pun sangat takut.

Saya ingin kongsi pengalaman saya di sini apabila saya pergi ikut Timbalan Yang di-Pertua kita pergi ke CPA, Cameron, saya dan Datuk Noraini. Kita ada transit di Paris dan *Stanford*. Apabila kita melalui *checking point*, bagi saya senang sebab saya nampak orang keluar semua *luggage* termasuk kasut *checking*. Saya pun serah *myself*, saya pun ada kasut. Akan tetapi okey sahaja. *I* lalu, *I pass checking point* very senang.

Akan tetapi apabila saya ampai *gate* itu, *I* tunggu lama Datuk Noraini belum sampai. Lama. Jadi apabila Datuk Noraini sampai, saya tanya dia kenapa makan masa sangat lambat? Dia kata semua buka. Di sini saya hendak tekankan, jangan Malaysia dipandang diambil sebagai sebuah negara yang terlibat dalam isu IS *militant* ini. Itulah akibat imej kita di antarabangsa. Jangan kita sampai ke tahap itu. Jadi

saya berharaplah Kementerian Pertahanan atau tangkap mereka *action curing*, dengan izin. Saya percaya *prevention is always better than cure*. Jadi kita bersama-samalah kerajaan dan rakyat kita bekerjasama hapuskan *IS militant* di negara kita. Memang ia akan merosakkan Malaysia.

Saya juga sebagai wanita saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Wanita, Keluarga, dan Masyarakat. Isu ini kalau saya tidak silap, saya sudah panggil mungkin kali ketiga atau empat.

■1250

Seperti yang kita telah dimaklumkan, wanita yang bekerja terpaksa memilih menjadi suri rumah tangga untuk menjaga anak-anak kita sebab masyarakat kita memang kekurangan tabika yang berkualiti yang boleh dipercayai. Kalau tabika yang berkualiti boleh didirikan di tempat kerja kerajaan atau sektor swasta, wanita boleh kembali ke tempat kerja mereka dan dengan kejadian tersebut bukan sahaja kita boleh mengurangkan kekurangan sumber manusia juga kita boleh bantu membangunkan ekonomi negara kita.

Jadi saya ingin bertanya, bagaimanakah kemajuan tentang mendirikan tabika yang berkualiti di tempat kerja kerajaan dan sektor swasta? Ramai kawan sudah menyentuh tentang GST. Di sini saya ingin menekankan satu *point* sahaja. GST boleh dilaksanakan dengan baik atau tidak bergantung sangat kepada penguat kuasa KPDNKK. *Very long*. Betul ya. Thank you. Yang itu kalau lemah penguat kuasa KPDNKK, jadi GST akan ikut apa yang ditentukan oleh pihak tertentu jadi satu *failure*, dengan izin.

Setahu saya kalau saya tersilap OPS Catu itu hanya boleh ambil tindakan dengan *evidence proof* yang bila ada bil, ada invoice, ada senarai harga dengan itu mereka ambil tindakan sekarang. Apa pula dengan warung-warung yang tanpa bil langsung mereka sengaja dengan alasan GST, mereka naikkan harga makanan. Kalau sepiring nasi goreng, kalau sebelum GST RM5, sekarang RM5.50 atau RM6.00. Kalau ikut kiraan GST, kalau lima ringgit *times* 6% hanya 30 sen. Tapi inilah cara mereka ambil alasan GST itu dapat keuntungan lebih. Memanglah bukan semua peniaga ini sebilangan, segolongan peniaga yang tidak beretika.

Jadi golongan ini mestilah diambil tindakan supaya mereka jangan menjejaskan pelaksanaan bagus GST ini. Saya pun suka berkongsi satu pengalaman saya apabila saya pergi warung, ada seorang peniaga air batu hantar air satu beg, satu beg. Dia terus dapat bayaran, bos warung itu apabila dia beritahu bos warung, 6% GST. Jadi RM10 beg ini ais *cube* sekarang RM10.60. Tengok bos warung itu tanpa minta resit dan apa-apa terus bayar bayaran dengan tunai, *cash* sebab hanya RM10.60 dan jangan lupa 60 sen itu keuntungan air batu itu. Jadi mintalah kementerian, cara tindakan langkah-langkah yang lebih teliti untuk membuat kawalan serta memastikan pelaksanaan GST ini berjalan dengan baik.

Saya juga ingin tanya Kementerian Kesihatan tentang- kalau saya tak silap, saya baca dari surat khabar, pelajar yang tamat pelajaran perubatan mereka perlulah tunggu enam bulan atau setengah tahun baru dapat *housemanship*. Adakah ini bermaksud lambakan doktor di Malaysia? Ini kerana profesion doktor-doktor atau *dentist* dahulu sampai sekarang sebagai profesion yang kita hormati. Janganlah sampai satu masa doktor-doktor dan *dentist* menjadi atau terjadi mangsa pengangguran. Itulah saya khawatir sangat.

Ikut sistem pelajaran kita, pelajar yang ingin melanjutkan atau mengikuti pelajaran perubatan, kalau mereka tidak diterima di IPTA, mereka boleh ikut IPTS atau pergi luar negara. Di sini, kita nampaklah dengan wang kita boleh jadi doktor. Adakah ini cara yang sihat dan sesuai? Jadi, adakah apa-apa langkah kawalan oleh kementerian untuk memberhentikan sistem yang nampak tidak begitu sihat ini supaya janganlah profesion tersebut ini memang akan terjadi pengangguran. Memang kita tak nak nampak kejadian itu wujud.

Akhir sekali, saya memang ingin menyentuh tentang *bill* menaikkan gaji Ahli Parlimen atas prinsip dan protokol. Saya nak tanya, kenapakah ada perbezaan antara dua buah dewan? Kalau ikut protokol, Dewan Rakyat ialah *lower house* dan Dewan Negara kita dikira *upper house*. Kalau ikut protokol, kita lebih tinggi rangking tetapi *in reality, biased*. Kita dipandang memang rendah. Inilah memang tidak sihat. Kalau Dewan Rakyat boleh pandang kita tak setanding dengan mereka, kenapakah *bill* mereka mesti dapat *endorsement* kita? *[Tepuk]* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya setuju dengan hujah Yang Berhormat itu.

Dato' Lim Nget Yoon: *Thank you*. Jadi, ini bukan soalan duit.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa kita dah tepat pukul 1. Kalau Yang Berhormat nak sambung lagi, boleh sambung lagi lepas tengah hari.

Dato' Lim Nget Yoon: Tak, tak, tak.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, gulung Yang Berhormat.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita tangguhkan sesi kita hingga jam 2.30 petang. Selepas itu Dato' Dayang Hajah Madinah tengahari nanti.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

2.32 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, sekarang kita sambung semula perbahasan kita pada hari ini. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, kalau boleh sila berada dalam Dewan, manfaatnya kepada semua. Juga saya ingin menarik perhatian sesiapa yang belum berbahas, isu-isu seperti GST, 1MDB telah banyak kita dengar. Kalau boleh agaknya, tidak payah lagilah sentuh tentang itu. Pergi ke tajuk-tajuk, isu-isu yang belum disentuh atau penting. Itu sebagai peringatan. Kalau boleh bekerjasama untuk menyenangkan kita menyelesaikan mengikut waktu yang cuba kita habiskan.

Di samping itu saya tidak menahan Ahli-ahli yang bercakap, tetapi kalau boleh kerjasama, kalau ada isu-isu yang terpaksa hendak Yang Berhormat bangkit, sila kemukakan. Itu saya beri pengakuan.

Sekarang tanpa membuang masa, saya persilakan Dato' Lim Nget Yoon. Tadi sudah bercakap panjang, so sedikit sahaja lagi bukan. Saya benarkan Yang Berhormat cakap sedikit sahaja lagi.

2.33 ptg.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menambah satu poin lagi iaitu Dewan Negara ini sentiasa dari lama dahulu sampai sekarang didiskriminasikan. Jadi sesuatu kesilapan atau kesalahan, bukan mesti berterusan. Kesilapan dan kesalahan ini boleh dibetulkan kali ini.

Jadi di sini cadangan saya, ranking kita memang tinggi daripada Dewan Negara, *Upper House* dan Dewan Rakyat dipanggil *Lower House*. Jadi kalau ikut protokol, gaji kita mestilah lebih tinggi. Kalau bukan lebih tinggi, *at least*, dengan izin, sama dengan Dewan Rakyat. Itulah paling baru kira adil. Jadi di sinilah cadangan begitu. Haraplah *bill* ini mungkin kita boleh luluskan dengan syarat, dengan pindaan sedikit...

Tuan Yang di-Pertua: *Bill* apa Yang Berhormat? Sebut *bill* apa maksud Yang Berhormat?

Dato' Lim Nget Yoon: *Bill* gaji Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Okey sebut. Kalau tidak sebut, nanti tidak dirakamkan. Silakan.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih. Itulah tentang *bill* gaji Ahli Parlimen. Saya ingin menarik perhatian tentang demam denggi, yang perhatian saya ingin tarik daripada Kementerian Kesihatan. Kita tahu slogan Kementerian Kesihatan iaitu, "*Tiada Aedes Tiada Denggi*". Itu slogannya dan kita juga tahu kalau tiada air takungan bersih, tiada Aedes. Di sini nampak jelas dan senang, tetapi angka kes demam denggi ini semakin lama semakin meningkat. Tidak tahu kenapa. Apakah langkah-langkah atau tindakan diambil oleh Kementerian Kesihatan tidak berkesan, tidak cukup baik untuk kawal penyakit tersebut? Penyakit ini kita tahu tiada ubat dan nyawa boleh hilang kerana penyakit ini. Jadi kalau langkah-langkah atau tindakan tidak cukup untuk mengawal penyakit ini, saya berharaplah kementerian ada langkah-langkah atau tindakan yang lebih berkesan supaya penyakit ini dapat dikawal. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg. Kalau boleh Yang Berhormat, saya pesan tadi tajuk Yang Berhormat hendak bangkitkan itu jangan berulang-ulang. Silakan.

2.36 ptg.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam perpaduan dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan dan memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Majlis Perasmian Persidangan Parlimen pada bulan Mac lepas.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun dalam titah ucapan perasmian Parlimen, Baginda Tuanku pasti menyentuh tentang peri pentingnya semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan keamanan Malaysia. Kali ini Baginda Tuanku melahirkan kebimbangan Baginda terhadap segelintir pihak yang cuba mengganggu gugat perpaduan dengan mengadu domba dan menyebarkan fitnah dalam masyarakat termasuk di media sosial.

Baginda menasihatkan pihak penguat kuasa supaya mengambil tindakan tegas terhadap pihak-pihak terbabit. Dalam hal ini, pihak kerajaan disarankan supaya memperkenalkan satu piagam atau kod etika berkaitan penggunaan sebarang aplikasi dalam dunia siber bagi menyekat penyebaran berita dan mesej palsu melalui media sosial di negara ini. Keperluan mempertahankan kedaulatan, keamanan serta keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat bukan perkara remeh. Justeru, kerajaan dan rakyat negeri Sarawak mengalu-alukan Akta POTA dan berharap ia boleh mengelakkan negara Malaysia daripada ancaman luar dan juga dari dalam negara.

■1440

Dalam soal keamanan negara dan perpaduan rakyat, kepimpinan Negeri Sarawak akan terus berusaha untuk menjamin keutuhan negara Malaysia yang kita cintai ini. Negeri Sarawak memberi jaminan sokongan dan kerjasama penuh ke arah usaha murni tersebut khususnya dalam menentang habis-habisan sebarang usaha atau cubaan mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab dan tidak bersemangat patriotik yang cuba berusaha untuk membawa Sarawak keluar dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum saya ingin sentuh sedikit tentang GST. Seperti yang kita sedia maklum, GST satu usaha yang diperlukan untuk menambah pendapatan negara. Namun saya ingin menyeru kepada pihak penguat kuasa supaya memantau keadaan dengan penuh berhemah dan telus secara holistik. Perlu diingatkan bahawa sistem jalur lebar tidak ada di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak. Oleh itu pelaksanaan GST akan menghadapi masalah dan kesukaran di kawasan-kawasan luar bandar dan juga pedalaman Sarawak.

Justeru saya ingin menyeru supaya pendedahan dan kefahaman mengenai GST perlu ditingkatkan dan diperluaskan lagi supaya rakyat di luar bandar dan pedalaman Negeri Sarawak mendapat maklumat dan penjelasan yang cukup tanpa tertipu atau terpengaruh dengan pembohongan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Kononnya GST usaha Kerajaan Barisan Nasional supaya harga barang naik. Itu sudah menjadi perkara yang kita sangat bimbang di sana oleh sebab pembohongan dan fitnah yang ditaburkan oleh pihak-pihak yang tertentu. Usaha ini perlu disegerakan memandangkan pilihan raya Negeri Sarawak akan diadakan bila-bila masa dari sekarang.

Saya ucapkan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional atas pencapaian memperbaiki kedudukan dalam Indeks Persepsi Rasuah tahun 2014 dan kita yakin dan percaya ia akan meningkat jika semua pihak serius dalam membantu kerajaan memerangi rasuah secara holistik agar perbuatan terkutuk ini dapat dibanteras. Dalam hal rasuah, saya kira soal integriti dan ketelusan perlu diberi penekanan sebahagian agenda nasional di bawah Kerajaan Barisan Nasional dalam membentuk sebuah

negara yang lebih baik dan dihormati. Justeru integriti perlu dijadikan satu tanggungjawab semua warga Malaysia.

Di sini saya ingin berkongsi pengetahuan dengan Dewan yang mulia ini, bahawa beberapa bulan yang lalu, seluruh anggota Kabinet Kerajaan Negeri Sarawak yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Haji Adenan Satem telah melafazkan ikrar integriti secara rasmi dan telah menempa sejarah sebagai yang pertama dilakukan oleh barisan kabinet sesebuah kerajaan negeri dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus bersyukur kerana situasi kewangan negara pada masa ini adalah kukuh walaupun pendapatan negara agak berkurangan akibat kejatuhan harga minyak dunia. Atas sebab itulah Kerajaan Barisan Nasional bertindak proaktif dalam membuat penstrukturan semula kewangan negara dengan mengurangkan segala pembaziran. Strategi dan langkah bagi merasionalisasikan perbelanjaan negara yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dilihat dapat memastikan pembangunan negara terus dipacu untuk kesejahteraan rakyat. Strategi dan langkah proaktif tersebut boleh memastikan pertumbuhan dan pembangunan Malaysia dapat diteruskan berikutan perubahan dalam landskap ekonomi global.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pendidikan yang diterajui Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pendidikan kerana berjaya melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) di peringkat Pengajian Tinggi (PT) yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Pelan tersebut suatu langkah bukan sahaja untuk memperkasakan sektor pengajian ini bagi menjadikan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan lebih berdaya saing, malah untuk melahirkan para graduan yang seimbang dan lebih berkualiti serta mampu pergi jauh dalam dunia yang penuh persaingan dan tanpa sempadan.

Fokus terhadap pendidikan latihan teknikal dan vokasional yang ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Pengajian Tinggi adalah tepat pada masanya sejajar dengan usaha kerajaan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berdaya cipta dan berinovasi. Memandangkan Malaysia berhasrat menjadikan inovasi sebagai peneraju utama pertumbuhan ekonomi negara kita. Serentak itu, golongan ahli akademik disarankan supaya perlu berubah dengan menjalinkan hubungan lebih akrab bersama pihak industri, kerajaan dan komuniti tempatan untuk membangun serta mengkomersialkan idea baru.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan berusaha meningkatkan pengeluaran makanan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import barangan makanan yang mencecah lebih RM30 bilion setahun. Kadar tukaran ringgit berbanding Dolar Amerika Syarikat yang begitu rendah mendorong Kementerian Pertanian berusaha meningkatkan pengeluaran makanan bagi menyelamatkan lebih banyak ringgit mengalir keluar. Sarawak menyambut baik penyediaan peruntukan subsidi padi bukit berjumlah RM70 juta oleh Kerajaan Pusat untuk negeri Sarawak dan juga Sabah yang bakal membuka lembaran baharu kepada para petani khususnya dalam meningkatkan pengeluaran padi berkenaan.

Subsidi yang julung-julung kali yang diberikan itu akan memberi manfaat kepada kawasan penanaman padi di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang wanita saya berasa terharu tetapi berbangga dan menghargai keprihatinan Dulu Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap peranan, tanggungjawab dan kerjaya golongan wanita Malaysia sehingga memastikan agar pihak kerajaan tidak mengabaikan kebajikan, keutamaan, keperluan dan penglibatan golongan wanita untuk terus maju dalam semua bidang yang diceburi. Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah tadi saya mohon menyokong. Terima kasih.

■1450

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim. Tidak ada.

Saya hendak beri ingatan, kalau sudah bagi nama tentukan berada dalam Dewan. Seterusnya saya panggil Yang Berhormat Senator Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman. Tidak ada juga. Ini sudah satu perkara yang saya tidak suka tengok. Saya harap ambil semua perhatian. *I'm serious* dalam perkara ini. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah.

2.51 ptg.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong ayat Al-quran] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam 1Malaysia dan salam sejahtera.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk membahaskan titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sempena sidang Dewan Negara yang bermula dari 13 April 2015. Terima kasih juga saya ucapkan kerana memberikan saya peluang dan ruang untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu saya ingin melafazkan setinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi atas limpah perkenan dan keizinan-Nya jua saya dapat turut sama melunaskan tanggungjawab sebagai ahli Dewan Negara demi rakyat dan negara tercinta.

Saya juga bersyukur kerana negara kita dirahmati dengan suasana aman damai berkat usaha semua pihak yang cinta keharmonian dan kerukunan hidup antara rakyat berbilang kaum di negara ini. Juga saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan takziah kepada sahabat kita Ahli Parlimen daripada Rompin, Yang Berhormat Tan Sri Dr. Jamaluddin Jarjis yang telah kembali ke rahmatullah akibat daripada kejatuhan helikopter baru-baru ini.

Mengikut kefahaman saya bahawa beliau merupakan seorang pejuang bangsa dan juga telah melaksanakan tanggungjawab dan amanah negara sehingga ke akhir hayat. Apa yang saya fahamkan iaitu dalam masa sehari dua hari sebelum tragedi tersebut berlaku, beliau masih lagi menjalankan tanggungjawab beliau bersama dengan Yang Berhormat Dato' Sri Shahidan Kassim iaitu Gabenor kita untuk menentukan bahawa rumah-rumah PR1MA ini dapat dijayakan atau pun dilaksanakan sebaik mungkin. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana yang pertamanya di bahagian saya sendiri

atau di Parlimen saya sendiri telah pun diluluskan rumah PR1MA untuk dua buah kawasan iaitu 196 ekar dan juga 30 ekar.

Juga saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang dalam kefahaman saya bukanlah semua manusia atau pemimpin yang boleh mengatasi ujian-ujian yang telah Allah beri ini. Saya melihat bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak merupakan insan terpilih yang telah Allah sabitkan dengan ujian-ujian ini tidak lain dan tidak bukan untuk menaikkan martabat kepimpinan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Dengan itu saya bersama-sama dengan kepimpinan UMNO negeri Perak melafazkan dan saya nyatakan di sini iaitu *wallahi wabillahi watallahi* ini sumpah kami bahawa kami akan tetap setia bersama dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak sebagai Presiden UMNO, juga selaku Perdana Menteri Malaysia.

Sebab-sebabnya saya bersumpah di sini Tuan Yang di-Pertua, iaitu ramai di antara rakyat sama ada yang berilmu juga kurang ilmunya telah mentafsirkan bahawa sokongan-sokongan kami sebagai rakyat atau pemimpin ini kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohammad Najib merupakan satu kepura-puraan sahaja. Oleh sebab itu lah saya juga ingin mencadangkan bahawa di Dewan Negara ini dapat menyatakan pendirian tersebut secara beramai-ramai supaya rakyat boleh melihat merupakan satu bukti kepada rakyat bahawa perkara ini bukan hanya kepura-puraan atau pun dibeli dengan apa juga kaedah sekali pun.

Sekali lagi saya ingin menyentuh iaitu sekiranya kita melihat semasa temu ramah antara TV3 bersama dengan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohammad Najib pada 9 April 2015. Di mana semasa temu ramah tersebut saya begitu teliti untuk melihat bagaimanakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab kepada soalan-soalan tersebut. Saya melihat daripada tiga perkara Tuan Yang di-Pertua. Saya sering melihat dalam kaedah seperti mana yang kita sebut iaitu *qauli fi'li* dan *qalbi* iaitu daripada segi perkataan, perbuatan atau pun *body language* yang biasa kita dengar dan juga dari hati Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohammad Najib sendiri.

Perkara ini telah meyakinkan bukan sekadar saya. Hampir keseluruhan rakyat bahawa apa yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohammad Najib itu adalah tulus serta ikhlas. Sebagai contoh isu-isu GST, tidak perlulah saya hendak sebutkan kerana perkara ini telah dibincangkan banyak, 1MDB dan Altantuya Shaariibuu. Kerana perkara ini saya sentuh hanya satu perkara iaitu perkara ketiga, masih ada lagi rakyat atau pun warga negara Malaysia yang boleh menyebut perkara atau pun kes pada tahun 2008 ini. Sebenarnya perkara ini telah pun diputuskan di mahkamah bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak langsung tidak terlibat dan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohammad Najib pun berkata bahawa beliau tidak langsung- maksudnya tidak ada bukti langsung terhadap beliau yang terlibat dalam perkara tersebut.

Sama ada daripada segi percakapan dan segala-galanya, so, jadinya saya sarankan kepada yang memperkatakan perkara-perkara ini supaya berhentilah daripada menyebutnya lagi. Tuan Yang di-

Pertua, juga di akhir-akhir ini terdapat trend yang agak membimbangkan kita akibat perbuatan segelintir pihak yang cuba menggugat perpaduan dengan mengadu domba dan menyebarkan fitnah dalam kalangan masyarakat termasuk di media sosial. Trend semua ini amat merbahaya dan boleh menghancurkan rakyat dan negara.

Negara majmuk yang berbilang kaum, berbilang agama, berbilang budaya dan adat resam seperti di negara kita ini amat terdedah dengan sensitiviti pelbagai dimensi. Puncak kepada sensitiviti itu lah isu agama. Telah termaktub dalam Perlembagaan Negara bahawa agama Islam agama rasmi manakala agama-agama lain tidak dihalang.

■1500

Juga kita lihat sebagai contoh di media-media baru terdapat warganegara ataupun warga Malaysia yang mempersoalkan hingga ke tahap khutbah Jumaat. Khutbah Jumaat ini merupakan hukum-hukum Allah yang disampaikan yang diyakini oleh orang-orang Islam, maka perkara ini harus ataupun mestilah dihindarkan dan janganlah dilakukan lagi. Berlandaskan hakikat ini, saya rasa pelik iaitu kenapa terdapat golongan-golongan tertentu masih gemar memperlekehkan agama Islam, jika niat mereka ini untuk menimbulkan keresahan supaya atas keresahan itu akan muncul peluang untuk mencapai matlamat politik.

Saya ingin mengingatkan bahawa perubahan meraih kuasa politik atas keresahan atau kehancuran rakyat tidak akan boleh bertahan lama kerana rakyat yang bergelora tanpa keamanan dan menjadi mangsa dan atas pemangsaan itu akan meluapkan kebencian yang akhirnya menumbangkan pula kuasa yang terbina atas kehancuran itu, lantas akan berlaku peralihan kuasa bersilih ganti sekali gus menimbulkan suasana tidak stabil. Inilah gejala yang kita lihat berlaku di negara-negara yang sedang bergolak sekarang, ini khususnya di rantau Arab, di Timur Tengah. Proses di mana rakyat berpeluang menentukan nasib mereka melalui amalan demokrasi yang berpaksikan hak masing-masing untuk mendapatkan pembelaan akan musnah sama sekali dan digantikan dengan suasana penindasan serta pergaduhan sesama sendiri. Apakah itu yang menjadi matlamat pihak-pihak yang mengadu domba masyarakat? Jika itu yang jelas menjadi matlamat mereka, usaha membanteras gejala sedemikian itu perlu disegerakan oleh pihak berkuasa, jangan biarkan sehingga warganegara Malaysia merempat menjadi pelarian di negara lain.

Semakin lagi jelas nyata perbuatan yang cuba menghancurkan perpaduan ini mempunyai niat jahat. Jika niat jahat mereka itu tidak ditangani segera yang menanti kita hanyalah suasana huru-hara yang bakal memusnahkan suasana aman, makmur yang kita nikmati selama ini. sebenarnya pada hemat saya tidak sukar untuk kita cari petualang-petualang tersebut. Mereka ini bermaharajalela di media sosial, di pentas-pentas ceramah politik, di pentas-pentas pelbagai bentuk yang menabur racun ke minda rakyat malah anasir-anasir tersebut mudah ditemui di kedai-kedai kopi dan tempat-tempat awam. Cuma persoalannya, apakah pihak kerajaan dan rakyat yang cinta keamanan mempunyai cukup nekad untuk membanterasnya?

Di sini saya ingin menyarankan supaya penggunaan Akta Hasutan dapat digunakan sepenuhnya dan peruntukan yang ada dalam Akta Hasutan ini hendaklah dapat mensabitkan kesalahan kepada pesalah-pesalah ini untuk dikenakan tindakan hukuman yang diperuntukkan. Juga saya ingin menyarankan supaya Akta Hasutan ini dipertingkatkan lagi kuasa undang-undang dalam akta tersebut. Jika hak bersuara boleh dibenarkan menjadi perisai kepada perbuatan durjana seumpama itu, maka hak bersuara dan hak untuk dipelihara di kalangan majoriti rakyat juga perlu diberi perhatian sewajarnya. Tidak harus wujud golongan yang menganggap diri mereka kebal daripada tindakan undang-undang. Apakah rakyat negara ini sudah tidak lagi menaruh rasa sayang terhadap keamanan negara lantas membiarkan diri masing-masing mudah ditembusi oleh anasir fitnah dan perbuatan mengadu domba?

Sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan di sini semasa sidang Dewan Rakyat bulan Mac tempoh hari iaitu saudara Rafizi Ramli, Ahli Parlimen Pandan telah membangkitkan dengan pembelian kapal terbang ACJ320 dan menyebut di dalam Dewan ini mengatakan bahawa pembelian kapal terbang tersebut segala bukti dan dokumen yang ada bersama beliau dan ini merupakan satu rahsia sulit kerajaan. Bagaimanakah beliau boleh mendapat dokumen-dokumen tersebut? Ingin saya sentuh di sini Tuan Yang di-Pertua.

Saya bukanlah seorang peguam dan sebagainya tetapi telah pun mencari sedikit panduan untuk melihat kepada perkara Akta OSA ini iaitu *Official Secrets Act 1972*. Di mana ia menyebut dalam akta ini perenggan 2C iaitu, "*official secret*" means any document specified in the Schedule and any information and material relating thereto and includes any other official document, information and material as may be classified as "Top Secret", "Secret", "Confidential" or "Restricted", as the case may be, by a Minister, the Menteri Besar or Chief Minister of a State or such public officer appointed under section 2B.

Juga saya ingin merujuk kepada perkara 2A iaitu *Appointment of public officer to classify official document, etc* iaitu "Top Secret", "Secret", "Confidential" or "Restricted". Maka ia disebut dalam perkara *Penalties for spying* iaitu *he shall be guilty of an offence punishable with imprisonment for life. Prohibition of taking or making any document, measurement, sounding or survey of or within a prohibited place*. Lagi satu Perkara 7B, *wrongful communication, etc., of official secret*.

Dalam perkara ini jelas ada di dalam Akta 88, 16E, menyebut *he shall be guilty of an offence punishable with imprisonment for a term not less than one year but not exceeding seven years*. Dalam perkara-perkara ini kita melihat bahawa tidak ada tindakan-tindakan tersebut yang telah terlaksana dibuktikan kepada rakyat berkenaan pesalah-pesalah tersebut. Ini kerana jelas sekali Rafizi telah menyatakan sedemikian rupa lagipun apa dalam pematuhan ketika itu kapal terbang yang lama ini...

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Ya, sila boleh.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Mohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpesona dan ternganga apabila mendengarkan Yang Berhormat membaca soal *act* itu walaupun Yang Berhormat bukan seorang pengamal undang-undang ataupun peguam tetapi tafsirannya kita faham. Saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat

kerana membawa perkara ini dalam Dewan Negara. Cuma menjadi persoalannya kenapa perkara ini berlaku secara berleluasa. Siapakah Ahli Parlimen Pandan ini sehinggakan kita takut ataupun tidak dibawa kepada muka pengadilan? Baru-baru ini di *viral* kan gambar beliau dibawa ke mahkamah dengan baju lokapnya, diminta macam simpatilah, yang ini kita pun faham cara politik mereka tetapi apakah Yang Berhormat rasa sudah jelas terang lagi bersuluh apa Yang Berhormat sebut tadi itu beliau telah menyalahi di bawah Akta OSA, *Official Secrets Act*.

Jadi, apakah tindakan yang sewajarnya patut diambil kepada individu ini supaya ia tidak menjadi satu trend? Kita tidak hendak Parlimen ini, Dewan ini sebagai tempat secara berleluasa sahaja bercakap soal fitnah ini, soal tohmahan dan sebagainya. Saya juga sedih, semalam saya dengar kakanda saya Yang Berhormat Dato Abas bercakap soal agama, Yang Berhormat juga tadi bercakap soal agama. Kenapakah *suddenly* hari ini perkara ini dibincangkan secara serius? Dahulu tidak ada Tuan Yang di-Pertua tidak pernah bincang soal ini tetapi kenapa hari ini kebelakangan ini timbul kerisauan melampau soal agama ini. Sepatutnya sebagai Agama Persekutuan sudah *full stop*, sudah tertulis dalam Perlembagaan. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat, mestikah diambil tindakan yang sewajarnya atau bagaimana? Jadi mohon penjelasan.

■1510

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih kepada sahabat saya yang bertanya. Saya memang setuju sangat bahawa perkara ini mestilah dibuat tindakan yang benar-benar serius. Itu yang saya sebut tadi sekiranya ada peruntukan undang-undang yang diperuntukkan kepada pesalah-pesalah ini, saya memang menyarankan supaya kerajaan dapat bertindak segera, tidak boleh tunggu lagi. Minta bertindak segera dan gunakan sepenuhnya peruntukan undang-undang yang ada untuk bolehlah kita kata disimpan sementara orang-orang yang sebegini yang telah melakukan kesalahan.

Jadi ingin saya sambung semula iaitu pembelian kapal terbang yang baru ini juga bersandarkan kepada jualan daripada kapal terbang yang lama yang telah pun berusia 16 tahun iaitu *Business Boeing Jet* yang berusia 16 tahun. Daripada hasil jualan yang lama ini, maka dibeli yang baru. Juga satu perkara lagi untuk dalam kaedah keselamatan, takkanlah kita hendak melihat bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ataupun Sultan-Sultan ataupun Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak untuk mengalami perkara-perkara yang tidak diingini.

Bermakna, yang diperuntukkan bahawa kapal terbang ini dibeli dan bukanlah untuk kegunaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja, ia diperuntukkan kepada yang layak yang telah ditentukan oleh kerajaan. Sebagaimana yang saya sebut tadi, yang layaknya ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan-Sultan dan juga Perdana Menteri sendiri. Bermakna fitnah yang mengatakan belian kapal terbang itu untuk kegunaan Perdana Menteri adalah tidak benar. Jadinya saya memang menyokong atas pembelian kapal terbang tersebut kerana dalam satu perkara lagi untuk menjaga atau *maintenance* kepada kapal terbang yang lama ini memerlukan kos yang begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah menyentuh Dasar Transformasi Nasional. Dasar ini berlandaskan matlamat untuk memakmurkan negara dan

memartabatkan negara bangsa ke tahap yang dihormati di dunia. Dalam masa yang sama menuju taraf negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Tempoh masa yang ada dari sekarang hingga tahun 2020 hanyalah kira-kira lima tahun.

Manakala lompang yang memisahkan kita daripada taraf negara maju masih lebar. Antara kriteria negara maju ialah purata pendapatan ketua isi rumah USD15,000 ataupun RM55,500 pada kadar tukaran RM3.70 setiap satu USD. Di negeri saya, Perak Darul Ridzuan, kalau tidak silap saya pada tahun 2013 purata pendapatan ketua isi rumah sekitar USD9,800 atau kira-kira RM36,260. Jurang antara RM55,500 dengan RM36,260- RM19,240. Apakah dalam tempoh lima tahun akan datang, purata pendapatan rakyat di negeri Perak akan berjaya ditingkatkan kepada RM55,500?...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada satu minit lagi Yang Berhormat. Cuba gulung.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Ada banyak ni. Persoalan ini boleh dijadikan bahan momokan oleh golongan tertentu. Walau bagaimanapun, bukan mustahil jika berlaku sesuatu keajaiban ekonomi. Untuk membolehkan kerajaan, ekonomi itu berlaku di negeri Perak, Kerajaan Persekutuan disyorkan memberi pelbagai bentuk peruntukan dana pembangunan di samping meneruskan projek-projek sedia ada. Saya katakan tidak mustahil untuk dicapai kerana negeri Perak mempunyai asas-asas ekonomi yang kukuh yang diletakkan di atas landasan yang betul.

Pelbagai sektor utama masih banyak ruang untuk diperkasakan dengan tanah yang subur dan keluasan tanah yang masih ada untuk diusahakan. Sektor pertanian di Perak mempunyai potensi untuk diperkasakan bagi meningkatkan pendapatan rakyat. Dasar Agromakanan Negara boleh dilaksanakan secara intensif di Perak begitu juga sub sektor perikanan dan penternakan.

Satu lagi sektor yang berpotensi besar untuk meningkatkan pendapatan rakyat di Perak ialah pelancongan. Terdapat banyak tempat yang boleh dibangunkan sebagai destinasi pelancongan termasuklah hutan tropika, Royal Belum, bandar bersejarah Taiping, Pulau Pangkor, Bukit Maxwell dan juga Bangunan Sejarah Kellie's Castle di Gopeng sendiri. Negeri Perak terletak di antara Pulau Pinang di Utara dan Selangor di Selatan. Dalam konteks pembangunan pelancongan, kedudukan geografi Perak membolehkannya menerima sebilangan besar pelancong transit iaitu para pelancong yang singgah sebentar tanpa bermalam di Perak dalam perjalanan mereka menuju atau dari Pulau Pinang dan Selangor. Untuk mendapat manfaat daripada pelancong transit tersebut, beberapa daya tarikan pelancong perlu diwujudkan di tempat-tempat strategik Lebuhraya Utara-Selatan ini memerlukan dana yang seeloknya disuntik oleh Kerajaan Persekutuan.

Selain daripada itu, sektor industri pembuatan di Perak boleh dikembangkan lagi ke arah industri berteknologi tinggi melalui penggalakan kemasukan pelabur-pelabur yang berorientasikan eksport dan berteraskan inovasi penghasilan produk yang tinggi nilai tambah. Kemasukan pelabur asing ke negara ini boleh diajukan ke negeri Perak mengikut kesesuaian. Di negeri Perak masih terdapat kawasan perindustrian yang sesuai bagi tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cuba ringkaskan. Ini Perak, tak payahlah panjang-panjang. Ini soal bajet ataupun belanjawan kita.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Saya pergi kepada miskin. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita menuju taraf negara maju berpendapatan tinggi, satu kekangan sedia ada ialah fenomena kemiskinan. Dalam konteks ini pastinya kita tidak mahu melihat negara bertaraf maju tetapi perangkap kemiskinan masih membelenggu rakyat yang kurang bernasib baik. Pendek kata tidak ada apa ertinya kalau negara maju dan kaya tetapi di sana sini terdapat sebilangan rakyat yang terperangkap di dalam lubang kemiskinan.

Sesungguhnya semenjak kita mencapai kemerdekaan 58 tahun yang lalu, cengkaman kemiskinan telah hampir dapat kita banteras namun hakikatnya ia masih belum dapat disifarkan. Apa yang amat dikhuatirkan ialah bebanan sara hidup yang kian meningkat akan menjejaskan kualiti hidup rakyat sekalipun mereka tidak dikategorikan miskin daripada segi paras pendapatan isi rumah tetapi kuasa beli mereka kian terhakis, lantas menjejaskan taraf hidup mereka. Dalam kata menangani masalah kemiskinan di kalangan golongan sasaran, kita tidak harus terlepas pandang terhadap punca kemiskinan yang tidak kenal sempadan kaum, warna kulit ataupun kecenderungan politik mahupun sempadan geografi. Ini kerana terdapat tiga kelompok rakyat yang sentiasa terdedah kepada kemiskinan.

Tiga golongan itu ialah:

- (i) golongan miskin harta;
- (ii) golongan miskin ilmu; dan
- (iii) golongan miskin usaha.

Selain dari itu terdapat tiga peringkat atau kategori kemiskinan iaitu:

- (i) golongan miskin warisan iaitu yang mewarisi kemiskinan;
- (ii) golongan mudah miskin iaitu mereka yang tiada sumber yang mencukupi untuk mengelakkan kemiskinan; dan
- (iii) golongan miskin transit iaitu golongan yang hilang punca pendapatan sementara menunggu sumber-sumber baru.

■1520

Pada hemat saya, golongan yang selalu kita terlepas pandang ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat gulung. Yang Berhormat gulung.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Gulung ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kurangkan berceramah.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada semua kepimpinan yang dipertanggungjawabkan yang menjadi amanah Allah terpikul di bahu kita masing-masing untuk menyempurnakan tanggungjawab ini mengikut secara yang benar. Iaitu janganlah lagi menggunakan untuk menjatuhkan seseorang menjadikan dunia persepsi ini ataupun dunia media baru ini, dunia persepsi menjadikan perkara itu benar. Ini kerana harus dilaksanakan melalui kerja harian kita memberi sumbangan nikmat kepada masyarakat.

*Acap-acap air di sungai,
Itulah masa menebar jala,
Jangan kerap janji terabai,
Kelak bencana menjalar tiba.*

*Kalau hendak mengikat bumi,
Ambillah tali lilit-lilitkan,
Kalau hendak mengikat pengundi,
Menangilah hati dan jaga kebajikan.*

Wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Sekarang tanpa membuang masa lagi kerana didapati saat ke belakang ini ramai sudah hantar nama. Itu sebabnya daripada awal saya pesan tolong hantar nama awal senang saya hendak apa- kalau kita boleh tambah sampai tengah malam pun tidak ada masalah. Akan tetapi kerjasama untuk menjaga masa itu saya minta mohon kerjasama. Sekarang tanpa membuang masa lagi saya persilakan Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai.

3.22 ptg.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Selamat petang Tuan Yang di-Pertua, semua sahabat saya. Satu pantun bolehkah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Pantun.

Tuan Yang di-Pertua: Saya dengar.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Dengar, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua,

*Burung pipit burung tempua,
Terbang bebas mencari jaya,
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,
Peluang berbahas diberi saya.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera, salam perpaduan, salam 1Malaysia. Saya...

Tuan Yang di-Pertua: Saya membantu Yang Berhormat, saya membantu pantun itu teruskanlah cepat, silakan [*Ketawa*]

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Apa Tuan Yang di-Pertua kasi semua orang, saya *start* cakap sahaja cakap terus-terus, apakah ini Tuan Yang di-Pertua? Bagi saya sedikit *chance*.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat jangan buang masa Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Baik Tuan Yang di-Pertua, baik. Baik... [*Disampuk*] Tengok dia lagi kacau. Saya bangun, semua orang mahu kacau Tuan Yang di-Pertua. Bagi *control*lah Tuan Yang di-Pertua sedikit. Mana saya terlupa saya tidak tahu.

Terima kasih kerana diberi peluang untuk membenarkan saya untuk membahaskan Titah Yang di-Pertuan Agong pada penggal ketiga Parlimen yang ketiga belas pada 9 Mac 2015 yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga arwah Tuan Guru Yang

Berhormat Datuk Seri Nik Aziz, dan keluarga arwah Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis dan juga kepada semua keluarga mangsa terlibat dalam nahas helikopter.

Tuan Yang di-Pertua, dalam berbahas kali ini izinkan saya menyentuh beberapa isu seperti berikut, isu GST. Isu GST semua sahabat saya sudah cakap tetapi saya pun mahu cakap sedikitlah Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit boleh.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak tidak boleh.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Cakap sedikit. Tahniah saya ucapkan kepada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kabinet melancarkan GST. GST ada kegunaan. Untuk negara kita GST baru mula bulan ini, 1 April. Akan tetapi lain-lain negara di Paris, London, di lain negara- di Paris saya ingat GST sudah tahun 1955. Negara kita belum merdeka dia orang sudah angkat GST, dia sudah ada GST. Kita 58 tahun merdeka, baru kita mula GST di negara kita. Di New Zealand dan Australia dan United Kingdom dia orang sudah *start* tahun 1986, tahun 2000 dan tahun 1973.

Akan tetapi mereka kerajaan sudah tukar pembangkang sudah angkat pun itu GST ada sudah sana. Sekarang kita mahu mula GST pembangkang ketua sana, ketua sini, macam-macam dia orang kacau. Satu orang sekarang kacau mereka tidak ada luarlah, tidak apa. Macam-macam mereka kacau. Kita GST yang mula baru ini 6%. Akan tetapi di luar negara di Britain dari 17% sudah naik ke 20%. Kita baru 6%. Ini kita yang *support* Perdana Menteri kita dan Kabinet baru kita boleh mula dan jaga negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya belum mula. Saya mahu tanya Yang Berhormat Dato' Dr. Johari satu soalan. Itu hari Perdana Menteri cakap di televisyen saya tengok dia punya ucapan, *interview* saya mahu tanya satu soalan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah bersumpah- "*Wallahi Wabillahi Watallahi...*" tiga kali, termasuk di masjid.

Tuan Yang di-Pertua: Baca betul-betul Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Apa itu saya tidak tahu *meaning* Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu panggil dia, beritahu tahu sama saya. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Dengan persetujuan silakan. Dia tanya boleh?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan tanya saya, kalau tidak tadi saya tidak bangunlah kerana menyahut seruan. "*Wallahi Wabillahi Watallahi*" itu maksudnya ialah sumpah seorang Islam kalau dia hendak bersumpah dia kena bersumpah dengan lafaz itu. Dia tidak boleh bersumpah dengan lafaz lain. Dia tidak boleh bersumpah demi bulan, demi bintang, matahari tidak boleh. Orang Islam hanya bersumpah dengan nama Allah sahaja.

Apabila seseorang itu bersumpah, menunjukkan ia ingin menyatakan dengan benar-benar dan betul-betul kerana dikaitkan apa yang dia cakap dengan Allah. Dia beritahu apa yang dia laku itu

mengikut kepercayaan yang dipegang bahawa Allah lebih mengetahui daripada dia. Oleh sebab itu, kita tidak boleh bersumpah dengan sewenang-wenang. Akan tetapi apabila kita bersumpah, kita bertanggungjawab untuk menyatakan kita benar. Itulah maksud dia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat terus.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Boleh.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Apakah boleh tanya?

Tuan Yang di-Pertua: Seorang bangun, sama ada Yang Berhormat benarkan atau tidak.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Boleh saya mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan?

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Saya hendak minta penjelasan daripada Datuk Seri Nallakaruppan. Adakah dengan pengakuan, "*Wallahi Wabillahi Watallahi*" itu, seperti yang dia sebut dia telah memeluk agama Islam [*Ketawa*]

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tunggulah sedikit hari [*Ketawa*] Baru pakai baju Melayu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa Yang Berhormat berjalan, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat. Saya tengok Yang Berhormat jangan pandang kertas *you* cakap *point* sahaja, pandailah. Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon tengok tidak ada, terus.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu banjir Tuan Yang di-Pertua. Saya dan parti saya turut memberi sedikit sumbangan untuk tempat banjir baru-baru ini.

■1530

Ini kita tiada tengok banjir semua, tiada baca, semua mana-mana pun apa susah. Kita tak ada tengok bangsa, agama, tak ada tengok. Siapa yang susah di Malaysia, orang *Malaysian*. Saya ingat orang *Malaysian*- Melayu kah, Cina kah, India kah tetapi warna saya lainlah sikit tapi kita ingat 1Malaysia, 1*Malaysian*. Saya punya parti ada hantar sikit barang untuk tempat banjir.

Yang Berhormat dari Kelantan pun ada hantar saya SMS, ucap banyak terima kasih. Yang Berhormat, *you* ada hantar SMS, saya ada terima, saya pun dah hantar SMS balik. Mana tempat susah kita akan tolong. Saya akan turun lagi ke Kelantan. Wakil parti saya sekarang ada di sana, dua orang, Tan Sri. Mereka selalu hantar maklumat kepada saya mengenai barang-barang keperluan. Banyak tempat susah tetapi masih ramai orang yang cakap kerajaan tidak ada ambil tindakan di sana akan tetapi kerajaan mesti membantu tempat itu.

Saya pergi tengok tempat itu, memang susah Tan Sri. Ramai orang tak ada rumah, tak ada apa-apa. Makan pun susah sampai sekarang. Saya pergi beli barang-barang keperluan dan saya hantar ke sana. Saya beritahu kepada isteri saya, Datin Seri, dan dia juga mahu turut serta. Saya cakap kenapa?

Saya boleh pergi sendiri beli tetapi dia kata dia mahu ikut. Kita pergi ke satu kedai, Tan Sri, kita mahu beli barang seperti sardin, *Ayam Brand*. Isteri saya kata *you* tak tahu beli, biar saya ikut. Kedai itu kata tak perlu beli barang-barang ini, buat apa susah-susah nak beli mahal-mahal untuk hantar ke sana.

Hati saya sangat susah, dia cakap kepada isteri saya. Bila isteri saya beritahu kepada saya, kami terus keluar. Kita keluar dan pergi kedai lain. Saya tengok benda yang sama tetapi tuan kedai itu kata tak usah beli barang ini kerana mahal. Apa susah mahu hantar barang. Dia ada hati kah tidak kita pun tak tahu, Tan Sri. Kita mahu hantar barang ke tempat itu tetapi bila kita pergi beli barang, tuan kedai kata begitu. Isteri saya pula beli barang-barang untuk perempuan. Bila saya tanya apa ini, dia kata *you* tak tahu, *you* diam. Dia beli semua barang itu untuk perempuan pakai- *pampers* juga dibeli. Itu untuk barang baik semuanya tetapi tuan kedai kata tak usah beli, itu barang baik buat apa nak hantar.

Saya tak tahulah dia manusia atau apa kita tak tahu. Saya hantar semua barang yang baik-baik, bukan barang murah. Macam sardin itu dia kata *Ayam Brand* tak usah beli, ada satu jenama yang murah. Satu *Ayam Brand*, boleh beli tiga sardin jenama murah. Orang susah nak makan, makan pula jenama murah nanti sakit perut lagi susah. Kena cari doktor pula nanti tetapi pekedai tak ambil tahu, mereka hanya mahu meniaga. Ini yang ada dalam negara kita. Orang yang tidak ada hati mempunyai kedai tapi saya tak mahu cakap bangsa apalah. Ini saya tengok di banyak tempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu cakap sikit lagi. Perdana Menteri kita telah bersumpah tiga kali di Permatang Pauh, waktu itu saya ada di Permatang Pauh tapi saya tak masuk masjidlah. Dia sudah sumpah tiga kali. Seorang Melayu, seorang Muslim. Apakah lagi yang dia boleh buat? Dia sudah sumpah, apakah lagi yang dia boleh buat? Pembangkang mahu pakai inilah, itulah. Macam-macam. Mengenai Altantuya, dia cakap dia tak pernah tengok Altantuya. Macam mana muka Altantuya pun dia tak tahu. Kalau dia ada tengok, dia lainlah. Dia tak tahu macam mana muka Altantuya pun. Dia sudah bersumpah tiga kali. Satu orang, sepuluh kali orang tanya pun dia tak pernah sumpah sekali pun. Banyak orang tanya tetapi dia tak ada sumpah tapi Perdana Menteri buat macam ini pun lagi orang nak kacau. Saya ingat ini kali saya berhentilah, tak usah cakap hal ini. Hal Altantuya kita dengar daripada *paper*, kita tengok TV...

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tan Sri, apakah yang *you* mahu tanya? *You* boleh bangun tanyalah, tak ada susah.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Yang Berhormat Khalid tanya, mengapa Yang Berhormat pandang dia, Speaker di sana [*Ketawa*]

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tak ada, bukan saya pandang sini, Tan Sri. Sana satu Tan Sri, sini pun satu Tan Sri. Saya sudah *confuse*. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat. Masuk poin yang lain.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tan Sri, bila Tan Sri tengok saya, saya terus cakap dia orang bangun kacau sama saya. Macam mana saya nak cakap?

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Okey. Ini kita punya Perdana Menteri. Kita rakyat di negara, kita mahu tengok dia. Macam mana lagi dia mahu buat? Satu *Muslim* sudah sumpah tiga kali, apakah lagi yang kita mahu dia buat? Kasi telanjang sama dia pun tak perempuan itu lagi kah?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani: Minta laluan, Yang Berhormat. Saya ada dua perkara nak tanya Yang Berhormat. Boleh kah Datuk Seri?... Boleh kah?

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tanya sana sama Tan Sri.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani: Tan Sri, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan persetujuan Datuk Nalla.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: *Sorry, sorry.*

Tuan Yang di-Pertua: *You* benarkan dia bertanya?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani: Boleh kasi kah?

Tuan Yang di-Pertua: Baik, kalau *you* benarkan, saya benarkan.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Satu minit boleh Tan Sri, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani: Yang pertama, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawasanya rakan baik, rakan sepermainan Yang Berhormat yang berada di dalam sana hari ini tidak pernah bersumpah walaupun dimohon, diminta untuk bersumpah tetapi tidak pernah bersumpah, tidak melakukan sesuatu yang seperti mana yang rakyat tahu hari ini, dan yang keduanya, saya nak tanya Yang Berhormat, apa sudah jadi dengan saman yang dikemukakan oleh rakan baik, sahabat baik sepermainan Yang Berhormat Datuk Seri terhadap Datuk Seri sebanyak RM100 juta. Sekian, terima kasih. Mohon penjelasan.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Yang Berhormat, saya jawab, Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani: Kena jawablah.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Kena jawab, bertulis boleh? Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya tanya soalan ini. RM100 juta dia saman saya, sahabat saya, kawan, bekas kawan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Nanti orang tak tahu nama...

Tuan Yang di-Pertua: Tak payah sebut namalah, orang semua tahu.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tahu ya Tan Sri? Okey, RM100 juta dia saman. Sampai sekarang dia tak bawa saya pergi mahkamah tapi saman itu RM100 juta, saya ingat hari ini saya tak mahu cakap hal ini tetapi kawan kita, saya punya sahabat dari UMNO, Batu dia yang tanya, saya mesti mahu cakap sedikitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Jawab, jawab.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: RM100 juta dia saman saya, sampai sekarang dia tak bawa saya pergi mahkamah. Saman ini dulu saya bagi *statement* dalam *paper*, dengan izin Tan Sri, saya cakap dia orang biseksual. Dia saman sama saya. Biseksual. Akan tetapi sekarang dia duduk dalam untuk apa? Untuk kes liwat, biseksual. So kes ini belum ada. Kalau dia tak ada, saya mahu pergi

mahkamah, saya nak panggil *lawyer* saya *sue* sama dia. Dia sampai sekarang tak bawa saya pergi. Kalau tak ada pun, kalau saya ingatlah ini bekas kawan, sekarang dia ada dalam penjara, saya tak mahu bagi dia susah tetapi kawan ini tanya, sahabat saya tanya soalan itu walaupun hari ini saya ingat saya tak mahu ucap apa-apa mengenai nama bekas kawan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, itu satu. Yang kedua itu? Cepat sikit.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani: Sumpah punya pasal itu, dia tak ada angkat sumpah.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Ada sumpah kah tak ada sumpah itu apa pasal *you* orang tak pergi tanya dia? Pergi tanyalah pasal sumpa. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Okey, jawapan pendek Yang Berhormat itulah agaknya *[Ketawa]* Agaknya nak jelaskan dahulu.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Ya, betul Tan Sri. Perdana Menteri kita sudah sumpah tiga kali di masjid, dia satu kali pun tiada sumpah. Orang rakyat mesti tahu siapa dia orang, siapa Dato' Sri Mohd Najib. Dato' Sri Mohd Najib, tengok serupa. Bila dia tidur, bila dia bangun kita tak tahu. Tengok *every time*, semua *time* tengok dia *fresh, very fresh*. Saya satu hari pernah tanya dia, *you look very fresh*, dengan izin. Dia tengok saya dan kata *you* pun *look very fresh* tapi saya tak ada kerja banyak, *you* kerja banyak jawab saya. Dia pagi sampai malam pukul berapa dia tidur pun tak tahu. Tanya Datin Seri Rosmah pun saya ingat tahu kah tak tahu bila dia tidur. Ini kita punya Perdana Menteri yang paling rajin dan kerja kuat.

Seorang Ahli: Kuat.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Kuat, yang betullah dia kuat. Ini kes Tan Sri, polis sama Perdana Menteri kita Tun Abdullah Badawi, dia dua-dua sudah cakap, tak ada apa-apa kes. Lagi polis sudah cakap, mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Badawi pun sudah cakap tak ada kes. Lagi Altantuyalah, macam-macam. Hari-hari dia orang cakap Altantuya. Altantuya pun sudah mati. Ini kes semua tutup. Lain kali siapa-siapa pun tak usah bawa kes ini. Kalau dia orang bawa, polis mesti terus ambil tindakan. Polis tak ambil tindakan, itu yang selalu dia orang cakap. Polis mesti ambil tindakan sekarang. Polis sudah cakap tak ada kes, mantan Perdana Menteri pun sudah cakap tak ada kes.

■1540

Sekarang dia Perdana Menteri kita, Perdana Menteri kita dia pakai kapal terbang salah, dipakai *watch* pun salah. *Watch* ini pun dia orang taruk Twitter. Semua dia taruk. Apa dibikin pun dia orang cakap salah. Dia punya *underwear* dipakai pun, nanti dia orang cakap tidak boleh pakai *underwear*. Pembangkang ini macam. Sekarang pembangkang itu sahaja kerja dia. Apa kita bikin pun dia orang cakap salah. Ini salah, itu salah. Kita mahu *start* GST sudah salah. Satu-satu kita bikin dalam negara ini, Perdana Menteri kita *start*, dia orang sudah mula kata ini tidak boleh, itu tidak boleh.

So, ini dia orang punya kerja. Ini semua kita lupakan, kita tidak usah pandang dia orang, kita tidak usah pandang pembangkang tetapi di sini ada sahabat kita tengoklah. Ini kita tidak usaha pandang, kita tidak usah ingat, tidak usah dengar, tidak usah tengok. Kita bikin kita punya kerja. Pada Pilihanraya

Keempat Belas yang hadapan kita mahu tengok, kita mahu kerja sana. Apa-apa *plan* Perdana Menteri kita belum tahu. Ini semua dia mesti kasi tahu pada kita. Ini satu hal saya cakap...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh mencelah?

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Saya bangun...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tidak apalah, satu *I can ...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, agaknya saya rasa masa terhad. Yang Berhormat hendak benarkan atau tidak? Yang Berhormat banyak *point* lagikah?

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Banyak, banyak...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau banyak *point ...*

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Banyak *paper* ada ini.

Dato' Lim Nget Yoon: [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia ada tempoh masa. Saya hendak nasihatkan Yang Berhormat, *go to the point* satu persatu cepat sedikit.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Baik. Tuan Yang di-Pertua, semua orang cakap kasi banyak *time*, apa pasal saya satu, satu Tuan Yang di-Pertua. Kasi saya masa lebih sedikit. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Yang Berhormat punya caralah. Silakan.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua ini baik punya.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua baik. Bantuan pun saya sudah cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan layan yang lain Yang Berhormat. *You* teruskan.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Dahulu semasa Tun Mahathir menjadi 22 tahun Perdana Menteri, media sosial tidak ada macam ini, serupa sekarang. Sekarang media sosial, sekarang apa bikin di United Kingdom, di Washington, dia boleh tengok apa dibikin sekarang. Dahulu tidak ada, sekarang semua dia orang kacau, macam-macam Perdana Menteri kita. Sekarang susah punya *time*. Kita mahu sokong Perdana Menteri kita. Ini yang paling baik Perdana Menteri yang kita dapat.

Perdana Menteri ini, saya bercakap satu dengan semua sahabat saya. Umur Tun Dr. Mahathir sudah dekat 90 tahun, dia sudah menjadi Perdana Menteri sudah 22 tahun. Saya hormat sama dia. Bila saya keluar dari penjara, saya bikin *appointment*, saya pergi tengok dia di rumah. Banyak orang tidak tahu. Saya pergi dia punya rumah, saya satu satu duduk berbincang, saya tanya dia balik apa pasal *you* tangkap saya, apa salah yang saya bikin. Dia cakap polis. *You* yang Perdana Menteri, bukan Ketua Polis Perdana Menteri. *You* yang panggil tangkap. Lepas itu semua kita *settle*. Sudah *settle*, saya sudah keluar.

Sampai sekarang saya sayang Tun Mahathir, bukan tidak sayang. Dia hantar saya pergi Penjara Sungai Buloh pun saya lagi sayang sama dia. Saya sayang sama dia, tetapi dia punya umur sudah dekat 90 tahun. Tun Mahathir punya anak pun sudah dekat 60 tahun. Kita punya Perdana Menteri umur pun

sudah 61 tahun, serupa dia punya anak. Panggil dia, duduk cakap apa ini, apa ini. Cakap, bincang, habiskan sebab kalau tidak habis ini, siapa yang rugi di negara ini ialah orang Melayu. Dengan izin, *politically the Malays is going to lose*. Kita baru 2 million, 1.8 million. You orang dekat 20 million. *Politically* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin *the Malays will lose*. So, saya minta Tun Dr. Mahathir panggil Dato' Seri Najib. Kalau dia telefon, dia mahu pergi tengok, dia pun mesti, Dato' Seri Najib cakap *you* tidak usah datang sini, saya akan datang *you* punya rumah. Dia hormat sama dia. Pergi dia punya rumah, duduk, bincang kasi habiskan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini hal bukan banyak besar, dia orang bikin satu media punya hal. Hari-hari media keluarkan sana tembak, sini tembak, macam-macam tembak, banyak orang. Hari-hari sekarang kena tembak. Baru dua hari dahulu tiga orang kena tembak, semalam seorang kena tembak. Mana dia orang bawa pistol, saya pun tidak tahu. Ketua Polis mesti mahu angkat tindakan. Semalam saya jumpa satu orang dia cakap saya punya saudara sudah kena tembak. Apakah saudara dia bikin? Dia tidak ada bikin apa-apa. Dia jalan ke kereta, dibawa, siapa taruk dalam dia punya kereta parang dengan *drug*. Tidak tahu siapa taruk dia punya kereta. Dia orang tahan, tengok terus dia mahu lari. Ditengok itu barang ada, dia mahu lari, sudah kena tembak dan mati. Hal ini banyak di negara kita sekarang. Satu hari nanti sana tembak, sini tembak, orang takut mahu mari negara kita dengan izin, *tourist* mahu mari ke negara kita susah. Tindakan mesti diambil. Nanti orang sana pergi tulis di luar negara, tidak payah siapa-siapa, pembangkang dia pergi luar negara, dia rosakkan nama negara kita. Dia cakap tidak usah mari negara kita. Itu sudah jadi *cowboy country*. Mesti dia orang boleh cakap.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat mahu tanya satu lagi. Deepavali punya cuti saya sudah tanya tiga, empat kali sudah tanya dalam persidangan, banyak kali saya sudah tanya. Sampai sekarang saya tidak dapat apa-apa tindakan pun. Menteri di sini, Dato' Seri Shahidan bin Kassim pun tidak dari Perdana Menteri punya *office*. Di Perdana Menteri punya *office*, pegawai yang telefon sama saya ditanya bila *you* hantar surat, bila *you* cakap Perdana Menteri. Pegawai yang kasi takut sama kita. Dia punya pegawai, seorang India. Saya sudah bincang dengan Dato' Seri Shahidan, sampai sekarang dia belum kasi saya apa-apa tindakan, tidak ada kasi apa-apa surat. Saya tidak dengar apa-apa pun pasal hal Deepavali.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, saya mahu cakap, pembangkang ada di sini. BN tidak bertanding DUN Chempaka, sudah kasi laluan untuk PAS. Harap PAS juga bagi laluan pada BN di Rompin. Saya ingat Dato' Seri Hadi Awang dia beri laluan untuk Barisan Nasional. Kita boleh rapat lagi sama PAS, sama Barisan Nasional. Pembangkang sekarang dia punya kepala pun saya tidak tahulah *[Ketawa]* Sekarang tidak ada kepala.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan kepala Yang Berhormat, ketuanya, ada pemimpinnya.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Ketua, ketua. Kadang-kadang dia orang cakap ini kepala sudah mari Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Teruskan. Kadang-kadang saya mahu cakap, Tuan Yang di-Pertua campur bercakap, saya pun sudah sedikit goyang, sedikit takut Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua duduk atas, tidak usah bikin kita takutlah Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]* Saya mahu cakap sedikit lebih pun, tengok Tuan Yang di-Pertua tanya soalan saya sudah takut...

Seorang Ahli: Sedikit goyang.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Sedikit goyang. Dahulu duduk penjara pun saya tidak ada goyang, sekarang goyanglah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Seorang Ahli: Pandai dia bodek Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tidak, bukan itu. Saya tanya ini baik-baik. Saya tanya pembangkang dia kasi tempat Rompin untuk Barisan Nasional. Dia orang kasi laluan, kita sudah kasi laluan di Chempaka, kita hormat sama Tuan Guru Nik Aziz. Dia punya tempat kita mahu kasi sama dia orang, kita tidak mahu lawan. Akan tetapi tempat ini, dia orang pun kasi hormatlah sama kita, kasi laluan untuk Barisan Nasional. Itu sahaja saya tanya. Tanya tidak salah bukan?

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, ada lagi?

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Ini macam tanya, susahlah *[Ketawa]* Ada lagi Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, lagi *10 pages*. Tuan Yang di-Pertua ...

Tuan Yang di-Pertua: Satu isu sahaja lagi, satu isu sahaja lagi. Apa dia itu, teruskan.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Ada banyak, mana satu mahu pilih Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]* Ada banyak, tetapi mana satu saya mahu pilih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, kerana saya terpaksa adil kepada semua. Beri satu isu, kalau esok macam semalam Datuk Yahaya ada masa nanti, saya bagi peluang kepada Yang Berhormat semula bercakap.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Datuk Yahaya sudah angkat saya punya *time* tujuh minit.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, satu isu lagi. Teruskan.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: So, saya boleh angkat dia punya tujuh minit, sekarang saya boleh gulung. Okey Tuan Yang di-Pertua, tidak apa saya kasi habis, esok saya angkat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Menyokong.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Sekian, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Ahli Dewan Negara. Salam sejahtera, salam perpaduan, salam 1Malaysia. *Vanakam. Assalamualaikum.*

■1550

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terima kasih banyak. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Syed Shahir, selepas itu saya fikir ramai lagi Yang Berhormat Puan Norliza, Yang Berhormat Dato' Roslin dan ada sebagainya.

Saya akan cuba sambung kita punya perbincangan ini sampai kalau boleh semua habis, selepas itu saya harap- kerana kita hendak beri peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat bercakap. Itu sebabnya saya kadang-kadang terpaksa pendekkan itu bukan saya hendak, tetapi jangka masa kita terhad. Okey, silakan Yang Berhormat.

3.51 ptg.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Saya ingin turut serta dalam perbincangan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas, 9 Mac, 2015 yang lalu. Saya akan terus kepada perkara-perkara yang perlu diketengahkan dalam sesi ini.

Dalam perenggan 23 teks Titah tersebut, ada menyatakan antara lain mengenai pelaksanaan gaji minimum. Dalam kata lain ertinya ada keprihatinan dan kepedulian sepanjang mengenai isu gaji minimum. Dalam pertanyaan jawab lisan saya telah menanyakan hal ini dan jawapan telah pun diberikan. Apa yang menjadi soal ialah hingga sekarang perkara berhubung dengan gaji minimum ini seolah-olah masih belum selesai walaupun ia sudah menjadi akta dan sudah pun sepatutnya selesai setahun atau dua tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi masalah ialah soal penguatkuasaan. Inilah seperti mana yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa sesi pertanyaan jawab lisan semalam yakni pada pandangan saya ialah ketidakcukupan bilangan pegawai-pegawai untuk melaksanakan atau menguatkuasakan undang-undang ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di peringkat antarabangsa terutama di Pertubuhan Guru Antarabangsa atau ILO, pegawai-pegawai ini dinamakan sebagai dengan izin, *labour inspectorate*. Ertinya mereka diberi kuasa untuk memeriksa, melawat dan menguatkuasakan undang-undang tetapi saya ingin bertanya kepada kementerian nisbah pegawai dengan jumlah pekerja yang ada di Malaysia ini. Umum mengetahui bahawa jumlah tenaga kerja yang ada sekarang ialah 13.19 juta orang daripada sejumlah 30 juta orang rakyat yang ada di Malaysia ini. Kalau diterjemahkan dalam peratusan ia sekitar 43.33% terdiri daripada tenaga kerja. Akan tetapi menjadi hal ialah sejauh mana bilangan pekerja ini nisbahnya dengan pegawai-pegawai? Kalau misalnya pegawai-pegawai yang ada ini jumlah yang sekarang bertugas dalam agensi-agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, saya telah dimaklumkan bahawa untuk mereka membuat satu pusingan pemeriksaan berkala ia mengambil masa tujuh tahun untuk menyelesaikan satu-satu premis perniagaan atau tempat perniagaan.

Maka oleh yang demikian, saya cadangkan kepada pemerintah khususnya kepada Kementerian Sumber Manusia untuk melihat hal ini secara serius dan membanyakkan lagi jumlah bilangan pegawai-pegawai termasuk dengan izin, apa yang saya katakan sebagai *Labour Inspectorate* tadi untuk menguatkuasakan perkara-perkara yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Soal gaji minimum satu hal, tetapi pegawai-pegawai ini juga kena memeriksa perkara-perkara lain seperti mana yang terdapat dalam Akta Kerja Tahun 1955. Misalnya dalam itu terdapat Seksyen 59,

60, 60A, B, C dan sebagainya. Hal-hal ini merupakan hal-hal di mana majikan kena mematuhi kerana dalam akta tersebut disediakan *minimum standard*, dengan izin, ataupun standard minimum untuk dipatuhi oleh majikan bagi keselesaan para pekerja. Ertinya apa bila seseorang pekerja itu masuk bekerja maka dia tidak boleh bekerja lebih dari 48 jam seminggu, dia kena ada satu hari rehat. Kalau misalnya dia sakit dia dapat cuti sakit dan sebagainya.

Selain daripada soal misalnya dengan izin, *maternity protection*. Selain daripada soal misalnya gaji atau upah, hal-hal ini hal-hal yang mana perlu diberikan penguatkuasaan dan kalau misalnya masalah yang timbul akibat daripada tidak cukup bilangan pegawai, menjadi tanggungjawab kementerian untuk memohon supaya diperbesar lagi bilangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kementerian Sumber Manusia, berhubung dengan soal satu dapatan atau laporan yang dibuat oleh Bank Dunia pada Julai tahun 2011, saya dimaklumkan bahawa laporan ini merupakan laporan yang diklasifikasikan sebagai sulit, ertinya tidak boleh diedarkan. Jadi saya ingin tahu apakah dapatan-dapatan itu yang mana penting dan perlu diketahui, paling tidak ertinya berhubung dengan soal gaji. Daripada sedikit maklumat dikatakan bahawa rekomendasi dari Bank Dunia itu ataupun bank ini ialah gaji minimum mestilah bermula pada RM1,500 untuk menyesuaikan dengan keadaan sekarang ini.

Kita maklum bahawa sekarang ini kalau RM900 yang kita dapat di Lembah Klang kita boleh bayangkan apakah yang patut dibelanjakan dengan RM900 tadi. Itu sebabnya maka kita dapati anak-anak kita terpaksa melakukan dua pekerjaan, kadang-kadang dua setengah pekerjaan dalam sehari. Jadi adakah kita ini hidup hanya untuk menghabiskan waktu bekerja sahaja? Berbeza dengan misalnya orang di Eropah ataupun orang Perancis misalnya, dia kata bahawa dia bukan bekerja untuk hidup tetapi hidup untuk bekerja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berhenti sekejap Yang Berhormat saya ada satu perkara yang saya minta Yang Berhormat Menteri bacakan usul. Silakan Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.59 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 16 April 2015.”

▪ 1600

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Teruskan.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi oleh yang demikian, kita mohon supaya dapatan-dapatan oleh Bank Dunia itu dapat dilaksanakan untuk manfaat golongan yang berpendapatan rendah.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Saya katakan tadi bahawa kalau misalnya RM900, tinggal di Lembah Klang ini, kita boleh bayangkan apakah kehidupan ataupun taraf kehidupan para pekerja tersebut. Yang jadi soal lagi ialah sebahagian daripada majikan ini meletakkan bahawa minimum itu menjadi maksimum. Ertinya apabila dia angkat gaji, katalah misalnya sebelum pelaksanaan gaji ini pada tahun 2012, daripada RM800 dinaikkan kepada RM900. Maka itu dianggap sebagai sudah selesai dan kekal demikian. Saya fikir ini tidak betul.

Sebenarnya gaji minimum ini bukan begitu konsepnya. Gaji minimum itu adalah cuba untuk menyelesaikan masalah kerendahan gaji akibat daripada beberapa hal termasuk sikap majikan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ubah sedikit tajuk ini kepada soal kebergantungan kita kepada pekerja dari luar negeri seperti yang disebut oleh banyak orang sebagai pekerja migran. Dalam Titah Baginda ini, ada juga menyentuh soal inovasi. Hal ini satu hal yang perlu diberikan perhatian. Pernah beberapa tahun yang lampau kami mengadakan dialog dengan pengusaha-pengusaha ladang yang besar. Saya mengemukakan pertanyaan begini dan saya harap ini tidak dianggap sebagai sesuatu yang lucu atau bahan ketawa. Saya tanyakan bahawa kita di Malaysia ini sudah bertanam getah dan kelapa sawit lebih daripada 100 tahun. Adakah dalam tempoh 100 tahun itu, ada penambahbaikan dalam soal penorehan getah dan juga pemotongan buah kelapa sawit?

Saya jahil dalam bidang ini dan saya mohon dapat pencerahan daripada kementerian yang berkenaan apakah ada inovasi dalam hal ini? Yang saya tahu ialah kalau dulu, ertinya galah itu dibuat daripada buluh yang diletakkan pisau di hujungnya untuk mengait buah kelapa sawit, sekarang tidak guna buluh. Dia guna sejenis alat lagi yang sama juga dengan buluh bentuknya tetapi bukan buluh. Jadi adakah kita berbangga dengan keadaan semacam itu? Makanya kita tidak perlu membawa sesuatu

inovasi yang baru kerana kita boleh bawa masuk pekerja dari Indonesia, dari Bangladesh yang mungkin secara relatif, kos lebih murah jika dibandingkan misalnya kita hendak mengadakan mesin yang lebih moden untuk hal-hal yang berkaitan dengan pemotongan buah kelapa sawit dan sebagainya.

Saya berikan contoh bagaimana misalnya orang-orang di Eropah terutamanya di Eropah Selatan yang menggunakan mesin untuk memungut buah zaitun (*olive*). Mereka guna mesin dan buah ini adalah seperti buah kopi. Dia bukan ertinya dalam bentuk setandan kelapa sawit. Bukan tetapi gunakan ini dan seorang pekerja yang mahir menggunakan mesin ini boleh mendapatkan output ataupun pungutan yang jauh lebih baik jika menggunakan secara manual. Jadi oleh yang demikian, saya mohon agar ada jawapan yang tuntas sepanjang mengenai isu inovasi ini. Kalau tidak, ertinya harapan dan cita-cita untuk menuju negara maju itu tidak mungkin boleh dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi persidangan yang lalu, kita telah membincangkan satu rang undang-undang berhubung dengan *Malaysian Airline Berhad* dan beberapa orang rakan telah mengambil peranan dan mengambil bahagian yang agak aktif dalam perbincangan itu. Saya telah membangkitkan isu mengenai apa akan berlaku kepada sebahagian daripada pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai termasuk staf *Malaysian Airline* ini. Kebimbangan kita soal pemberhentian mereka. Jadi saya hendak tanya kepada kementerian yang berkenaan sama ada Kementerian Pengangkutan ataupun Kementerian Sumber Manusia berhubung dengan masa depan pekerja-pekerja ini. Dikatakan bahawa sekitar 6,000 orang pegawai, pekerja dan staf ini akan terjejas tentang kedudukan pekerjaan mereka.

Jadi yang hendak ditanya ialah adakah usaha dibuat oleh pihak pengurusan untuk berbincang dengan wakil-wakil pekerja ini sama ada persatuan atau kesatuan yang mewakili pekerja-pekerja tersebut untuk menyelesaikan masalah masa depan pekerja-pekerja ini. Misalnya adakah perbincangan yang berkait dengan apa yang disebut sebagai *voluntary separation scheme* atau *mutual separation scheme* atau sebagainya. Ini kerana kalau dibuat demikian, saya yakin dan percaya setidak-tidaknya ia meringankan sedikit beban pekerja ini dan malah mereka yang memerlukan pekerjaan dapat kekal dan terus bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut di sini mengenai apa yang dipanggil *Trans Pacific Partnership Agreement*. Hal ini telah pun kita bangkitkan banyak kali. Malah saya juga turut serta dalam dialog dan majlis yang dianjurkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Akan tetapi yang jadi hal ialah mengenai kedaulatan negara kita. Ini kerana apa yang kita tahu bahawa salah satu perkara yang ditekankan oleh rakan kongsi atau *partners* ini ialah berhubung dengan, dengan izin, *investor-state dispute settlement*. Maknanya kalau berlaku pertikaian di antara negara yang terlibat dengan pelabur yang ada yang datang melabur di sini, mereka tidak perlu menggunakan sistem kehakiman yang ada tetapi mereka boleh merujuk perkara ini kepada satu sistem yang dipanggil *investor state dispute settlement*.

Kalau ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang kesan jangka panjangnya ialah kepada negara sendiri. Pengalaman yang berlaku di Mesir sebagai contoh, adalah suatu yang perlu kita pelajari. Misalnya di Mesir, sebuah syarikat Perancis telah mengambil tindakan terhadap pemerintah Mesir kerana

berkaitan dengan soal memperkenalkan gaji terhadap para pekerjanya. Syarikat ini tidak berpuas hati, pelabur tidak berpuas hati maka dia mengambil tindakan dan akhirnya kesan jangka panjang ialah bukan hanya kepada pekerja malah juga kepada negara.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, maka oleh yang demikian, kita mengharapkan supaya berhubung dengan *Trans Pacific Partnership Agreement* ini, kita lihat secara serius dan benar-benar memberikan manfaat kepada negara kita ini terutama kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang berkaitan dengan alam ini, kita adalah sebahagian daripada alam. Akan tetapi kalau kita perhatikan bahawa pada mutakhir adalah jelas bahawa manusia tidak menyayangi alam. Kita tahu bahawa negara kita ada banyak sungai, ada banyak pohon, ada banyak tumbuhan dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita lihat sebagai contoh, sungai sahaja. Kalau di Semenanjung ini terdapat beberapa buah sungai yang besar, namun orang atau manusia atau insan tidak lagi menyayangi alam ini. Tidak usah sebutlah sungai-sungai yang mengalir di tengah-tengah kota raya kita ini.

Ertinya dia nampak cantik disebabkan tempat. Akan tetapi kalau dilihat di sebahagian tempat yang lain, penuh dengan segala macam buangan sampah sarap dan sebagainya. Jadi apakah yang patut kita lakukan? Saya ingin menyatakan begini. Bahawa bagaimana kita boleh mendidik anak-anak dari kecil untuk menyayangi alam. Ertinya dari kecil lagi bukan menyayangi yang lain. Menyayangi alam dulu. Erti kita didik mereka untuk menyayangi alam. Kelihatan ertinya kadang-kadang fokus kita bukan kepada soal itu, lebih kepada soal yang berkaitan dengan apa yang anak ini akan jadi dalam tempoh 20 tahun atau 25 tahun akan datang. Itu sebab kita tanya dia, esok bila besar hendak jadi apa? Jadi dia akan jawab macam-macam, juruterbang, jurutera, doktor dan sebagainya. Sikit sekali yang menjawab, saya menjadi orang yang baik, yang menyayangi alam.

Tuan Yang di-Pertua, jadi apa yang saya tekankan di sini kementerian-kementerian yang berkenaan patut menambah lagi usaha secara yang serius untuk memberikan pendidikan peringkat awal kepada anak-anak kita ini. Misalnya begini, di peringkat sekolah, diadakan Bridget Sungai sebagai contoh. Ertinya anak-anak ini akan menjaga sungai tersebut. Dalam kata lain memastikan tidak ada sesiapa yang menceroboh. Misalnya menangkap ikan secara racun, bom, menggunakan *current* dan sebagainya.

Jadi dengan demikian, mereka akan kasih dan sayang kepada alam ini. Demikian juga dengan pokok. Saya pernah dalam Dewan ini memberitahu, malah mencadangkan supaya pokok-pokok ditanam di kawasan Parlimen ini dan kebetulan bercakap mengenai hal ini dan kita tahu sekarang ini bahawa kawasan ini akan dibangunkan. Saya mohon banyak pokok-pokok yang saya nampak ada manfaat dan gunanya. Mohon Jabatan Hutan bantu Parlimen, kenal pasti pokok-pokok tersebut dan namakan buat inventori dan janganlah ditebang. Ini kerana kalau ditebang makanya kita tidak akan dapat lagi jenis-jenis pokok-pokok tersebut. Ini sebab ada yang mungkin berusia 40 tahun, 50 tahun, 60 tahun yang berada di keliling kita ini.

Saya mohon kepada pihak Parlimen untuk berusaha dengan jabatan-jabatan yang berkenaan, mengenal pasti pokok-pokok tersebut dan menandakan dan memberikan keterangan signifikan pokok itu kepada alam ini. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada empat minit lagi Yang Berhormat ya.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Ya. Berhubung dengan soal pendidikan. Sementara kita mengalu-alukan usaha untuk meningkat taraf pendidikan tetapi masa yang sama adalah penting bahawa hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan ini mestilah konsisten dengan dasar yang dibuat. Saya ingin mengimbuai kembali 40 tahun atau 50 tahun yang lepas bagaimana misalnya apabila berubah seorang Menteri, maka dasarnya akan berubah. Akan tetapi kesan jangka panjangnya Tuan Yang di-Pertua anak-anak tersebut apabila dia jadi orang dewasa, pendidikan itu akan menyebabkan membentuk sahsiah dan fikiran mereka.

Saya masih ingat tahun 60-an misalnya. Di perkenalkan apa yang dipanggil Sekolah Aneka Jurusan. Pada waktu itu pengenalan ini dibuat tanpa infrastruktur yang mencukupi. Jadi anak-anak yang bersekolah di kampung-kampung, ertinya mereka diletakkan dalam sistem ini tapi pada akhirnya mereka sendiri tidak tahu apakah sebenarnya yang patut dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, maka oleh yang demikian kita kena melihat ini secara holistik dan perubahan-perubahan yang hendak dilakukan hendaklah mengambil kira kepentingan dan keperluan semasa dan hendaklah tidak tunduk kepada sesuatu sebab atau sesuatu hal yang mana kononnya oleh sebab kita perlu manusia atau tenaga kerja dalam bidang ini, maka tumpuan kepada bidang tersebut tapi lebih kepada pendidikan ini untuk membentuk manusia supaya menjadi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh sedikit oleh sebab semalam telah disebut oleh salah seorang Yang Berhormat Senator berhubung apa yang berlaku di Pulau Pinang. Saya ingin menyatakan bahawa apa yang disebut itu adalah tidak benar dan saya pun tidak mahu memanjangkan perkara ini oleh sebab Tuan Yang di-Pertua pernah berpesan kepada kita daripada awal, hal-hal yang berkaitan dengan negeri timbulkan di negeri tersebut. Akan tetapi oleh sebab disebut, maka saya terpaksa bangkitkan. Akan tetapi walau bagaimanapun, kalau misalnya tidak mendapat jawapan yang memuaskan, maka saya cadangkan orang-orang yang berkenaan bolehlah mengemukakan persoalan mereka kepada pihak yang berkenaan.

Saya mendapat penjelasan daripada rakan saya, Yang Berhormat Dato' Abdul Malik bin Abul Kassim, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Pulau Pinang yang menyatakan bahawa soal empat doa itu tidak betul dan ini hanyalah berlaku dalam satu acara yang dianjurkan oleh sebuah persatuan yang dinamakan *Indian Recreation Club* oleh sebuah NGO. Kerajaan negeri tidak ada langsung kena-mengena dengan hal ini dan hal ini berlaku tujuh tahun yang lampau dan ia adalah selesai. Berhubung dengan soal...

■1620

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh gulung Yang Berhormat. Sila gulung ya.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Ya. Dengan doa dan sebagainya itu dikatakan adalah tidak betul malah Fatwa Negeri telah bincang perkara ini. Mufti Pulau Pinang telah mengeluarkan fatwa di

mana nasihat diberi bahawa sebelum subuh bacaan al-Quran boleh dibuat. Inilah antara perkara yang telah dijelaskan dan kalau misalnya ada kemusykilan boleh kemukakan kepada Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Malik Kasim Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim. Silakan Yang Berhormat.

4.21 ptg.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang dan ruang untuk turut berbahas dalam ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seri Paduka Baginda juga menyentuh pelbagai isu yang saya rasa penting untuk kita turut sama berbahas dalam Dewan yang mulia ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya akan mengambil beberapa isu yang saya rasa harus kita mengambil perhatian yang serius di mana kementerian harus melihat daripada kesan dan impaknya kepada rakyat kita.

Pertamanya saya ingin menyentuh mengenai isu perumahan. Jadi ramai juga di kalangan Ahli-ahli Dewan yang bercakap mengenai perumahan tetapi saya ingin menjurus dengan lebih spesifik kepada isu perumahan di kalangan warga-warga muda ataupun orang-orang muda dalam usia 25 tahun ke-40 tahun yang baru bekerja dan perlu memiliki rumah sendiri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua kalau kita tahu pada usia yang begitu baru bekerja jadi kalaulah pada harga rumah walaupun mampu milik RM400,000 saya rasa agak tinggi untuk seorang pegawai kerajaan ataupun pekerja-pekerja swasta untuk ada kemampuan membeli rumah. Satu kajian yang menunjukkan negara kita menduduki tangga ke-15 di kalangan negara yang mencatatkan kenaikan harga rumah tertinggi pada suku tahun pertama 2014. Malah kajian CUEPACS mendapati hampir 60% orang kakitangan awam yang berpendapatan bawah RM3000 sebulan tidak mampu membeli rumah.

Jadi soalan saya kepada kementerian apakah mekanisme yang boleh kita guna pakai atau kita perhalusi agar masalah perumahan khususnya untuk anak-anak muda ini dapat dilonggarkan. Walau bagaimanapun saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Kerajaan Malaysia kerana banyak usaha yang telah kita laksanakan untuk memastikan masalah perumahan ini dapat ditangani seperti Perumahan PR1MA, Perumahan Mampu Milik dan berbagai-bagai lagi.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin memberi sedikit pandangan sama ada perlukah kita melihat dengan lebih serius mengenai isu pinjaman bank sebab saya rasa khususnya kepada orang Melayu untuk membeli rumah dan membayar deposit 10% ini agak sukar sekiranya pada usia yang begitu muda. Jadi saya rasa kita perlu memikirkan sama ada kita patut memberi pinjaman 100%.

Keduanya semalam saya dengar kalau tidak silap saya Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani bercakap mengenai perumahan untuk kakitangan kerajaan yang dijual secara sewa beli. Jadi saya rasa sekiranya ia berlaku di wilayah sebuah kawasan yang bandar, saya rasa eloklah

pembangunan yang sedemikian ini dibawa ke banyak negeri kawasan-kawasan bandar di negeri-negeri lain sebab saya rasa kakitangan kerajaan harus diberi perhatian dan kita banyakkkan lagi rumah dengan kadar sewa beli ini untuk membantu kakitangan kerajaan kita supaya mereka dapat hidup dengan lebih harmoni.

Saya juga ingin bertanya mengenai pada zaman dahulu dalam pembangunan, ia selalu menetapkan kalau kita ada pembangunan rumah mewah, ia mesti disyaratkan 30% membina rumah kos rendah. Akan tetapi mestilah dibina di kawasan yang sama. Jadi kalau kita dengan izin Tuan Yang di-Pertua kita panggil *cross subsidy* maknanya rumah yang mewah itu akan membantu untuk subsidi rumah untuk golongan berpendapatan rendah. Akan tetapi pada masa kini kita tengok 30% ini adakah kementerian betul-betul *enforce* dengan izin sebabnya adakala benda ini diserahkan di peringkat negeri-negeri. Jadi saya ingin bertanya adakah kita memantau 30% ini benar-benar dipraktikkan dan saya kurang bersetuju kenapa 30% ini ada kala pembangunan mewah di kawasan bandar tetapi rumah kos rendahnya dibuat di kawasan yang luar bandar, agak jauh dari kawasan bandar. Adakah kita cuba mewujudkan jurang antara kumpulan elit dan kumpulan lain? Saya rasa ini satu yang kurang sihat sebab kalau kita hidup alam masyarakat yang majmuk, kita kena hidup bersama-sama dan kita menikmati kemudahan yang sama.

Jadi tidak perlulah kalau golongan elit ini terletak di kawasan bandar tetapi di luar bandar kita letak golongan-golongan yang kita panggil rumah-rumah *low cost*. Jadi saya rasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan harus melihat daripada aspek itu.

Saya juga ingin bertanya soalan saya kepada kementerian adakah undang-undang yang membolehkan kerajaan negeri memberi kebenaran kepada pemaju untuk tidak membina rumah kos rendah tetapi memberi pampasan daripada segi wang ringgit? Sekiranya ada undang-undang ini, apakah hak kerajaan negeri ke atas wang pampasan itu? Sebabnya saya ingin mengambil contoh pemaju-pemaju di Pulau Pinang yang mana mereka ini sekiranya tidak mahu membina rumah kos rendah mereka boleh membayar wang pampasan bagi unit-unit rumah kos rendah yang tidak dibina.

Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada bolehkah ini berlaku dan adakah wang itu dibuat pemantauan? Jadi isu ini saya rasa sekiranya kerajaan negeri mengutip wang itu sebagai wang pampasan sepatutnya untuk membina lagi rumah kos rendah tetapi sehingga kini kita masih belum melihat *actual*, dengan izin, rumah itu wujud di negeri Pulau Pinang.

Lagi satu saya ingin bertanya mengenai penjualan tanah-tanah di negeri-negeri sebab saya merasakan kalau kita ingin menggalakkan atau kita prihatin untuk membantu rakyat untuk memberi rumah mampu milik dan rumah kos rendah, kita harus mengawal tanah-tanah Kerajaan Persekutuan dan juga tanah-tanah kerajaan negeri supaya yang mana telah diwartakan untuk pembinaan rumah kos rendah haruslah dibina rumah kos rendah sebabnya saya tengok macam di Pulau Pinang saya biasa bangkit di Dewan Negara isu di Taman Manggis yang mana tanah itu telah diwartakan untuk dibina rumah kos rendah sewaktu pemerintahan Barisan Nasional tetapi apabila diambil alih pembangkang, tanah ini dijual untuk satu pembangunan yang agak tinggi.

Jadi kita telah menyoal kepada pihak kerajaan negeri sehingga kini kita tidak mendapat sebarang jawapan. Jadi sekiranya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh melihat perkara ini dan mungkin beri penjelasan tentang isu ini.

Saya juga ingin menarik perhatian sebenarnya semalam saya ada berbincang dengan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar dan saya amat berbangga walaupun kita tak separti tetapi kita sehati. Daripada segi aspek perumahan kita amat memikirkan kepentingan rakyat di Pulau Pinang. Kita risau orang Pulau Pinang ini tidak mampu hendak beli rumah yang naik berjuta-juta ringgit. Jadi saya hormati beliau yang sudi berjumpa saya di luar untuk memberi penjelasan. Cuma saya mohon juga kerjasama beliau sebab saya ada membaca projek-projek perumahan yang dikatakan telah ataupun telah dilancar tetapi salah satunya yang sepatutnya *commencement of work* pada Disember 2014 di SP Chulia. Semalam saya hantar orang pergi tengok tidak ada apa pun pembangunan yang dilaksanakan di tapak tersebut. Jadi kalau boleh Yang Berhormat tolonglah *confirmkan* benda ini sebab saya rasa kita harus memberikan maklumat yang betul dan saya rasa Exco Perumahan di Pulau Pinang tidak memberi gambaran yang betul, hanya dilancar, dilancar tetapi di tapak tidak ada sebarang pembangunan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh sedikit dalam Titah Seri Paduka Baginda yang bercakap mengenai masalah bencana alam sekitar yang kita amat titik beratkan pada masa ini. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan Negara juga membahaskan dengan begitu serius mengenai kejadian fenomena banjir yang kita rasa sekarang ini semakin hari semakin membimbangkan di mana kerajaan terpaksa melaburkan wang yang agak tinggi untuk menangani masalah banjir ini.

■1630

Saya rasa sebahagian yang saya dengar beberapa Ahli Yang Berhormat berkata bahawa kita akui fenomena yang berlaku di Kelantan, Pahang dan Terengganu adalah disebabkan oleh satu taburan hujan yang naik berkali ganda.

Kedua, penerokaan tanah. Jadi suka atau tidak suka ini ialah dua faktor kita tidak boleh kata hanya disebabkan oleh hujan tapi tidak disebabkan oleh penerokaan tanah pun tidak betul. Dia kerana kedua-duanya sekali yang menyebabkan satu fenomena banjir yang saya rasa amat menyedihkan kita. Jadi ini berlaku sebabnya kita tidak betul-betul memantau penerokaan dan pembangunan yang dibuat di negeri-negeri kita.

Jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian Alam Sekitar sama ada bolehkah Kementerian Alam Sekitar turun ke negeri-negeri dan pantau masalah-masalah penerokaan ini kerana saya rasa jikalau kita tidak menangani masalah ini di masa akan datang ia akan jadi lebih teruk dan seperti isu bukit-bukit yang digondolkan, bukit yang dengan rakusnya dipotong, bukit dibuang segala pokok yang berlaku juga di Pulau Pinang.

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian adakah pembangunan 250 kaki aras laut benarkan. Sebab sebagaimana saya sedia maklum saya difahamkan, pembangunan 250 kaki aras laut tidak boleh dibuat tetapi kita tengok makin banyak bukit tarah, kawasan-kawasan tadahan air dipotong. Jadi saya rasa ini amat membahayakan dan di masa akan datang ia akan memberi kesan ke kawasan

tersebut. Sekiranya masalah utama *especially* bila kita ada pihak pembangkang, bila berlakunya banjir atau bencana alam, kita mohon bantuan Kerajaan Persekutuan tetapi beri kelulusan untuk kerja-kerja penerokaan ini adalah bawah kuasa kerajaan negeri. Jadi saya rasa pihak kementerian, adakah sebarang akta ataupun larangan yang dibuat oleh kementerian untuk turun memantau di negeri agar apa sahaja yang melibatkan alam sekitar perlu dipantau dengan sehabis baik supaya kita tidak terjadi perkara-perkara yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit mengenai isu GST tapi tidak secara *detail* tapi cuma saya ingin berkongsi pengalaman di mana seorang anak kawan saya yang bersekolah di sebuah kolej swasta dan berkawan dengan pelajar-pelajar Korea. Jadi apabila kita hangat menceritakan isu GST ini, jadi kawan-kawan Korea ini bertanya kepada pelajar ini kenapa di Malaysia benda ini menjadi begitu besar sedangkan di Korea ia telah diamalkan dengan begitu lama pada kadar yang begitu tinggi tetapi tidak menimbulkan sebarang masalah. Jadi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dan juga Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. GST ini sistem *tax* bagi saya sangat-sangat baik di seluruh dunia tetapi kaedah pelaksanaannya yang harus kita halusi.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, saya merasakan langkah-langkah kita membuat penerangan turun ke bawah kastam turun semua ini. Bagi saya masih belum cukup dan mungkin kurang berkesan ada kalanya kita berceramah, kalau kita berceramah itu satu jam, 15 minit sahaja orang dengar kadang-kadang 45 minit orang dah tidak dengar. Jadi saya rasa kaedah penyampaian maklumat kepada rakyat harus kita perhalusi. Jadi adakah kementerian sanggup bekerjasama dengan Kementerian Penerangan saya rasa kita patut keluarkan maklumat secara lebih ringkas dalam bentuk gambar, dalam televisyen tiap-tiap hari dengan menulis itu barang 'A' katanya beberapa SST, beberapa cukai barang campur SST berapa, ini dahulu. Sekarang harga barang dan tambah GST berapa supaya orang dapat membuat perbandingan dulu banyak ini harga dia sekarang ini harga dia,

Sebab saya rasa di kampung-kampung televisyen pun sudah ada, radio pun sudah ada. Jadi kita hanya menunjuk kepada mereka khususnya barang-barang keperluan bahawa ada barang yang naik sedikit ada barang yang turun. Jadi pengetahuan ini harus diulang-ulang setiap masa sebab saya rasa sesuatu pembaharuan itu hanya dapat difahami dalam tempoh setahun dua tahun bukan dalam tempoh sehari ataupun sebulan kita dapat memahaminya.

So, kementerian saya harap dapat bekerjasama dengan Kementerian Penerangan dan saya juga merasakan sekarang ini kita patut panggil dengan izin, *trial period*. Jadi *trial period* ini saya rasa walau di Singapura sekali pun dia memberi tempoh masa setahun waktu percubaan yang mana untuk rakyat cuba menerima impak GST cukai yang dikenakan. Jadi saya ingin mohon kepada kementerian mungkin kita melaksanakan GST ini kita terlepas pandang beberapa barang keperluan yang saya rasa harus dikaji semula sebagai contoh susu tepung untuk orang-orang dewasa, susu formula bayi betul kita kecualikan GST.

Akan tetapi, untuk orang-orang khususnya wanita-wanita yang berumur ini kita kena minum susu sebab kita tidak cukup kalsium dalam badan itu semua. Jadi saya rasa susu ini keperluan kadang-kadang orang tua-tua masuk hospital kita kena buat susu bagi minum. Jadi saya rasa mungkin kita boleh lihat balik. Yang kedua seperti milo. Milo ini satu minuman ada kalanya orang kampung budak tiga empat tahun dia tidak bagi susu sudah, dia bagi milo.

So, saya rasa kita kena tengok barang-barang yang digunakan oleh rakyat dan *pampers*. Saya rasa ini adalah satu yang perlu dan saya rasa Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som pun cakap pasal *pampers* mungkin dia ramai anak. Jadi saya rasa antara keperluan-keperluan harian yang harus kita lihat supaya ia dapat mungkin dikaji semula dan diberi perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Okey.

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bila bercakap pasal kampung ini saya difahamkan di kampung bila orang beli barang di runcit di kampung. Saya difahamkan dia total barang yang dia beli dia campur GST, yang ini Yang Berhormat sedia maklum tidak? Kalau boleh tolong bagi, sebab di kampung ini yang menjadi masalah. Kalau beli di GIANT ataupun di TESCO dia sudah ada senarai barang yang kena GST. Akan tetapi di kampung yang tidak kena GST juga dikenakan sebab dia total semua baru masuk 6%. Yang itu menjadi masalah di kampung. Terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad. Saya amat-amat bersetuju dan ramai juga di kalangan kita wanita khususnya yang membeli di kedai-kedai runcit atau di pasar-pasar yang ada macam pasar tertutup yang mana bila dia campur semua jumlah itu dikenakan GST. Padahal bahan-bahan asas itu tidak dikenakan cukai. Jadi itu yang saya kata tadi pelaksanaan kita itu harus dititikberatkan dan saya juga ingin bertanya kepada kementerian bagaimanakah pemantauan dibuat sebabnya saya rasa dengan kita mengenakan melaksanakan GST ini, kali kita tidak pantau ia akan orang kata disalahgunakan oleh peniaga diambil kesempatan oleh peniaga.

Jadi saya rasa pegawai pemantau kena aktif dan ramai. Okey, masalah kita ini kadang-kadang mempunyai undang-undang yang baik tetapi pelaksanaan kita agak kurang baik. Kadang-kadang kita dengan izin, *follow through* kita itu tidak ada. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian berapakah pegawai yang ditugaskan bagaimanakah kaedah yang digunakan mengikut zon ke atau mengikut apa ke untuk memantau peniaga-peniaga yang mengenakan GST sesuka hati.

Jadi saya rasa ini harus kita titik beratkan kalau tidak rakyat akan menyalahkan kerajaan disebabkan oleh pelaksanaan GST kerana mereka tidak faham, sedangkan GST ini satu sistem cukai yang bagi saya cukup-cukup baik dan telah dilaksanakan di kebanyakan negara-negara membangun di dunia. Akan tetapi di Malaysia disebabkan mungkin sedikit kelemahan kita, jadi kita perlu bekerja lebih sedikit untuk memahamkan rakyat dan juga peniaga kita tentang isu GST.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Boleh saya mencelah Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang mencelah Yang Berhormat.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar dengan jelas apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Norliza sebentar tadi. Cuma saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Puan Norliza kalau saya tersilap terpendang. Sepanjangnya program GST ini dijalankan, saya hendak tanya ternampak tidak kita pegawai penguat kuasa, pemantau-pemantau di *supermarket*, di gedung-gedung besar dan di kedai runcit.

■1640

Kalau ikut silap saya macam saya tidak ternampak. Saya tidak tahulah kot mereka ini tidak pakai baju uniform, ataupun pakai baju biasa baju preman kata orang dulu-dulu baju preman baju biasa untuk menangkap peruncit-peruncit ataupun penjual-penjual ini. Saya setakat ini tidak nampak. Saya hendak tanya berapa ramaiakah penguat kuasa ini sebenarnya? Ini kerana tengah kecoh-kecoh ini sepatutnya kita nampak dia berkeliaran tetapi kita tidak nampak dia berkeliaran. Yang berkeliaran ini kita yang tukang hendak beli kecoh. Hendak beli ini dibohongkan orang, hendak beli ini bohongkan. Kita ini pembeli Tuan Yang di-Pertua suka tidak suka kena beli. Sebab kita hendak minum susu, anak kita hendak menyusu, cucu kita hendak menyusu. Mesti beli. Mahal tidak mahal kena beli tetapi saya minta kepada pihak kementerian KPDNKK supaya tengok betul-betul perkara ini supaya jangan orang kampung, orang kampung pun sudah marah ini, sakit Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Noriah. Saya amat bersetuju sebab itu saya bertanya berapakah pegawai yang kita letakkan dan kalau kita lihat Yang Berhormat Ahli Dewan yang mulia ini, kita asyik melihat Menteri-Menteri yang turun ini masuk ke *supermarket*, ada kalanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga bantu memantau. Jadi saya rasa seharusnya ini dilakukan oleh pegawai-pegawai kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan harus turun sentiasa masa memantau di setiap pelosok kawasan supaya rakyat merasakan bahawa mereka ini diberikan perhatian dan kita tidak ada penyalahgunaan daripada segi pelaksanaan. Jadi saya rasa ini yang harus kementerian lihat secara serius sebab betul, kita tidak boleh memandang mudah isu ini sebab ia menjadi isu yang agak hangat yang diperkatakan khususnya apabila kita mempunyai media sosial yang agak aktif pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit mengenai isu di bawah Kementerian Kesihatan. Saya ingin bertanya mengenai kemudahan-kemudahan hospital yang mana saya rasa Kementerian Kesihatan harus memberi penekanan. Isu ini juga saya ingin membangkitkan kerana ia berlaku kepada salah seorang bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang iaitu seorang bekas ADUN yang mana dia masuk ke hospital disebabkan penyakit kencing manis dan jari kakinya terpaksa dipotong. Jadi kita sebagai seorang pemimpin dan kawan kepada beliau yang seorang juga bekas ADUN wanita, jadi apabila kita menziarah dan betapa sedihnya apabila kita melihat dia diletakkan di antara lorong sahaja, wad kelas 3 duduk di tepi lorong sebab tidak cukup katil. Jadi apabila saya pergi

dahlah duduk di lorong dengan menghadap matahari terus ke mata dia dan kaki dia dipotong dan saya rasa seorang bekas ADUN mendapat layanan sedemikian amat menyedihkan.

Jadi saya dan beberapa ramaikah yang melawat sebab khususnya dia seorang pemimpin, jadi dia pun agak sedih dan menangis atas layanan yang diberikan. Jadi kita pun memanggil pihak hospital tetapi kebanyakan di hospital ini semua doktor pelatih yang agak muda. Jadi dia pun tidak tahu, apabila kita tanya semua ini sudah dua hari dia duduk di tepi lorong itu. Kita rasa ini tidak harus dilakukan, tetapi nasib baiklah kita ini orang yang kenal, jadi kita panggil pegawai hospital datang, dalam masa setengah jam, dia ditukarkan di wad kelas satu.

Jadi rumusannya yang saya ingin sampaikan kepada kementerian, saya rasa kakitangan-kakitangan ini harus kita lihat bagaimana mereka bekerja. Sebab ada kalanya kita tidak boleh menyalahkan menteri atau pemimpin. Sebab saya rasa kadang-kadang apa yang dilaksanakan oleh kakitangan menyebabkan orang menyalahkan kembali kerajaan disebabkan oleh kesilapan-kesilapan yang berlaku. Jadi saya rasa ini amat sedih sekali dan sama ada Kementerian Kesihatan boleh memberi statistik berapakah kekurangan katil ini daripada segi peratusan semua hospital di Malaysia.

Sebab saya rasa cuba bayangkan puan-puan esok kalau kita sebagai Ahli Dewan Negara sudah pencen, kita pula katalah sakit kita pula diletakkan di hadapan bilik air sebab tidak cukup katil. Sedangkan kita biasa menjadi pemimpin di kalangan rakyat. Jadi saya rasa benda-benda kecil ini harus kita titik beratkan dan beri keutamaan dan kita harus menjaga khususnya kepada rakyat kita apabila berlaku sebarang sakit ke apa. Hospital ini tempat yang perlu kita beri perhatian. Kalau perlu kita berikan peruntukan yang lebih kepada hospital, kita harus laksanakan.

Jadi itu antara yang ingin saya cadangkan dan saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan sama ada perlu atau tidak di hospital-hospital ini perlu diletakkan satu kotak cadangan. Maknanya kalau pesakit itu apa yang dia tidak puas hati dia boleh tulis letakkan dalam kotak itu di mana Lembaga Pelawat Hospital boleh datang dan kajian itu boleh kita buat sebagai satu dengan izin, *preventive action* supaya ia tidak berlaku pada masa-masa akan datang. Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpanggil untuk menjawab...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lima minit lagi Yang Berhormat.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Okey Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi, habis.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Sebelum saya menggulung, saya ingin menyentuh sedikit mengenai isu agama dan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah dan Yang Berhormat Tuan Syed Shahir. Sebagaimana yang dinyatakan bahawa bacaan doa itu telah berlaku tujuh tahun yang lalu kalau tidak silap saya tadi dan saya juga telah membuat penyelidikan. Insiden ini, bacaan empat doa ini berlaku pada Februari 2014 semasa Majlis Pecah Tanah yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Datuk P. Ramasamy. Jadi sekiranya majlis dirasmikan oleh seorang Timbalan Ketua Menteri, mestilah ia di bawah sekurang-kurangnya kerajaan negeri mestilah ada bahagian protokol dia. Jadi bahagian protokol ini mestilah tahu, doa yang macam mana yang kena

dibaca dan di bawah Akta Persekutuan, takkanlah empat jenis doa kena baca. Betul, ia satu majlis di bawah NGO, tetapi dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang.

Saya juga ingin menjawab mengenai larangan pembesar suara yang dikeluarkan itu, sebenarnya ada surat yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan saya juga mendapat salinan surat ini yang ditandatangani oleh Haji Sazali bin Haji Husin di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, hukum membaca Al-Quran sebelum subuh dengan menggunakan pembesar suara. Jadi kalau Yang Berhormat boleh jumpa saya, saya boleh bagi maklumat *detail* dan juga mengenai larangan ini juga keluar dalam akhbar Berita Harian. Cuma saya tidak dapat hendak baca tarikh akhbar Berita Harian itu tetapi saya juga mendapat salinan itu dan mengenai larangan melaungkan azan. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, apabila membabitkan isu agama, saya rasa kita pun tidak suka berbahas mengenai isu agama. Sebab ini dianggap agak sensitif tetapi kalau berleluasa sangat juga kita tidak boleh hendak biarkan. Jadi saya rasa perlu ada tindakan-tindakan yang drastik untuk memastikan benda ini tidak berlaku dan berulang.

Satu lagi saya hendak menarik perhatian Dewan yang mulia sebelum saya menggulung. Mengenai semalam surat yang diterima oleh kawasan Tanjung Bunga, saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua sebab surat ini dalam Bahasa Inggeris yang mana dihantar oleh Ivan Goh Lee Ntat 9, Lorong Bintang 2 Tanjung Bunga. *Lower down your speaker voice when pray. Dear masjid person in charge, I'm the residence of sekian-sekian to ask you lower down your masjid speaker. I hate more speaker too louder, bahasa Inggeris dia pun tidak berapa hendak betul when they are giving the azan disturb people. You are giving a very high level creating a-* saya tidak boleh sebut sebab bahasanya lucu *even you call more hundred people to strike at my house because Malaysia has lost if I make any complaints to the Masjid speaker sound. So I request you to take some action lower azan sound when pray. Please don't disturb people when in sleeping time and other activities. Our right complaint to Majlis Perbandaran Pulau Pinang in order to suggest your destroy your mosque because illegal disturb people and breach the Malaysian law.* Jadi kita dapat surat ini dan pada hari pemimpin di Pulau Pinang telah membuat laporan polis pada jam 11 pagi.

■1650

Akan tetapi saya dimaklumkan bahawa beliau juga mengatakan *Facebooknya* telah ditag, jadi ini kononnya bukan mesej dia. Walau bagaimanapun, saya cuma ingin bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri, sekiranya berlaku benda-benda sebegini, ia akan mewujudkan satu perasaan perkauman. Jadi saya rasa benda-benda agama ini tidak harus dibiarkan dan kita harus mengambil tindakan yang tegas. Ini kerana saya rasa di Dewan yang mulia ini kita boleh bercampur dalam semua agama dan kita menghormati semua agama. Isu ini tidak harus kita memperbesarkan. Jadi saya rasa sebagaimana yang-walaupun kita tidak harus memperbesarkan, tetapi kita harus mengambil tindakan. Jadi kita tidak mahu kerajaan hanya kerajaan kita asyik memberi amaran sahaja, kita hendak kerajaan mengambil tindakan yang tegas. Jadi saya haraplah kepada Kementerian Dalam Negeri, bagaimana kita dapat membendung

kerja-kerja ataupun kejadian sebegini yang berlaku di media sosial. Siasatan harus dibuat dan setegas-tegasnya supaya orang takut dan pastikan ia tidak berulang lagi.

So saya rasa Tuan Yang di-Pertua, itulah yang ingin saya bahaskan. Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan masa. Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Roslin Abdul Rahman. Silakan Yang Berhormat.

4.51 ptg.

Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah pun memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sempena pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas 2015 yang lalu.

Seperti mana titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, negara telah diuji dengan pelbagai dugaan sepanjang tahun 2014 yang lalu. Dugaan ini berjaya kita harungi dengan sabar dan tabah. Banjir besar misalnya telah pun menyebabkan ramai kehilangan rumah kediaman dan juga mata pencarian. Setelah tiga bulan berlalu, kesan daripada banjir tersebut masih lagi menghantui mangsa-mangsa yang terlibat. Saya di kesempatan ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas perhatian dan juga bantuan pihak-pihak berwajib serta pihak swasta yang tidak henti-henti membantu mangsa banjir ini kembali menjalankan kehidupan seperti sedia kala. Adalah diminta supaya kerajaan dapat menyegerakan pembinaan rumah-rumah tetap mangsa banjir ini? Lebih-lebih lagi tidak lama lagi umat Islam akan menyambut bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri yang akan menyusul selepasnya.

Banjir memusnahkan harta benda dan juga infrastruktur termasuk jalan, jambatan, bekalan elektrik dan juga bekalan air bersih. Bagi mereka yang menggunakan kereta api sebagai pengangkutan utama di Pahang dan Kelantan, amat begitu terasa dengan penutupan sementara laluan tertentu bagi tujuan pembaikan. Adalah diharapkan usaha pembaikan ini dapat dijalankan dengan segera memandangkan kebanyakan mereka bergantung kepada kereta api bagi aktiviti ekonomi, malah sebagai pengangkutan ke bandar-bandar dan anak-anak yang bersekolah. Mohon pihak Kementerian Pengangkutan dan juga Kementerian Kerja Raya dapat memberi status perkembangan pembaikan infrastruktur jalan kereta api, jalan raya dan jambatan yang sedang diperbaiki sekarang. Berapa lama lagikah anggaran pembaikan tersebut yang akan memakan masa?

Banjir juga menyebabkan ramai penduduk kampung kehilangan mata pencarian, khasnya mereka yang terlibat dalam bidang pertanian dan juga dalam bidang perikanan. Di Pahang, sepanjang Sungai Pahang yang terkenal dengan penternakan ikan sangkar khasnya di Daerah Temerloh, Maran dan Bera. Kerugian akibat banjir ini melibatkan kerugian beratus-ratus ribu ringgit. Jika kita melihat dari

ini, sepanjang Sungai Pahang masih terdapat sangkar-sangkar ikan yang terdampar tidak terurus, rosak akibat banjir. Keadaan ini amatlah menyedihkan. Walaupun kerajaan telah membantu melalui pelbagai agensinya, namun di kesempatan ini dipohon Kementerian Pertanian dan Asas Tani dapat memaklumkan apakah status bantuan diberi dan berapa ramaikah penternak yang terlibat? Kesukaran untuk mendapat dana juga perlu dipandang serius oleh kerajaan, baik kepada usahawan mangsa banjir dan juga mereka yang ingin memulakan kehidupan baru pasca banjir. Ada rungutan bahawa Agro Bank seumpama bank komersial yang lain mempunyai pelbagai syarat sebelum memberi pinjaman.

Tidak lama dahulu ada dimaklumkan bahawa peminjam-peminjam Agro Bank diberi kelonggaran membayar pinjaman. Namun jika diperhatikan daripada proses pemulihan yang agak lambat sekarang ini, dipohon jasa baik bank untuk mempertimbangkan lagi waktu dan kadar pembayaran balik pinjaman. Dilihat jika Agro Bank terus bersifat bank komersial, maka perlulah difikirkan medium kewangan lain yang dapat membantu rakyat marhaen. Ura-ura penubuhan Bank Peladang tidak lama dahulu sedikit sebanyak memberi nafas baru dalam pembiayaan sektor pertanian ini. Buat masa ini bukanlah bank komersial, pertanian tidak elok dilaksanakan. Namun masih ada lagi para petani, penternak dan juga nelayan yang masih memerlukan bantuan mikro kredit yang lebih khusus di bidang pertanian. Adalah dicadangkan juga, perwujudan pinjaman TEKUN Pertanian yang khusus di bidang penanaman, penternakan dan juga perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada melancarkan Dana Bumiputera Al-Ansar yang membantu memperkasakan usahawan bumiputera Muslim di negara ini. Dana dari Tabung Haji dan diuruskan oleh Bank Islam ini memang diharapkan membantu usahawan desa dan pengusaha kecil dan sederhana. Namun, mohon pihak yang berkenaan dapat memberitahu Dewan, apakah pinjaman ini lebih mudah pembiayaannya dari institusi kewangan yang lain? Adakah ia dapat membiayai aktiviti pertanian dan juga industri desa?

Dasar Transformasi Nasional amatlah dialu-alukan, lebih-lebih lagi negara menuju ke tahun 2020, negara maju. *Rural Transformation Centre* (RTC) yang ditubuhkan amatlah menggembirakan hati rakyat di luar bandar. Di kesempatan ini, apakah jadinya inisiatif-inisiatif yang telah dirancang oleh pihak berkenaan? Terdapat lapan inisiatif yang dirancang, antaranya memberi latihan kepada populasi luar bandar, membina Kios Informasi 1Malaysia, memperkenalkan pertanian tahap tinggi sehinggalah pembinaan kemudahan kewangan populasi luar bandar. Apakah status inisiatif ini di Negeri Pahang? Berapa banyakkah kawasan yang telah diwujudkan RTC ini sehingga kini? Berapa ramaikan penduduk luar bandar menikmati kemudahan RTC tersebut?

Penduduk di bandar agak bernasib baik kerana UTC diwujudkan waktu rakyat memerlukan. Ia amat membantu rakyat untuk mendaftar perniagaan, membuat kad pengenalan dan lain-lain aktiviti lagi. Perkara ini masih belum lagi wujud di kawasan kami. Kami mohon agar disegerakan juga pusat-pusat sebegini sekurang-kurangnya di penempatan yang jauh dan di bandar, khasnya di kawasan-kawasan FELDA serta penempatan ladang-ladang yang memang diketahui umum jauh dari segala kemudahan

awam. Mendirikan ini juga dilihat sebagai satu cara terbaik memperbaiki kehidupan sosial ekonomi rakyat di luar bandar.

Saya amat mengalu-alukan usaha kerajaan mewujudkan sekolah vokasional yang melahirkan tenaga kerja industri di peringkat diploma dan pada awal usia muda lagi. Penggubalan rang undang-undang baru-baru ini membolehkan mereka yang cenderung di bidang vokasional ditempatkan di sekolah dan diberikan latihan empat tahun sebelum keluar sebagai tenaga kerja yang mahir pelbagai bidang pada seawal usia 19 tahun. Usaha ini selaras dengan usaha kita menjadi negara maju menjelang tahun 2020;. Adalah diharapkan juga pihak Kementerian Pendidikan dapat mengambil perhatian juga bidang-bidang vokasional, pertanian dan hotel industri. Begitu juga bagi bidang berkaitan dengan industri petroleum dan gas. Tenaga kerja mahir amat diperlukan. Bayangkan sekarang ini setiap bulan negara terpaksa mengimport masuk tenaga kerja luar separuh mahir dan juga mahir. Bukan rakyat kita tidak mampu, tetapi kerana kurangnya pendedahan kepada bidang spesifik seperti pembaikan kapal, *scaffolding*, juru kimpal paip dasar laut menyebabkan industri ini tiada pilihan selain membawa mereka yang mempunyai sijil kemahiran dari Pakistan India, Filipina dan juga Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan tahap tinggi bagi anak-anak di luar bandar amat membantu mereka untuk masa depan. Saya berterima kasih atas usaha kerajaan mewujudkan lebih banyak institusi pendidikan tinggi seperti UiTM dan cawangan-cawangan universiti di pekan-pekan kecil di kawasan luar bandar. Sungguh pun begitu, adalah diharapkan kepada pihak kerajaan supaya memikirkan bagaimanakah untuk mengoptimumkan institusi yang diwujudkan itu demi kemajuan masyarakat setempat. Memang terdapat beberapa buah institusi pendidikan tinggi seperti Universiti Malaysia Pahang yang mengadakan kajian dan pemindahan teknologi kepada penduduk setempat, namun skalanya adalah amat kecil.

■1700

Universiti-universiti mestilah dimanfaatkan juga oleh penduduk tempatan. Jika di Amerika Syarikat mesti akan membuka seluas-luas bidang ilmu mereka kepada penduduk tempatan malah mereka wujud bagaikan simbiosis antara bandar pendidikan dan bandar sivil yang didiami oleh rakyat biasa.

Budaya ilmu juga bagi kemajuan masyarakat semestinya tidak disekat oleh pagar besi dan juga birokrasi yang tidak mesra rakyat. Kerajaan semestinya memikirkan jalan untuk memberikan lebih kuasa autonomi kepada universiti untuk membuat keputusan dan membudayakan ilmu itu di dalam masyarakat. Peningkatan ilmu dikongkong oleh institusi ini sudah berlalu. Jika dahulu ilmu sepanjang zaman diperkenalkan. Apakah tidak kita angkat ilmu pengetahuan itu tanpa sempadan?

Saya ingin menarik perhatian kepada Penubuhan Tabung Pendidikan RM1 bilion yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada beberapa hari yang lalu di UiTM. Syabas kepada GLCs yang menyumbang walaupun PNB telah menyumbang RM150,000 secara ironinya kita memerlukan hampir 7,000 jenis penyumbang-penyumbang seperti PNB bagi mencapai matlamat tersebut. Mohon pihak kementerian dapat memberitahu Dewan bentuk organisasi tabung tersebut dan

apakah hala tujunya? Disebut budaya *endowment* merupakan perkara baru, membiayai pendidikan negara dan mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan dengan lebih lanjut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pada Dewan yang lepas, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada menyebut tentang usaha menilai semula Akta Kebankrapan tahun 1967. Saya ingin memetik dari laporan akhbar pada tahun 2008 sehingga 31 Januari 2015, terdapat 132,543 orang penduduk Malaysia telah pun diisytiharkan muflis, di mana 70% mereka terdiri daripada kaum lelaki dan 30% adalah terdiri daripada kaum wanita.

Senario ini amat membimbangkan, apatah lagi keadaan ekonomi sebegini akan mewujudkan lebih ramai lagi mereka yang muflis. Bagi mereka yang berkeluarga, tanggungjawab mereka yang muflis akan dipikul oleh pasangannya. Ini terus mewujudkan masyarakat yang tidak seimbang. Muflis ini menyebabkan masyarakat tidak produktif dan tiada jalan keluar membaiki kehidupan mereka. Mohon pihak Menteri dapat memaklumkan apakah usaha pembaikan Undang-undang Kebankrapan 1967 ini dan apakah statusnya?

Saya ingin menarik perhatian kes Allahyarhamah adik Nurhaydia Sofya binti Musa, anak yang berumur enam tahun terjatuh daripada tingkat dua di Kenanga Wholesale City Kuala Lumpur beberapa minggu yang lalu. Beliau meninggal dunia akibat bermain di eskalator sewaktu ibunya sibuk menggunakan telefon bimbit. Video kejadian itu menjadi *viral*. Pelbagai komen dan kecaman telah diberikan. Namun supaya perkara ini tidak berulang lagi satu peruntukan yang lebih berat dan tegas kepada ibu bapa dan penjaga yang cuai menjaga anak jagaan mereka.

Akta 611, Akta Kanak-kanak 2011 perlu ditambah daripada segi hukuman supaya ibu bapa dan penjaga lebih bertanggungjawab dan lebih memberikan perhatian kepada jagaan mereka. Saya ingin menarik perhatian pada kejadian kematian akibat kencing tikus yang semakin menjadi-jadi kebelakangan ini. Contohnya pada 11 Disember 2014, seorang meninggal dunia akibat kencing tikus di Pusat Rekreasi Titi Hayun, Yan Kedah dipercayai beliau mendapat jangkitan itu sewaktu berkelah pada 20 November 2014.

Pada 12 Oktober 2014 juga empat orang remaja telah dirawat di Hospital Besar Tuanku Jaafar, Seremban selepas berkelah kira-kira dua minggu sebelum itu di Jeram Toi, Ulu Klawang, Negeri Sembilan. Pada 28 September 2014, seorang pelajar meninggal dunia selepas dijangkiti penyakit kencing tikus di kawasan perkemahan Air Terjun Panching. Begitulah seterusnya penyakit ini terus menular tidak kenal siapa. Dipohon pihak Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada Dewan apakah status kajian mengenai penyakit ini yang diuar-uarkan dahulu dan apakah remedi penyakit ini daripada terus meragut nyawa penduduk Malaysia.

Akhirnya sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya ingin memohon dengan segera supaya diadakan soalan Timbalan Menteri Pelancongan bagi membantu Menteri Pelancongan dalam hal-hal pentadbiran kementerian tersebut memandangkan pelancongan merupakan punca pendapatan negara selain minyak, petroleum dan hasil komuniti lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini juga, barangkali inilah merupakan kali terakhir saya berucap di Dewan ini kerana saya akan berakhir Senator saya pada bulan depan, bulan Mei. Jadi di sini saya mengambil kesempatan minta ampun dan maaf kepada rakan-rakan kalau ada apa sahaja tingkah laku saya, perbuatan saya yang menyentuh perasaan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan dan juga Timbalan Yang di-Pertua Dewan yang sama-sama telah pun memberi tunjuk ajar kepada saya, memberi peluang kepada saya, mengenal cara bagaimana peraturan Dewan.

Di sini juga saya memahami institusi Parlimen ini adalah sihat di mana kita diberi peluang untuk mengutarakan pendapat yang mana juga saya mengucapkan selamat berjaya kepada semua rakan saya di dalam Dewan ini supaya memastikan, memartabatkan Dewan Negara ini. Akhir sekali saya ucapkan terima kasih dan mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kita masih ada tujuh hari lagi hari bersidang Yang Berhormat dan 15 rang undang-undang yang masih kita bahaskan nanti. So, kita masih berjumpalah Yang Berhormat ya. Okey, baiklah seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim. Silakan Yang Berhormat.

5.06 ptg.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merangkumi semua aspek. Kita lihat ucapan takziah, ucapan kebanggaan, ucapan mahukan bahawa apa yang kita lakukan hari ini berada dalam landasan yang betul. Kalau kita lihat banyak yang ditegur atau pun banyak perkara yang kita rasakan bahawa Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini menjadikan landasan kepada kita untuk terus kita bersama-sama merealisasikan apa jua perancangan negara. Di sini saya cuba memendekkan ucapan yang kebanyakan sahabat-sahabat sudah bercakap. Cuma saya terfikir atau pun teringat ucapan dua hari lepas oleh Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim yang menyatakan bahawa penghulu dan juga panglima yang tidak didendangkan.

Jadi sebenarnya kita bagi pihak Dewan ini saya rasa patut berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana dalam bencana yang baru-baru ini iaitu bencana banjir, beliau sanggup turun ke bawah dan kadang-kadang menggadaikan nyawa. Inilah pejuang sebenarnya yang tidak didendangkan. Apabila keadaan ini, ia tidak menjadi suatu cerita yang *success story* atau pun cerita yang menjadi kebanggaan kita rakyat Malaysia kerana ada cerita-cerita lain yang lebih sensasi daripada itu.

Apa yang kita lihat hari ini walaupun saya tidak hendak sentuh dalam soal GST secara mendalam, soal yang lain-lain tetapi bila kita lihat hari ini ada media baru hari ini tidak memainkan peranan, pengorbanan dan juga kewajaran pihak kementerian atau pun pihak Menteri sendiri turun

berkorban demi rakyat. Apa yang paling sensasi yang kita lihat bagaimana hendak burukkan pemimpin. Saya mendapat satu SMS yang saya sebut dalam ini apakah kelebihan Menteri? Dia sebut Dato' Sri Hassan Malek, "*Harga gula, tepung naik adalah untuk kesejahteraan rakyat*".

Kedua, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan, "*Hendak elakkan bayar GST, saranan pelajar selalu memasak*". Ketiga lagi ialah yang ini saya rasa bukan ayat daripada Menteri tetapi inilah media baru punya jahat kerana perkara terbaik kita buat dia tidak tulis, dia lebih sensasi benda yang buruk. Menteri Pertanian Asas Tani, Dato' Seri Ismail Sabri, "*Tidak percaya Najib bermakna tidak percaya Allah*".

■1710

Adakah perkara yang macam ini begitu dahsyat, begitu dahsyat dan tidak sepatutnya mereka yang hari ini hendak membunuh karakter-karakter mereka ini yang berjuang yang sama-sama kita tahu ada masalah. GST nya ada masalah, ada tetapi proses penyesuaian itu berlaku. Tidak ada benda yang baik yang terus-terus kita terima sedangkan lidah kita pun dicipta oleh Allah SWT, ada masam, ada manis dan ada pahit. Mana ada orang berumah tangga 20 tahun tidak ada bergaduh, tidak mungkin.

Jadi inilah sistem yang cuba kita serapkan dalam Kerajaan Malaysia yang hari ini dipandang sinis oleh mereka yang mahukan kepentingan politik. Apa yang saya sebut kepentingan politik ini beberapa juta, kerajaan membelanjakan untuk membina rumah semasa bencana banjir di Kelantan contohnya. Walaupun dia berbeza dalam soal pendirian politik tetapi dengan semangat kita yang susah kita tolong yang lain kita bantu takkan mungkin mereka yang tidak ada tempat tinggal, rumah kita tidak bantu.

Ini tidak keluar, kalau keluar pun sekadar cerita biasa. Kalau cerita yang ganas-ganas yang menunjukkan cincin yang mahal, jam yang mahal belum tentu original. Saya kadang-kadang saya tunjuk jam *Rolax* tetapi beli dekat pasar malam, sama. Akan tetapi oleh sebab mereka yang pakai itu siapa? Contohnya Dato' Abas pakai, orang kata ini Dato' Abas, ya orang percaya tambahan lagi kepada Perdana Menteri ataupun Datin Seri pakai. Inilah sebenarnya yang bermain dalam pemikiran apa sahaja sebutlah BR1M 1Malaysia meringankan beban GST, orang tidak sebut. Orang lebih sebut harga barang naik. Kita sebutlah pengilang hari ini, pengilang...

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Minta laluan...

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: ...Menyerapkan...

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Salim kerana menyebut nama saya, jadi saya rasa terpenggil untuk bertanya beberapa soalan. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan apa yang dipaparkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi? Ini merupakan satu agenda daripada pembangkang untuk meruntuhkan Kerajaan Barisan Nasional dan bukan sahaja itu malah banyak lagi perkara-perkara yang dahsyat yang telah difitnahkan sama ada pemimpin, sama ada agama, sama ada hal Raja-Raja dan sebagainya? Apakah Yang Berhormat bersetuju sebagaimana yang saya tanya tadi, sama ada ini selagi Kerajaan Barisan Nasional tidak tumbang, tidak jatuh perkara ini akan terus berlaku dan tindakan tegas perlu kita ambil? Mohon pandangan daripada Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Dato' Abas. Ya itulah sebenarnya agenda utama mereka yang kita istilahkan sebagai pembangkang. Kita boleh membangkang tetapi bagi pandangan apa yang boleh dan apa yang tidak boleh. Kalau apa cara sekalipun benda baik pun hendak dibangkang, saya rasa susahlah. Apa sahaja yang kita buat bak kata Dato' Abas tadi sama, apa selama ini yang kita boleh bersama-sama. Mereka ini tidak fikir kah kalau dalam keadaan kesusahan pun tidak kira parti, tidak kira warna kulit kita turun membantu. Tidak kira engkau ini pembangkang, PAS tidak dapat peruntukan. Kau ini rumah PKR tidak dapat peruntukan, tidak ada.

Tidak ada tanya pun kau sokong siapa, tidak tanya pun sebab kita sesama, kita berada dalam Malaysia dalam masyarakat yang orang kata bersama-sama hendak membangunkan negara. Tidak ada diskriminasi, tidak ada orang kata soal kita hendak menindas sesiapa tetapi dalam soal-soal yang macam ini kita tengok makin hari makin berleluasa sampai tidak mampu lagi kita hendak bercerita soal kebenaran kerana kebenaran ini tidak terlihat hanya perkara-perkara yang tidak benar sahaja dikemukakan.

Kita tahu bahawa hari ini rakyat tertekan apabila pelaksanaan GST. GST diperkenalkan dan juga dilaksanakan 1 April. Sangat baik kalau yang lain pemborong, peniaga mengikut peraturan. Yang ini tidak ikut peraturan. Pemborong dikecualikan SST terus kepada pekedai dan pengguna 6% GST sepatutnya harga itu lebih rendah. Kalau dahulunya kerana 10%, 6% lebih rendah, jadi kenapa harga barang ini naik? Saya balik kampung setiap kali orang akan bercakap dengan saya. Dahulu kastam datang beri penerangan, KPDNKK datang juga beri penerangan. Ini barang tidak naik, ini barang tidak naik, ini barang tidak naik hanya berlaku 10% sahaja barang akan naik tetapi sebaliknya berlaku, sebaliknya berlaku. Kita hendak menerangkan kepada mereka ini, saya rasa eh itu hari kan cakap lain ini kan cakap lain. Sebenarnya yang bercakap itu betul tetapi yang tidak betul pemborong, pekedai yang tidak bertanggungjawab, itu sebenarnya. Mereka ini menindas.

Saya amat berdukacita kalau kedai yang tidak ada GST pun menaikkan harga barang. Kalau ditanya kenapa naik harga barang sedangkan kita tidak ada yang kastam punya resit, *tax* 6%, GST 6% tetapi barang itu naik, kenapakah? Macam mana tidak naik saya sudah masak, saya beli barang, barang itu naik bagaimana saya hendak tidak naikkan barang, betul saya tidak menggunakan GST tetapi saya serapkan balik dalam harga jualan saya. Naik tidak barang itu? Naik tidak Yang Berhormat, naik tidak barang itu? Tidur Yang Berhormat ini. Naik barang itu, jadi saya [*Ketawa*] Ada dua barang naik, ini kali barang betul-betul barang bukan itu barang naik bang. Jadi apabila suasana yang macam ini saya rasa tindakan secara kolektif bersama dengan semua kementerian, jangan mengharapka KPDNKK.

KPDNKK ini pun sudah pening, berbagai-bagai orang bercakap soal dia, ada cakap Menteri cendol lah, ada bercakap Menteri cap ayam lah, macam-macam dan kita kena bantu. Kita kena bantu menyedarkan yang lain dan pihak penguat kuasa kena bertindak, jangan tulis barang itu tanpa GST, tulis sahaja KPDNKK tidak payah tengok, tidak boleh. Ini yang tidak boleh berlaku. Tidak ada tanpa GST tetapi sudah serap, sudah serap masuk, boleh sebut. Ini kebimbangan yang berlaku. Mahu tidak mahu

saya kena cakap sebab ini rintihan orang kampung. Saya bawa ini kerana orang kampung akan bertanya saya selaku ketua bahagian, apa kau buat di Dewan Negara.

Jadi saya rasa ini cukup bagi saya agar jangan kita bertindak, kementerian ini berseorangan. Menteri kalau datang itu janganlah eskot terlampau banyak. KPDNKK pun ramai datang sampai penuh kedai itu, tidak boleh. Pakai Myvi datang, pakai singlet datang, pakai *t-shirt* datang baru tahu bagaimana akar umbi ini. Kalau pakai dengan keadaan, aku hendak *check* kedai engkau nanti, engkau Menteri, engkau tunjuk semua barang-barang, kita hendak tengok, pegawai pun pandai hendak jaga *line*. Oh bagus ini macam barang tidak naik, pusing sahaja harga barang sudah naik, ini sebenarnya.

Kita hendak siasat jangan kita kata kita hendak *ambush* pusat karaoke ataupun kelab malam, seorang pun tidak dapat. Betul tidak? Kadang-kadang gerakan yang kita buat gerakan Ops Cantas dan sebagainya gagal, inilah. Sebab Menteri datang dengan gaya Menteri, datanglah Menteri datang dengan gaya orang kampung. Datang, berbual-bual dengan orang kampung, jangan kenalkan kita Menteri. Pakai *cap*, pakai apa semua orang pun tidak tahu. Tanya macam mana makcik barang ini macam mana, mahal lah ini barang.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Minta laluan.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Sekejap lagilah.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Sekejap.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Ini tengah hendak *share* ini. Duduk dahulu [*Ketawa*] Jadi saya lebih terkilan lagi sebelum saya ke Parlimen pagi tadi, saya minum kopi dengan anak saya. Dia kata, bapa dahulu bapa beri duit seringgit cukup untuk nasi lemak, di kantin sekolah sekarang RM1.20, barang tidak naik kah? Katanya makan nasi lemak, roti canai tidak naik, kita pun bercakap tidak naik tetapi sekolah pun pandai naik, kantin sekolah pun pandai naik. Ia tidak ada GST, ini bukan soal GST, soal barang naik.

Ini yang saya perlukan bahawa inilah sebenarnya rintihan rakyat. Rakyat suka, rakyat tidak suka ke kedai itu kerana apa, suka. Rakyat tidak suka ke kedai itu turun harga, rakyat suka. Yang hari ini yang kita diputarbelitkan dalam keadaan ini pembangkang. Cakap macam-macam tidak patut kerajaan ini, tidak patut ini, tidak patut, semua tidak patut sedangkan hasil ini kita tahu bahawa telah diberikan taklimat, 100 lebih negara pakai. Kita beli kasut dekat UK, Dato' Megat beli kasut dekat UK kena GST, GST *claim* balik, macam itulah contohnya.

■1720

Jadi benda-benda yang ada di Malaysia ini, yang tidak perlu diimport tidak ada GST, gunalah produk Malaysia. Saya yang hairan ini juga, Kedai 1Malaysia ini. Kita *launching* Kedai 1Malaysia, belilah barang murah, ia pun tak murah sangat, lebih kurang sama saja Kedai 1Malaysia ini. Jadi di mana kita punya perancangan dulu dengan Kedai 1Malaysia ini boleh menampung kesusahan, kepayahan rakyat, tidak timbul pun benda ini. Jadi ibarat apa yang kita buat hari ini semua tidak kena. Jadi janganlah bagi satu orang ini monopoli. Monopoli Kedai 1Malaysia, inilah jadinya. Banyakkan, perbanyakkan kedai-kedai

1Malaysia ini, kau buka, kau buka, kau buka hendak tengok boleh atau tidak boleh. Jadi rakyat ada pilihan. Hari ini rakyat tidak ada pilihan.

Kedai itulah kedai mamak yang satu lagi, nasib mamak itu tidak ada. Kedai mamak yang satu lagi itu, itulah orang makan. Oh tak payah ke belakang, saya hendak makan di mana ini. Kalau tidak ada kedai itu, saya hendak pergi makan dua kilometer. Dua kilometer 6% dah habis. Kenalah bayar, tidak apalah mudah. Inilah sebenarnya lokasi juga memainkan peranan. Kalau ada GST di situ, ada kedai yang tidak ada GST, buat, jadi barulah rakyat rasa ada pilihan. Hari ini rakyat rasa tidak ada pilihan. Silakan Yang Berhormat tadi, hendak cakap tadi, saya belum bagi peluang.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyokong saja. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, ada pegawai KPDNKK pergi buat *spot-check* di salah sebuah kedai di Sentral. Kedai ini kedai orang kenamaan dan dia malu, maruah. Pegawai pergi ramai, macam Yang Berhormat tadi, ramai dengan *tie* dengan baju korporat. Pelanggan ramai dalam kedai, lalu lalang pun ramai, dia pergi minta resit marah dengan nada yang kasar dalam kedai itu. Kemudian itu, tuan empunya kedai itu malulah walaupun dia tidak di situ tetapi stafnya di situ. Jadi dia pergi jumpa kelmarin di KPDNKK di bangunan Hotel Legend itu. Pergi di situ pun dah jumpa dengan pegawai, pegawai tidak boleh bagi satu penjelasan yang baik. Ini kepada orang kenamaan ini, tak perlu saya beritahu siapa, orang kenamaan.

Jadi saya minta pegawai KPDNKK tolonglah pergi seperti mana yang Dato' Salim katakan tadi, pergi janganlah pakai mahal sangat, pergi telefonlah dulu. Datuk atau Datin, kedai ini ada kesilapan, kesalahan apa-apa berkaitan dengan GST, telefon atau boleh saya jumpa Datuk atau Datin. Ini mai terus dengan gaya yang hebat macam kata Yang Berhormat tadi. Saya menyokong.

Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif@Mohd. Sharif: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Yang kedua, saya hendak sebut dalam suasana yang macam ini. Bagaimana permainan pembangkang hari ini menggunakan dalam suasana contohnya *the right time*. Bila keadaan rakyat dah marah ini, KWSP pula pandai-pandai. KWSP hari ini umur yang 60 tahun baru boleh keluar. Marah tak rakyat? Rakyat bertambah marah. Jangan sebut kalau tidak ada keputusan. Umur 60 tahun ini, kadang-kadang umur 55 tahun pun dah habis, kadang-kadang sakit jantung pun banyak.

Macam-macam, stres kerja, harga barang naik, turun naik, macam-macam. Bila keadaan macam ini, jangan kita letakkan suasana itu keadaan rakyat marah termasuklah SPAD tiba-tiba hendak naik, cadangan hendak naik tambang. Ini semua tidak betul, tidak betul. Kalau tidak ada keputusan, tidak ada bincang, cuba bincang perkara itu. Jangan benda itu dalam keadaan suasana hari ini, terus hendak masuk semua.

Saya pun tak setuju 60 tahun ini KWSP keluar. Umur 60 tahun apa yang boleh kita buat? Dah lemah dah, tidak ada tenaga, tiada. Cuma 55 tahun itu adalah ekstra lima tahun. Kalau sihat, tegap, hendak pergi Mekah pun tak ada pakai *wheel chair*. 60 tahun menggigil, ada kena *Parkinson*, 55 tahun pun tidak boleh pakai lagi dah. Ini bila saya melihat perkara ini juga, janganlah KWSP ini mewujudkan suasana yang sama seperti SPAD, sama. SPAD pun kata itu pun dah tarik, ini pun dah tarik, dia kata bukan maksudnya begitu.

Jangan sebut benda-benda itu hari ini yang boleh menjana kemarahan rakyat. Jadi yang ini saya pun mahukan bahawa kerajaan juga menegur mereka yang duduk di GLC-GLC ataupun mereka yang duduk menjadi CEO di KWSP kah, Pengerusi SPAD kah, fikirlah. Fikir jangan seronok dia hendak dapatkan perhatian yang lain, pendapatan yang lain. KWSP ini Yang Berhormat, hendak keluarkan...

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seronok dengar sahabat berucap. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan CEO-CEO di GLC-GLC dan juga tadi Yang Berhormat sebut SPAD mewujudkan atau menaikkan tambang-tambang teksi dan memanjangkan tempoh pengeluaran duit KWSP daripada 55 tahun kepada 60 tahun? Ini adalah mungkin satu keadaan untuk mewujudkan satu keadaan yang tidak harmoni di kalangan penduduk negara ini dan akan mewujudkan satu keadaan yang marah kepada kerajaan hari ini dan akhirnya Kerajaan Barisan Nasional boleh tumbang. Setujukah Yang Berhormat?

Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif @Mohd. Sharif: Yang Berhormat Senator Olian sebut tadi, memang itulah sebenarnya CEO yang berada pada GLC ini kerana mereka ini dapat terlalu mudah. Tidak rasa kepayahan kehidupan di peringkat akar umbi. Kita berada di Dewan ini merasai bagaimana kita hendak menerangkan kepada rakyat. Mereka ini tidak payah terangkan kepada rakyat, dia panggil dia punya pegawai, dia terangkan kepada pegawai. Kita ini kalau isu-isu yang macam ini, kita kena terangkan balik. Jadi yang ini saya berharap kerajaan memikirkan supaya menolak apa juga cadangan melalui SPAD atau KWSP dan sebagainya, fikirkanlah masa-masa yang lain kerana pengeluaran wang KWSP ini bagi saya tidak ada halangan.

Duit yang ada pada KWSP ini tidak keluar sikit pun. Bilion ringgit saja ada di situ. Apakah ada hal? Setakat RM100,000 RM200,000 KWSP hendak keluar. Tidak rugi KWSP, tidak rugi. Disimpan lama lagi rugi. Kita menyimpan duit ini kalau kita tak dapat rasa, tidak guna kita menyimpan. Masa dalam keadaan 55 tahun itulah dalam keadaan kita yang boleh belanja. Yang lain-lain dah banyak makan ubat, ubat darah tinggi, kencing manis, dah tak boleh lagi, nak pakai pun tidak boleh. Jadi kena fikirkanlah keadaan ini supaya kita memikirkan apa juga keputusan-keputusan yang bakal dibuat itu pastinya akan mengembirakan rakyat. Jangan mendukakan rakyat dalam suasana yang kita hadapi sekarang ini.

Keduanya, saya hendak sebut dalam soal kampung saya juga perlukan seperti yang berada di Bentong, di Pahang tadi, perlukan RTC. Kenapa RTC ini ditubuhkan ataupun dibuat, dilaksanakan di peringkat kawasan-kawasan kampung? Ia kerana di situlah orang kampung dapat urusan. Kadang-kadang jaraknya terlalu jauh. Hendak pergi buat pasport nilainya RM100, tambang pun RM100. Jadi bila keadaan ini kita boleh meringankan beban rakyat. Jadi kenapa UTC ini dibuat, janganlah dibuat UTC ini imigresennya dekat, pendaftaran dekat, itu dekat, kita hendak buat, untuk apa? Jadi tidak ada impak kepada rakyat. Rakyat kampung inilah rakyat yang penyokong tegar Barisan Nasional, kot ada apa yang kurang pun, diterima, tidak seperti di bandar.

Bagi apa pun, rumah apa pun, kemudahan apa pun, macam Yang Berhormat Batu tetap pembangkang, tidak bersyukur atas nikmat. Akan tetapi orang kampung yang berada di kampung, nikmat

itulah dengan jalan raya yang baik, dengan keadaan bekalan air bersih yang baik, bekalan elektrik yang ada, ini dah cukup bersyukur. Ini sebenarnya orang kampung mahukan. Kita binalah seberapa banyak rumah, akhirnya bandar tidak lagi menjadi tempat *fixed deposit* untuk Barisan Nasional. Jadi apa-apa pun bangunan, kita sasarkanlah kawasan luar bandar kerana mereka ini walaupun tidak ada nikmat tetapi bersyukur atas nikmat apa yang ada.

Dalam soal perumahan juga kita hendak perumahan berada di bandar tetapi di kampung juga hendak perumahan. Dulu ada Rumah Mesra Rakyat, hari ini Rumah Mesra Rakyat pun tidak dengar. Rumah Mesra Rakyat ini dibina kerana di kampung dia ada tanah, sekurang-kurangnya seekar, setengah ekar tapak rumah. Dia hanya dapat pinjaman RM100 dan siap kontraktor bina dapatlah rumah sebuah dengan nilai RM100 rumah yang besar. Banglo di kampung belum tentu di bandar dapat. Jadi kita mahukan bahawa kampung-kampung yang tinggal ini agar mereka ini balik ke kampung kalau keadaan perumahan di bandar ini tidak begitu selesa dan tidak boleh hendak duduk di bandar, buat apa duduk di bandar. Isunya setakat RM3,000 RM4,000 gaji belum tentu.

Rumah pun tak mampu Dato' Abbas. Dato' Abbas sebut semalam, saya tengok. Memang keadaan itu berlaku tetapi di kampung RM120,000 buah rumah itu dah rumah banglo, tanah sendiri, milik sendiri supaya tanah tak terbiar. Jadi orang yang ada itu dah bersara 55 tahun, dapat pula duit KWSP, bolehlah menyediakan apa-apa kemudahan di kampung, hendak bercucuk tanam dan sebagainya dia boleh sebab *soft landing* dia tidak boleh pergi mana lagi dah. Jadi itulah akhir hidupnya. Yang ini kita kena fikirkan sebab kronologi hidup ini cukup berbeza. Di bandar, orang muda suka di bandar tetapi kadang-kadang orang di bandar juga hendak balik ke kampung.

■1730

Jadi dalam soal ini juga orang kampung juga tidak terbelah dalam soal perumahan. PR1MA juga buat di kawasan bandar. Apakah projek perumahan yang ada dekat kampung? Tidak disebut sedangkan penyumbang yang terbesar kemenangan Barisan Nasional di kampung. Ini yang saya kadang-kadang pelik bin ajaib keadaan ini berlaku. Kalau orang yang tahu bersyukur kita membantu dia, dia lagi bersyukur daripada orang yang tidak tahu apa yang kita hendak buat dia pun tidak bersyukur lebih kuat menghentam dan sebagainya. Inilah kita harap daripada segi pungutan *collection* daripada GST ini nanti sasarkanlah peruntukan-peruntukan ini pada orang-orang kampung yang perlukan bantuan dan sebagainya. Oleh sebab inilah sangat penting tuan-tuan kerana memberi sumbangan yang paling besar kepada kerajaan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan yang ketiganya isu minyak nasional Malaysia iaitu Petronas. Kita tahu di Indonesia kita ada Pertamina milik Kerajaan Indonesia. Kalau di Malaysia kita bangunkan dengan roh dan juga semangat Bumiputera ketika itu dan hari ini dianggap syarikat yang cukup besar. Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat sekalian buku ini dibuat ditulis oleh Naib

Presiden Petronas Datuk Ismail Hashim, Tajuk buku edisi khas "*Pantang Dicabar*". Dahulu Malaysia ataupun kita anggapkan bahawa hendak buat jarum pun susah dan akhirnya pada tahun 1974 ketika itu maka tertubuhlah syarikat minyak Petronas. Ketika itu pada tahun 1974 sehingga tahun 1976 yang menjadi pegawai ataupun orang yang terlibat secara langsung dalam Petronas ialah Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Ketika itu dia bekerja dengan Petronas dan hari ini kita lihat Petronas menjadi syarikat gergasi Malaysia.

Itu anggapan kita kerana kita rasakan bahawa tidak ada syarikat milik negara, petroleum milik negara yang ada hanyalah Petronas. Penyumbang kepada cukai kita adalah dahulunya 40% daripada cukai hasil Petroleum dan sekarang oleh sebab kejatuhan minyak dan sebagainya maka *tax* yang kita perolehi ialah 29%, sudah jatuh lebih kurang 11%. Dalam keadaan ini dalam dunia hari ini kita melihat bahawa perkembangan yang ada hari ini saya bimbang kerana saya melihat bahawa syarikat minyak ini tidak lagi menduduki tempat pertama seperti Pertamina di Indonesia. Kita tahu Petronas menyumbang kepada banyak perkara tragedi yang berlaku. Contohnya MH370 berapa juta ringgit Petronas membelanjakan. Lepas itu banjir beberapa buah ribu tong, yang saya difahamkan 10,000 tong pun dibekalkan kepada orang-orang kampung gas percuma dengan tongnya sekali.

Jadi kita melihat dalam keadaan ini kebimbangan kita ialah agensi-agensi kerajaan sepatutnya menjadi *feed deposit* kepada Petronas. Hari ini penggunaan minyak kepada agensi dan kementerian yang ada amat kita, kalau saya sebut Yang Berhormat pun terperanjat. Kalau ikut Kementerian Penerangan yang menggunakan minyak Petronas hanya 45% yang lain syarikat asing. Syarikat asing ini Yang Berhormat dia dapat keuntungan bawa keluar negara. Saya tidak hendak sebut syarikat asing ini Yang Berhormat pun tahu bahawa mereka dapat duit hantar ke luar negara. Kita Petronas dalam negara. Pelaburan kita luar negara pun ada, dalam negara pun ada. Jadi kalau kita lihat daripada statistik yang ditunjukkan ini ialah Kementerian Jabatan Perdana Menteri 60%.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Alamak. Kementerian Kesihatan 60% dan banyak lagi. *Ratio* dia lebih kurang 60%, 55%, 60%. Saya hairan kenapa syarikat GLC yang kita tubuhkan dengan roh dan semangat kita tidak mampu hendak bantu. Kita rela bagi pada syarikat asing, keuntungan kepada syarikat asing untuk beli minyak dan sebagainya. Ini saya rasa tidak patut berlaku pada kementerian kepada Kerajaan Malaysia yang kita bina sendiri syarikat ini. Saya pun menyebut soal 1,000 lebih stesen minyak dibina seluruh negara tidak kiralah dekat bandar, luar bandar semuanya ada. Dahulu kita kata tidak cukup stesen sekarang ini semua kawasan bandar, pinggir bandar, *highway* dan sebagainya sejumlah 1,064 buah stesen minyak dibina.

Jadi melihat bahawa perkara ini tidak cukup stesen tidak mungkin. Kenapakah? Kenapa perkara ini boleh berlaku sedangkan roh dan semangat kita sudah bina dalam syarikat petroleum ini. Inilah sebenarnya untuk kita menjana pendapatan ekonomi kita. Kalau tanpa ada syarikat macam ini contohnya di Brunei tidak ada orang lain pun bersaing. Kenapa dia boleh *control market* juga daripada segi kuota pembukaan stesen. Apa yang saya amat terkilan dalam berlaku kuota yang ada KPDNKK juga kuota

diesel RM200 juta dibagi pada Petronas, RM265 juta bagi pada Shell. Diskriminasi sedangkan syarikat kita, hak milik kita rakyat Malaysia. Ini kementerian KPDNKK kena fikirkan bahawa tindakan dibuat ini merugikan rakyat generasi-generasi yang akan datang. Jadi saya mohon supaya tindakan ini dapat kita laksanakan bagaimana kita mengangkat *syer market* ataupun penggunaan minyak di kementerian sebagai *feed deposit* 90% paling tidaknya.

Ini kerana inilah kita menjamin sumbangan kepada cukai kita, sumbangan kepada peruntukan-peruntukan lain, kebajikan lain. Jadi itu saya berharap agar kita sama-sama memikirkan dalam isu-isu yang macam ini. Apa pun yang kita buat rakyat melihat, apa yang kita buat bakal kita wariskan kepada generasi yang akan datang. Silap kita hari ini maka silaplah generasi yang akan datang untuk mewariskan negara. Saya akhiri ucapan perbahasan saya menyokong Titah Yang di-Pertuan Agong. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad.

5.37 ptg.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Senator, Tuan Yang di-Pertua yang memberi saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan pada petang ini. Saya telah membaca dengan hati-hati dan penuh teliti naskhah ucapan dan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seperti mana yang dibuat oleh Dato' Adam bin Abdul Hamid dahulu.

Andai katanya Tuan Yang di-Pertua untuk mengekalkan keamanan dan kemakmuran negara yang berpanjangan kita mestilah berpegang kepada prinsip Rukun Negara, rukun damai. Falsafahnya pernah saya katakan dahulu yang muda dikasihi, yang tua dihormati serta pandai-pandai berbudi dan mengenang budi. Perkara yang saya katakan apakah asasnya? Baru-baru ini saya dapati bahawa kita mesti beri peluang kepada Perdana Menteri kita untuk menerajui negara kita ini dengan baik dan jangan ganggu. Cabaran ini merupakan teguran yang kita rasa kalau tidak ditangani boleh memudaratkan negara kita. Petang ini hari ini saya nampak jelas bahawa saya rasa lega rata-rata kita punya Senator-Senator ini banyak menyokong dia. Inilah perkara yang kita mahu sebab kita lama tidak bercakap. Kita tidak bercakap, kita cakap.

Inilah masalah kalau kita tidak cakap orang ingat kita tidak tahu. Sebagaimana selepas Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak mengadakan *conference* ataupun temu ramah maka benda itu orang lebih jelas mengenai perkara-perkara itu, jadi kita cakap. Untuk rencana negara ini kita merayu kepada mantan Perdana Menteri agar beri sokonganlah jangan ganggu sangat dan memberi dia peluang dan ruang untuk terus memimpin negara kita ini.

■1740

Di sini saya sebagai pemimpin lama, saya hendak tahu bahawa ingat apa kata Profesor Hamka, Tuan Yang di-Pertua. Dia kata pemimpin yang baik itu pemimpin yang memuji rakan-rakannya di hadapan ramai dan dicelanya, diteguranya seorang-seorang. Cara budiman, cara orang beriman. Itu cara yang terbaik. Hari ini apa jadi? Rosak negara kita. Ini kita hendak maju. Keamanan tanggungjawab semua. Ia akan dicapai bila semua lapisan masyarakat menyokong kepimpinan kita yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib.

Tuan Yang di-Pertua, kita semuanya sedia maklum bahawa ekonomi negara kita terus berkembang dengan baik ditambah pula dengan kedatangan terus menerus pelancong yang membawa tukaran asing kepada negara menunjukkan bahawa kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib telah mengemudi negara dengan begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang isu akhir-akhir ini iaitu sistem GST. Tidak banyak, sikit sahaja. Saya hendak beritahu bahawa yang penting hari ini kita mestilah latih penguatkuasaan kita supaya kita tidak hanya tahu, kita dapat sampaikan apakah masalah, dengar masalah itu. Jadi saya harap tadi, pihak berkuasa tadi mengatur kita punya penguat kuasa itu lebih ramai, teratur dan kemas supaya mereka lebih faham. Mereka mempunyai *some protocols accrue* daripada segi ini tadi. Jadi banyak benda yang baik jadi tidak baik. Jadi kita mestilah seperti apa yang dikatakan oleh seorang Yang Berhormat Senator tadi, atur kumpulan kita ini. Kemaskan diri kita, *knows our strength*. Ini kita ini nanti orang tuduh tidak pasal kerana hari ini kita tahu ramai sangat musuh kita ini. Musuh tidak suka tengok kita maju, itu ingat itu. Ada sahaja yang tak kena. Senyum tidak kena, ketawa tidak kena. Ada sahaja tidak kena. Macam itulah perkara-perkara ini.

Saya menyeru agar kerajaan kita terus memberi perhatian tentang isu GST ini dan menambah baik proses *enforcement* bagi memastikan GST itu mencapai matlamat untuk dapat memantapkan ekonomi negara dan cuba fikirkan kemajuan, pandangan negara luar kepada kita. Pada tahun ini, Malaysia telah dilantik menjadi Pengerusi ASEAN yang dipimpin oleh Dato' Sri Mohd Najib, Perdana Menteri kita.

Kita patut berasa bangga dan berterima kasih kepada rakan-rakan dalam Asian atas kepercayaan ini. Ini satu penghormatan antarabangsa yang saya percaya Malaysia sebagai pengerusi akan dapat memperkemas hubungan serantau sama ada daripada segi politik, ekonomi, keselamatan, kesihatan, pelancongan serta sosiobudaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga turut serta menyokong apa yang disarankan oleh saudara saya yang bernama Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya mengenai perumahan dan saya hendak memberitahu perumahan di wilayah ini amat meruncing, amat bahaya kalau tidak diatasi. Sebelum saya pergi panjang tentang maklumat ini, saya ingin menyatakan apakah masalah perumahan Wilayah Persekutuan ini. Satu, migrasi golongan muda ke Kuala Lumpur bagi mencari nafkah dan pekerjaan.

Dua, kekurangan rumah mampu milik dan perumahan sederhana dalam Bandaraya Kuala Lumpur dan golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang menjadi 60% daripada golongan

muda. Kadar sewa perumahan yang terlalu tinggi atau harga rumah yang terlalu tinggi. Harga hartanah juga terlalu tinggi. Inilah isunya tadi. Saya selaku orang Wilayah Persekutuan ini, saya nampak agak paling sedih. Takut tadi orang-orang yang menyokong kita ini tidak dapat rumah, disusahkan dia, esok dia benci kepada kita.

Dengan itu saya mencadangkan supaya Wilayah Persekutuan ini menubuhkan dikata Lembaga Perumahan Wilayah Persekutuan untuk menjadi pemangkin, *catalyst* bagaimana nak membuat rumah yang lebih baik supaya orang ini dapat. Jangan begitu serahkan rumah ini, tanah-tanahnya kepada pemaju. Bagi pemaju, yang penting ada duit, keuntungan. Yang untungnya orang tengah. Jadi berikanlah kepada Majlis Pembangunan atau Lembaga Perumahan Wilayah Persekutuan agar dia tahu di mana patut buat rumah. Contoh satu saya tengok, kita buat rumah PPR atau PA tadi, jadi saya tengok masalah satu, tempat letak kereta. Dulu rumah PPR ini satu rumah, satu kereta. *Now* satu rumah dua hingga tiga buah kereta, Tuan Yang di-Pertua. Dia letaknya keretanya berpanjangan, simpang simpul, susah nak masuk kereta lalu jadi kecil. Pernah berlaku bomba datang kebakaran, dua jam baru sampai ke situ kerana hendak masuk tidak boleh, lekat kerana kereta bertabur, tidak boleh masuk. Akhirnya rumah terbakar.

Pernah juga berlaku ambulans begitu juga. Nak ke hospital, orang itu sudah mati baru sampai ke hospital. Perkara-perkara ini saya minta tadi masalah perumahan ini sangat penting kepada keluarga kita di kawasan ini. Ini yang saya katakan majlis ini Lembaga Perumahan Wilayah Persekutuan ini patut diadakan kerana ia pemangkin untuk mengatur dan membuat ini. Janganlah kita selalu berikan kepada pemaju-pemaju ini.

Satu lagi masalah saya ialah perumahan dan akhir-akhir ini gejala manusia Tuan Yang di-Pertua, yang kurang sudah. Akhir-akhir ini manusia sudah berkurangan, bertambah sudah yang takut kepada Allah. Mereka lebih takut kepada kamera atau CCTV. Oleh sebab itulah berlaku tadi fitnah, cakap tidak baik dan macam-macam yang menyusahkan fikiran kita. Perkara-perkara ini saya rasa kita kena tengok seperti mana yang wakil kita kata tadi mengenai mengatasi masalah berkaitan GST ini. Orang sudah takut. Tiap-tiap hari keluar fitnah dalam masyarakat kita ini. Jadi kita lambat nak mengatasinya itu. Itu sebab saya rasa inilah kita mesti ingat tadi orang-orang kita ini tadi mestilah pandai bercakap.

Ada ilmu. Kalau tak, orang bantai kita bagi BR1M, dia kata apalah guna BR1M ini, tidak betul juga. Saya salah. Saya pernah berjumpa orangnya, minta BR1M lah juga orang ini tapi sudah kena hasut itu, dia pun kata kurang inilah kurang itulah. Apakah sebabnya? Sebab itulah saya harap tadi supaya kita tadi mestilah ramai orang kita ini mesti tahu bercakap, berhujah. Jangan jadi bak kata pantun orang Melayu, "*bangau oh bangau, mulut ternganga masuk langau.*" Cakaplah sikit, ini takut. Apakah ini? Saya ingat apa pasal jadi begini. Dia ini orang kita, saya takut juga dia ini seolah-olah pemimpin atas pagar, kanan kenyang, kiri tidak lapar, makan keliling. Jaga-jaga. Tidak setia. Pemimpin atas pagar, Yang Berhormat. Kanan kenyang, kiri tidak lapar, makan keliling. Ha ini jaga-jaga. Setia itu mustahak itu.

Dalam hal ini saya harap tadi Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah latih ramai lagi kakitangan setia yang bak kata pantun orang Melayu tadi, "*Landak oh landak, otak berfikir bijak bertindak.*" Bertindaklah,

bercakap. Ini senyap sahaja. Jangan jadi bangau. So, dari hari ini, eloklah kita menjadi pemimpin yang setia. Setia kepada kita punya pemerintahan, setia kepada Perdana Menteri kita. Cara itu cakaplah. Ini sebab kita biarkan dia. Inilah perkara-perkara yang saya minta tadi supaya janganlah kita lupa bahawa kalau kita senyap sahaja, jadi orang pun ambil kesempatan.

Macam tadi saya dengar tadi wakil dari Pulau Pinang, sudah lama sudah empat doa dibaca. Aduhai. Kenapa beritahu lambat-lambat. Minta doa, ah kacaulah. Patut dia lama, jangan biarkan. Nanti lama-lama jadi buncah, buruk, jadi rosak. Ia akan meracuni orang lain, jadi pecah belah kita. Empat doa tadi itu, bertindak terus. Kita pun apa tindakan kita? Apakah hukumannya? Seolah-olah kita, ha, engkau buat ini, ini hukumnya. Akan tetapi kita buat tidak buat. Inilah kita percaya bahawa kita minta tadi perkara yang berlaku di Pulau Pinang ini tidak berlaku.

■1750

Saya malam tadi tidak boleh tidur. Betul sebab dengar, eh apa ini, malu. Saya ini bekas ketua pemuda Tuan Yang di-Pertua. Eh, apa pasal jadi begini. Tidak boleh bang, tidak boleh kuat. Kurang ajar kau. Hati sayalah. Benda-benda ini supaya Yang Berhormat kita ini lekas laporkan. Ini boleh memecahbelahkan kita. Kita hendak hidup lama lagi, anak cucu hendak hidup, jadi kena biarkan itu. Jangan bagi kita punya kawan buat semberono tadi. Dia ada agenda dia. Ingat, mereka ini ada agenda dia. Dia lagakan kita begini.

Perkara ini saya rasa jangan kita biarkan mereka ini buat sesuka hati, mereka ini ada agenda. Itu tadi saya minta supaya benda-benda ini jangan dilenyapkan, lekas beritahu. Kita boleh tolong. Benda ini memalukan. Kalau ini berlaku di Singapura tidak apa, ini tanah air aku, tempat tumpah darah aku. Jadi, Yang Berhormat Senator minta tolonglah lekas beritahu, kita boleh tolong mana yang boleh tolong. Jangan memalukan kita. Rosak nanti. Jadi, ini boleh menyusahkan fikiran kita.

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua saya minta diberitahu bahawa akhir-akhir ini kita didebarkan satu peristiwa *Oktoberfest*, *Oktofest* dan tadi pula mesra dengan anjing. Mesra dengan anjing. Kacau juga. Saya dengar lepas itu mereka sekarang tengah cari babi hutan yang bertaring, hendak kumpul supaya mesra dengan babi hutan yang bertaring. Kacau ini. Ini kenapa kita biarkan. Lebih-lebih lagi Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini yang Korea itu, *K-Pop* yang menari *K-Pop* itu. Kita tengok dia menari macam orang sasau, orang tidak betul tetapi dia pandai.

Dia suruh anak dara kita yang bertudung ini menari. Malunya saya, saya tidak tidur malam. Malu saya rasa. Peristiwa tadi mesra dengan anjing, apakah agenda mereka ini. Apakah hukuman kita kepada mereka ini? Itulah perkara-perkara yang saya rasa yang kita biarkan. Saya rasa ini agenda mereka yang paling nakal. Kalau dibiarkan tadi saya rasa mereka akan terus memusnahkan negara kita ini kalau tidak ambil tindakan. Tindakan itu mestilah lekas.

Termasuk juga dengan tentang *Islamic State (IS)*. Islam, siapakah punya agenda ini? Agenda siapa ini? Yahudi, *K-Pop* juga campur tangan. Ini kita fikirkan, banyak benda. Saya di *briefing* oleh Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kita dipanggil di Hotel Pan Pacific dia *brief* kita, Allah takut dengar. Kurang ajar punya budak. Melayu, Islam, bertudung kau, 14 tahun. Eh, apa jadi ini. Wah, kononnya

hendak cari jihad. Ramai itu diserahkan badan dia. Akhirnya sampai sahaja diserahkan lagi kerana masuk kumpulan ini pergi berjuang jadi hamba seks. Jagalah ini. Jadi, kita minta tadi khususnya ibu-ibu tolonglah tengok kan benda ini. Benda-benda yang memalukan kita. Saya pandai *Islamic State* tetapi buat jahat. Islam tidak menggalakkan kita berbuat jahat. Tidak, tetapi digunakan itu.

Jadi, benda ini Tuan Yang di-Pertua minta supaya pihak berkuasa mengambil tindakan yang paling tegas. Tidak ada maaf bagi mu kerana dia memalukan bangsa kita, agama kita. Peristiwa inilah yang saya rasa saya risau dan kita ada bermacam-macam peristiwa yang kita perlu lakukan tindakan yang perlu kita ambil tanggungjawab kita bersama. Jangan tunggu, teruskanlah. Tengoklah masalah tadi saya katakan bertudung, mesra dengan anjing, mesra itulah ini, menari dengan artis *K-Pop* orang Islam kita. Apakah tindakan itu? Ini agenda mereka. Jadi, kita minta dari kerajaan ambil tindakan hukum benda ini, jangan memalukan kita.

Inilah perkara-perkara Tuan Yang di-Pertua yang saya rasa mendukacitakan kita. Jadi, tiap-tiap kita ini jangan lambat bertindak. Lambat, habis dia orang sasau, habis hancur kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada banyak *point* lagi?

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua peristiwa yang berlaku ini Tuan Yang di-Pertua saya baca satu pantun berbunyi,

*Mati ikan kerana tuba,
Mak limah berjalan berleumpang-leumpang,
Setiap hari hatiku berasa marah dan hiba,
Melihat masyarakatku hidup tunggang langgang.*

Ini dia. Jadi kita tengok dia. Jangan bagi hidup dia tunggang langgang. So, kerajaan lekas ambil tindakan. Setiap hari hatiku berasa hiba melihat bangsaku hidup tunggang langgang. Kita jangan biar, ini serius. Jadi, sebab itulah tadi saya minta Tuan Yang di-Pertua supaya kita bangun, tugas kita betulkan kelemahan. Ingat, kita betulkan. Kalau tidak esok kita hancurlah. Itulah yang hendak saya sampaikan Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan benda ini akan dilaksanakan. Kalau tidak kita akan menghadapi kehancuran. Nampak, ada musuh kita di bawah dengan agenda tertentu tadi. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong Titah Diraja. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya. Ada? Silakan Yang Berhormat. Lepas itu Yang Berhormat Datuk Haji Yunus Kurus. Harap ada di dalam Dewan.

■5.56 ptg

Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas peluang yang juga diberikan kepada saya untuk berucap Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Penggal Ketiga Parlimen Ke-13 pada 9 Mac yang lalu.

Antara titah awal Duli Tuanku meminta kita membuka ke lembaran baru dengan niat dan tekad yang positif. Dengan titah yang sedemikian saya berharap ia akan menjadi penyuntik semangat kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak untuk meneruskan usaha-usaha beliau membela nasib rakyat sebagai Perdana Menteri mengikut cara dan acuannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak wajar dan layak diberikan peluang dan sokongan untuk mengurus tadbir negara ini seperti mana yang beliau rasakan sesuai dan baik untuk negara dan rakyat yang telah memberi mandat kepada beliau sebagai Perdana Menteri. Sebagai ketua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib mengamalkan sikap menghargai dan kewajaran dalam membuat keputusan dan pendirian.

Contoh amalan beliau itu ialah beliau menghargai sumbangan dua buah negeri di Pulau Borneo Sabah dan Sarawak mengekalkan Barisan Nasional terus menerajui Putrajaya. Oleh itu pada beliau adalah wajar dua buah negeri ini diberi penglibatan yang lebih dan bermakna dalam pentadbiran beliau yang mana sebelum ini hanya sekadar Menteri Pembangunan Koperasi, Menteri Alam Sekitar atau Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib juga prihatin dengan kawasan luar bandar yang amat luas di dua buah negeri ini, maka beliau tanpa ragu-ragu memperuntukkan satu peruntukan yang besar untuk pembangunan luar bandar di Sabah dan Sarawak. Pendekatan amalan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib ini amat dihargai oleh rakyat Sabah dan Sarawak.

*Ada ubi ada batas,
Perdana Menteri berbudi,
Rakyat Sabah dan Sarawak akan membalas.*

Justeru itu saya yakin sebagai balasan rakyat Sabah dan Sarawak akan tetap terus memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib sebagai Perdana Menteri dan Sabah *in shaa-Allah* akan terus memastikan menjadi FD untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri walaupun ada individu-individu yang merasa sebaliknya.

Duli Tuanku juga menyentuh pasal GST tetapi bagi saya GST ini ialah satu perkara yang sudah *gone case*. GST sudah kita luluskan dan kita di Dewan yang mulia ini ada juga sebahagian daripada yang meluluskannya. Jadi, apa yang harus kita buat sekarang ialah untuk *just embrace it* lah, dengan izin. Kita harus menerima hakikat bahawa GST adalah sebahagian daripada kehidupan seharian kita sekarang.

■1800

Tugas kita sebagai Ahli Dewan Negara yang merupakan pemimpin parti politik, NGO atau persatuan harus mendidik rakyat sebagai pembeli untuk membeli secara berhemah dan secara bijak, tetapi yang penting ialah penguatkuasaan. Pihak yang menguatkuasakan seperti KPDNKK, pihak Kastam harus tegas dalam penguatkuasaan dan memantau penyalahgunaan dan peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan.

Oleh sebab sebelum ini pernah berlaku kempen katakan, “*Tak Nak*” kepada merokok. Masa itu bagai hendak rak kita menggazet segala bangunan sebagai larangan merokok. Stadium, bilik yang berhawa dingin, *airport* tetapi di mana penguatkuasaannya? Sehingga sekarang orang masih merokok lagi di stadium, orang masih merokok di lapangan terbang, malah semasa perhimpunan UMNO pun di PWTC tempat yang ber*aircond*, tempat itu berasap macam gerai penjual sate, orang merokok. Jadi, penguatkuasaannya? Kalau penguatkuasaan itu adalah tegas, ia mungkin akan menjadi pemangkin kepada rakyat untuk menerima hakikat bahawa GST sistem cukai yang memberi manfaat.

Di samping itu, saya juga ingin menyentuh mengenai kawalan keselamatan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada ESSCOM atas komitmen yang tinggi mengawal keselamatan ESSZONE dan memerangi jenayah rentas sempadan seperti perdagangan manusia, penyeludupan dadah dan juga penculikan. Usaha ESSCOM ini juga telah menarik perhatian dan diperakui ataupun di*acknowledge* dengan izin, oleh delegasi Kedutaan Amerika Syarikat dan juga Australia.

Peningkatan tahap keselamatan yang terjamin ini, khususnya sejak dikuatkuasakan perintah berkurung pada Julai 2014 telah memberi banyak kebaikan kepada aktiviti perniagaan terutamanya pelancongan yang kini menjadi tunggak penting untuk Majlis Perniagaan Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur (BIMP-EAGA). Dengan pencapaian yang baik ini, saya minta ESSCOM jangan berpuas hati kerana ancaman penjenayah rentas sempadan sentiasa mencari ruang dan kesempatan untuk menembusi kawalan.

Oleh itu untuk menjamin keberkesanan kawalan, apakah boleh untuk ESSCOM mempertimbangkan penggunaan kawalan sistem satelit *hi-tech* untuk memantau pesisiran perairan ESSZONE. Pemantauan menggunakan sistem satelit *hi-tech* ini akan menjadikan ESSCOM lebih proaktif dalam menjangka ancaman baru yang boleh mengganggu-gugat keselamatan dan membolehkan ESSCOM untuk mengambil langkah-langkah yang perlu pada peringkat awal lagi bagi menangani ancaman berikut yang baru itu jika dibanding dengan tindakan yang responsif seperti yang berlaku di Tanduo, Lahad Datu.

Pemantauan melalui sistem satelit *hi-tech* juga boleh digunakan untuk mengenal pasti pulau-pulau kecil yang terpencil milik negara Filipina yang berhampiran dengan perairan Sabah seperti Pulau Taganak dan Bakungan antaranya yang berkemungkinan dijadikan kem latihan atau dengan izin, *recruitment point* untuk kumpulan ekstremis seperti JI iaitu Jemaah Islamiah, Al-Qaeda, IS dan sebagainya. Kawalan dan memantau menggunakan sistem satelit *hi-tech* boleh menjadikan pengawalan Wilayah ESSZONE untuk jangka panjang demi memastikan keselamatan Sabah khususnya dan kedaulatan Malaysia amnya.

Saya ingin menyentuh sedikit mengenai program pendidikan iaitu hanya untuk meminta Kementerian Pendidikan mempercepatkan membaik pulih dua buah sekolah yang terbakar di Sabah lebih setahun yang lalu demi untuk memberi prasarana pembelajaran yang selesa dan kondusif murid sekolah itu yang hingga kini masih menjalankan pembelajaran mereka di khemah-khemah sementara. Di

samping itu, saya berharap masa yang singkat juga akan diambil untuk membaik pulihkan sebuah lagi sekolah yang baru musnah terbakar di Kampung Tenaki, Papar kurang sebulan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Tuanku juga memperakui peranan perkhidmatan awam dalam pembangunan negara. Oleh itu, pada pandangan saya adalah penting untuk perkhidmatan awam menjalankan tugas dengan penuh amanah dan integriti. Penjawat awam agen pelaksana kepada kerajaan untuk mencapai matlamat-matlamat dasarnya terutamanya mengenai kepentingan rakyat. Penjawat awam tidak perlulah menjadi seperti '*Little Napoleon*' dengan izin, dalam menentukan kelulusan peruntukan atau projek-projek cadangan yang mana pada dasarnya sudah dipersetujui oleh Jemaah Menteri.

Bila berlaku sedemikian, ia hanya akan mencerminkan sistem pentadbiran yang tidak cekap yang mana akhirnya akan merugikan rakyat sebagai kumpulan sasaran. Sistem demokrasi yang tidak mesra rakyat dan pembangunan bidang kuasa dan agensi pelaksanaan dengan yang memantau adalah bertindih juga boleh menjadi punca kegagalan pembangunan yang dirancang oleh kerajaan. Jika pembangunan gagal, yang akan berhadapan dengan rakyat orang-orang politik bukan penjawat awam. Pertaruhan orang politik dalam perkara ini adalah besar iaitu kuasa untuk memerintah semula. Akan tetapi untuk penjawat awam, dia akan terus kekal di jawatannya walau apa juga keputusan pilihan raya kelak dan juga akan naik pangkat.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Tuanku juga menjadikan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat terutamanya yang di luar bandar sebagai agenda penting untuk kerajaan. Oleh itu, memandangkan kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak adalah amat luas, maka saya menggesa Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) untuk menyediakan pelan pembangunan yang jelas untuk luar bandar di Sabah dan Sarawak berbanding dengan pelaksanaan projek luar bandar yang lebih bersifat ad-hoc dan responsif. Ini kerana masih banyak kampung luar bandar di pulau-pulau dan bukit-bukit yang tidak menikmati sepenuhnya kemudahan-kemudahan asas.

Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai kesihatan. Walau bagaimanapun, perkara ini telah saya terima satu jawapan secara bertulis mengenai cadangan untuk memisahkan pendispensan ubat dan rawatan *di* klinik-klinik swasta. Saya telah menerima satu jawapan bertulis daripada kementerian bahawa cadangan ini masih belum ada keputusan yang dibuat dan masih dalam penelitian. Walau bagaimanapun, saya berharap jika pada akhirnya keputusan akan dibuat kepada cadangan ini, biarlah keputusan ini dibuat berdasarkan kepentingan dan kemudahan kepada rakyat, bukan atas desakan-desakan pelobi-pelobi farmasi-farmasi gergasi yang mahukan monopoli kepada pendispensan ubat-ubatan ini.

*"Berjalan-jalan ke Batu Pahat,
Singgah di Muar makan beriani,
Oleh sebab masa terhad,
Ucapan saya sekadar di sini."*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, terima kasih. Padat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

6.09 ptg.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk saya turut sama mengambil bahagian dalam membahas Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sempena pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan takziah ke atas pemergian Yang Berhormat Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, Ahli Parlimen Rompin serta lima yang lain yang terbunuh dalam tragedi kemalangan udara baru-baru ini. Semoga roh mereka ditempatkan di kalangan golongan orang-orang yang beriman. Amin. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua adalah bekas bapa angkat UMNO Bahagian Labuan.

■1810

Saya ingin menyentuh hanya dua perkara iaitu GST dan Akta Kanun Tanah Negara. Akta Kanun Tanah Negara telah berkuat kuasa 1 Januari 2010. Setelah dikuatkuasakan, sedikit sebanyak tidak menyenangkan hati penduduk Labuan khususnya kaum bumiputera. Contoh, si bapa dan si ibu mempunyai tanah dan diturunkan kepada pewaris anak, misal kata tiga orang. Jadi si pewaris itu hanya boleh menerima seorang sahaja tetapi anak yang dua orang ini tidak dapat diturunkan harta itu kerana akta ini tidak membolehkan. Jadi apa yang musykil di sini ialah yang membelenggu rakyat Labuan terutamanya bumiputera, mereka memang tidak senang hati.

Kalau dahulu di bawah *Ordinance Land of Sabah*, menurunkan harta kepada anak-anak memang dibolehkan tanpa sebarang bayaran iaitu dengan izin, konsep *love indication* ataupun kasih sayang. Dibahagi sebaik-baik kepada anak-anak sehingga mencapai kawasan yang cukup untuk membuat rumah. Sekarang ini, anak-anak berkenaan akan membangun sebuah rumah tetapi tidak dibenarkan melainkan tukar syarat iaitu syarat kediaman sedangkan dahulu kawasan tersebut telah mempunyai banyak rumah.

Akan tetapi premium bayaran yang dikenakan untuk pindah syarat ini 10%. Ertinya jika rumah itu berharga RM200,000, misal kata RM100,000, dikenakan 10% bayaran premium, bahawa rumah itu sudah harganya meningkat. Ini adalah tidak adil kerana kita mendapat masalah ini sudah bertahun. Rakyat marah. Jadi kalau boleh atau seboleh-bolehnya minta selesaikan masalah sebegini sebelum pilihan raya. Jangan terlambat. Contoh lagi satu ialah tanah dahulunya dipanggil di bawah Sabah ialah *native title*. Sekarang dipanggil pajakan negeri.

Jadi ini masalah. Tanah di Labuan begitu terhad. Satu lot berharga dekat berjuta-juta ringgit. Laut ditimbus. Jadi kalau akta ini diteruskan, saya tidak tahu lagilah, tidak faham. Saya bawa masalah ini dalam Dewan minta tolong selesaikan. Anak-anak hendak beli kawasan tanah, tidak ada lagi kawasan

tanah hendak dibeli. Hendak bina rumah pun tidak boleh, dikenakan premium 10%. Jadi bagaimana program kerajaan untuk menyelesaikan masalah perumahan? Saya kawatir jika ini berlanjutan, kita di Labuan terkenal dengan orang kata *oil and gas* dan sebagainya. Jadi mintalah pihak berkuasa selesaikan masalah ini secepat yang mungkin.

Isu kedua Tuan Yang di-Pertua ialah GST. GST di Labuan, saya kurang arif dan faham. Di Labuan pulau, Langkawi pulau, Tioman pulau. Pulau bebas cukai. Jadi sebelum penguatkuasaan Akta GST, barangan sudah mulai naik harga. Terlaksananya pada hari pertama, apatah lagi. Rokok, *handphone* prabayar sudah mulai naik. Saya tidak faham kerana Labuan adalah bebas cukai. Mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Labuan tidak dikenakan GST. Saya pernah buat panggilan kepada pejabat KPDNKK, dia kata dia tidak tahu. Datang pegawai, dia kata, "*Oh, ini kita sedang berbincang*". "*Okey, tidak apa, fine, terima kasih*". Jadi dalam semalam, saya *call* balik, apakah masalah rokok? Cuma rokok, yang lain ini banyak lagi masalah.

Apakah KPDNKK Labuan buat? Ini cuma rokok dia tidak boleh jawab. Sehingga kini tidak boleh jawab. Saya minta supaya KPDNKK adakan talian aduan lapan pagi hingga lapan malam. Ini kita *call* antara satu hingga dua, tidak jawab. Selepas dua atau sepuluh minit, barulah mereka menjawab panggilan. Jadi rungutan rakyat ini sebenarnya- itulah kata kita tidak boleh macam seolah-olah kita ini kerajaan. Orang politik menerima rungutan dan tohmahan seolah-olah kita tidak mempunyai atau tidak bekerja dengan baik.

Jangan anggap kerajaan ini, pemimpin kerajaan atau pegawai kerajaan ini berkuasa. Kita pun berkuasa. Kuasa politik. Jadi, apa yang penting kita selesaikan, walaupun kita tidak melaksanakan GST ini, tidak ada *dry run* dan sebagainya tetapi tidak apa, ini adalah ;/kebaikan. Tidak ada masalah sebenarnya. Apa masalah kita? Tidak ada masalah. Mereka sudah mulai naik barang dapur dan sebagainya. Rokok, saya tidak merokok tetapi saya menjual rokok kerana saya mempunyai mini market dan sebagainya.

Jadi mereka datang dan tiba-tiba. Contoh, satu pek Dunhill berharga RM6.50 sen kepada RM8.20 sen. Kalau kita lambat bertindak, Tuan Yang di-Pertua, mereka sudah untung banyak. Beribu-ribu satu hari. Ini belum dapat selesai. Saya minta kementerian KPDNKK datang ke Labuan. Cuba lihat bagaimana Labuan terkenal, kerana terkenal bukan kerana *oil and gas* tetapi terkenal kerana barang-barang di Labuan sangat mahal harganya. Makan, mahal, barang *market* di pasar untuk makan harian mahal, ikan mahal.

Tidak tahulah saya persoalkan dalam soalan saya sesi kali ini oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tapi belum dijawab. Ikan begitu mahal. Sayur apatah lagi dan sebagainya. Jadi saya tidak ingin merujuk panjang. Saya mohon supaya pihak KPDNKK urus masalah rakyat dengan secepat mungkin. Ini mungkin mereka tahu tetapi sengaja tidak mahu tahu. Membodohkan diri. Labuan pulau bebas cukai. Barangkali Langkawi dan Tioman dan sebagainya.

Itu saya tidak faham. Mudah-mudahan masalah yang saya bawa dalam Dewan Negara ini dapat perhatian sepenuh-penuhnya daripada satu, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi

dan Kepenggunaan dan yang ada kaitan dengan Kanun Tanah Negara. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya menyokong.

■1820

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumusalam*. Terima kasih. Dulu Yang Berhormat agaknya sekali bagus. Dengan *point* sahaja cakap cukup bagus. Terusakan. Dulu baca juga sedikit-sedikit. Sekarang sudah baik. Sekarang tanpa membuang masa saya persilakan Yang Berhormat Dato' Goonasakaren dan juga Yang Berhormat Puan Hajah Mariany. Adakah, harap ada dalam Dewan ya. Okey, silakan.

6.20 ptg

Dato' Goonasakaren A/L Raman: Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam membahaskan ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam pembukaan Parlimen pada 9 Mac 2015. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mula melaksanakan 1BestariNet pada tahun 2011. Semua sekolah rendah dan menengah kerajaan akan mendapat sambungan menjelang akhir tahun 2013. Dalam projek ini sebanyak 10,000 buah sekolah di seluruh Malaysia akan dilengkapi akses internet berkelajuan tinggi dan platform pembelajaran maya yang mengaplikasikan jaringan internet berkelajuan tinggi serta akses kepada penyelesaian pendidikan bersepadu bertaraf dunia.

Harapan, 1BestariNet mengubah platform pendidikan Malaysia serta mendapat jurang digital antara murid kawasan bandar dan luar bandar dengan menyediakan pendidikan berteras internet yang berkualiti kepada semua rakyat Malaysia. Peruntukan begitu banyak iaitu RM4.077 bilion dibelanjakan oleh kerajaan adalah semata-mata untuk membolehkan ICT benar-benar dapat dibudayakan dalam pembelajaran dan pengajaran di semua sekolah rendah dan menengah. Melalui 1BestariNet diharapkan anak-anak pelajar dan warga pendidik dapat mengakses maklumat dengan stabil melalui bekalan jalur lebar.

Guru pula dapat memberi fokus kepada integrasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dan bukan lagi mengurus penyelenggaraan komputer. Selain itu, dalam pengurusan dan pentadbiran aplikasi juga dapat dilaksanakan dalam platform yang terurus dengan kata lain sekolah diberi autonomi untuk menguruskan ICT di premis masing-masing tetapi soalnya sejauh manakah hasrat ini tercapai. Kebanyakan sekolah khususnya sekolah Tamil yang berada di kawasan pedalaman tidak dapat melayari internet dengan sepenuhnya sebab kelajuan peranti mereka tidak tercapai *1mbps*. Jadi pembelajaran maya dan sebahagian peruntukan untuk melestarikan ICT di sekolah-sekolah tidak tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah sekolah Tamil di negara ini sebanyak 524. Lebih daripada 70% buah sekolah, sekolah bantuan kerajaan yang dulu dipanggil bantuan modal. Sekolah bantuan kerajaan tidaklah menerima peruntukan dan kemudahan asas lain seperti mana yang diterima oleh sekolah-sekolah kerajaan. Kita akan menyambut Hari Merdeka yang ke-58 akan datang tetapi masih banyak sekolah Tamil beroperasi di ladang-ladang walaupun didapati pekerja-pekerja ladang 100% orang warga

asing, Indonesia dan Bangladesh. Di Pahang sahaja, sebanyak 20 buah sekolah masih beroperasi di ladang-ladang.

Sekolah-sekolah bantuan kerajaan juga menjadi penyumbang kepada pencapaian akademik negara. Jadi sekiranya sekolah ini tidak mempunyai kemudahan asas, maka sekolah tersebut tidak dapat bersaing untuk melonjakkan pencapaian yang tinggi bagi mengharumkan status ekonomi negara. Jadi akan ada kekangan bagi pelaksanaan transformasi pendidikan global. Jadi saya ingin tahu apakah kementerian mempunyai pelan tindakan untuk memindahkan ataupun dibiarkan begitu sahaja sehingga ia berkubur di ladang.

Walau apa pun, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri yang kita sayangi merupakan satu-satu Perdana Menteri yang merasai, memahami denyutan nadi kaum India, telah memberi banyak peruntukan, berjuta-juta ringgit baik untuk sekolah ataupun persatuan-persatuan yang dimiliki oleh kaum India. Dalam Dewan ini saya mengambil kesempatan mewakili MIC dan kaum India mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib. Semoga beliau diberi kekuatan untuk terus memimpin Malaysia yang kita sayangi ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran mula melaksanakan pendidikan pra sekolah dalam tahun 1992. Daripada segi pendemokrasian pendidikan, dasar yang khusus membolehkan kanak-kanak menikmati peluang pendidikan prasekolah tanpa mengira pendapatan keluarga, kawasan tempat tinggal dan kumpulan etnik termasuk kanak-kanak dengan keperluan pendidikan khas, *children with special education needs*, dengan izin, tetapi masih dapat banyak sekolah SJK(T) tidak mempunyai prasekolah.

Maka jurang pencapaian yang tinggi di antara murid berpendidikan prasekolah dan tidak pra sekolah dalam tahun satu didapati sebanyak lebih kurang 70% SJK(T) tidak mempunyai pra sekolah.

Persoalannya sudah 23 tahun kementerian telah melaksanakan prasekolah di sekolah-sekolah. Apakah yang menyebabkan Kementerian Pelajaran tidak dapat melaksanakan pra sekolah di SJK(T) di seluruh Malaysia sehinggakan kita didapati 70% belum ada pra sekolah. Tuan Yang di-Pertua, bagi pelajar-pelajar Tingkatan 3 atau PMR, sering kali kurang arif dengan aliran dan prospek masa depan sekiranya pelajar di sekolah vokasional, kolej vokasional atau sekolah teknik.

Secara umumnya ketiga-tiga institusi ini adalah bagi memberi peluang kepada murid yang mempunyai kecenderungan dalam pendidikan vokasional dan teknologi untuk memenuhi tenaga kerja dalam bidang industri negara. Kini Kementerian Pelajaran juga dalam proses menukarkan status sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional secara berperingkat-peringkat sebagai sebahagian usaha memantapkan lagi sistem pendidikan negara serta menghapuskan stigma bahawa pengajian vokasional adalah untuk pelajar yang tidak dapat menguasai bidang akademik. Perubahan nama itu akan melibatkan pindaan Akta Pendidikan serta rombakan kursus-kursus teknikal dan vokasional dengan pelajar yang dikeluarkan tidak terbatas di peringkat sijil kemahiran tetapi merupakan kelulusan setaraf diploma atau diploma lanjutan.

Aliran dalam kelolaan Bahagian Pendidikan Teknik Vokasional Kementerian Pelajaran terdapat empat, aliran teknikal, aliran vokasional, aliran kemahiran, kolej vokasional. Aliran ini dikhaskan untuk, aliran teknikal dikhaskan untuk pelajar-pelajar cemerlang dalam akademik pada peringkat PMR. Aliran vokasional pula, aliran ini memberi peluang kepada lepasan PMR, PT3 yang mempunyai pencapaian baik dan sederhana dalam akademik dan berminat belajar berkaitan pekerjaan.

■1830

Aliran kemahiran dan kolej vokasional pula kepada murid-murid pencapaian rendah pada peringkat PMR PT3 dan sangat cenderung belajar secara amali. Murid akan dilatih menjadi tenaga kerja mahir untuk bekerja di industri atau membuka perniagaan sendiri apabila tamat pengajian. Persoalan saya adalah dalam sistem pendidikan Malaysia peperiksaan awam seperti UPSR, PT3, SPM dan STPM merupakan peperiksaan yang wajib dan pelajar-pelajar dapat meningkatkan diri serta meletakkan diri mereka ke tahap akademik yang lebih tinggi dan mantap. Pada zaman teknologi yang moden, kerajaan kita perlu membentuk pelajar yang kompetitif dlm semua bidang seperti bidang akademik dan bidang kemahiran. Selaras dengan ini, saya mencadangkan selepas peperiksaan PT3, pelajar-pelajar perlu mengalami *streaming* atau perlu mewajibkan subjek-subjek yang wajib lulus seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Matematik.

Saya juga mencadangkan agar pelajar PT3 yang tidak mempunyai sijil akademik yang cemerlang, sederhana cemerlang dan potensi boleh meneruskan pelajaran mereka di sekolah harian biasa. Manakala pelajar yang gagal mencapai tahap akademik yang ditetapkan wajib dihantar ke sekolah vokasional. Pelajar ini tidak perlu memohon seperti dahulu tetapi terus menghantar mereka ke sekolah vokasional. Di situ mereka hanya akan belajar kemahiran *skill work* yang mereka minati. Dengan ini tahap disiplin pelajar di sekolah harian dapat diminimumkan dan tidak akan ada pelajar yang ponteng ke sekolah dan tidur di dalam kelas. Oleh sebab itu, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya mengubahsuai beberapa buah sekolah harian biasa kepada sekolah vokasional penuh atau membina sekolah menengah vokasional di setiap daerah. Semua pelajar yang tahap akademiknya di bawah pencapaian minimum di daerah itu secara automatik diserap di sekolah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, *under employment*. Kerajaan harus memperlihatkan masalah isu *under employment* di mana ramai graduan masih terumbang ambing dalam pemilihan kursus dan pekerjaan selepas pengajian nanti. Kerajaan harus mengusahakan kajian secara holistik di mana kita boleh mendapat data-data yang terperinci dan jitu agar kita boleh beri peluang penawaran pekerjaan yang sesuai kepada mereka. Saya ingin menarik perhatian kerajaan Malaysia kepada tiga isu yang menjelaskan rakyat Malaysia khususnya anak-anak muda iaitu aliran keluar kepakaran ataupun *brain drain*.

Kedua, pengangguran anak muda. Ketiga, guna tenaga tidak penuh ataupun *under employment*. *Under employment* seseorang yang mempunyai ijazah sarjana muda tetapi hanya mendapat kerja untuk kelulusan STPM ataupun seorang jurutera terpaksa menjadi jurujual kerana tidak mendapat kerja seajar dengan kepakarannya ataupun seorang pekerja terpaksa bekerja dalam keadaan gaji rendah dan

suasana pekerjaan yang tidak selesa. Selain itu kadar *under employment* juga membimbangkan kejadian *under employment* anak-anak muda umur 15-24 adalah tinggi iaitu pada 15.1% dan *under employment* adalah lebih tinggi di kalangan anak-anak muda lelaki iaitu 9.0% berbanding perempuan iaitu 6.1%. Rumusannya ialah kepada statistik di atas rakyat Malaysia khususnya anak muda menghadapi cabaran dan masalah yang amat besar dalam bidang pekerjaan.

Walaupun kerajaan sering menunjukkan kejayaan ekonomi negara melalui pelbagai program transformasi namun angka-angka ini masih menunjukkan ramai anak muda tercicir dalam arus pembangunan negara yang bercorakkan *capitalism*. Ramai anak muda di Malaysia sama ada terpaksa berhijrah ke luar negara untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik menjadi penganggur di negara sendiri atau bekerja di bawah tahap kemampuan dan minat mereka. Dalam kata lain anak-anak muda kini menjadi statistik *brain drain* kadar pengangguran ataupun *unemployment*. Maka kerajaan perlu membuat kajian dan menunjukkan bahawa antara faktor utama anak-anak muda tidak mendapat pekerjaan ialah kekurangan kemahiran bagi pekerjaan yang dipohon dan juga kemahiran *soft skill*.

Seperti yang dinyatakan di atas, antara langkah yang patut diambil ialah untuk mengukuhkan bagi pendidikan aliran vokasional di semua peringkat. Pada pandangan saya ia perlu bermula di peringkat sekolah menengah lagi. Seterusnya penekanan perlu diberikan kepada kualiti latihan serta kerja-kerja amali. Latihan kerja di lapangan sebenar yang ditawarkan dan bukan hanya untuk mendapat segulung ijazah. Dengan itu saya pohon menyokong ucapan Titah Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit.

6.36 ptg

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang berucap bagi menjunjung kasih ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa majlis pembukaan mesyuarat penggal ketiga, Parlimen Ke-13, 2015.

Tuan Yang di-Pertua, dalam titah ucapan tersebut baginda menyentuh mengenai musibah yang melanda negara sepanjang tahun 2014 di mana insiden MH370 dan MH17. Pada penghujung 2014, negeri-negeri di pantai timur seperti Perak, Sabah dan Sarawak mengalami bencana banjir besar. Ini melibatkan kerugian dan kemusnahan aset dan harta yang besar serta memerlukan komitmen kerajaan untuk membaik pulih dan membangunkan semula aset tersebut. Bagi rakyat yang kehilangan kediaman, saya amat berharap agar kerajaan negeri dapat mempercepatkan proses pemulihan tanah bagi membina segera gantian rumah yang musnah dalam banjir Disember lalu.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kejadian bencana banjir tempoh hari, saya diberi maklum balas bahawa operasi bantuan pengedaran makanan di pusat-pusat pemindahan mangsa banjir tidak dapat dilaksanakan secara efektif kerana jalan-jalan utama dihalang oleh kereta dan kenderaan. Kenderaan ini

yang diletak *parking* oleh mangsa-mangsa banjir yang tidak teratur kerana dalam keadaan panik sesuka hati meletakkan kereta mereka.

Keluhan dari anggota penyelamat dan sukarelawan bahawa bekalan makanan dan minuman tidak dapat dibuat kerana halangan ini. Saya berharap pada masa akan datang pihak PDRM dan PBT memainkan peranan terlebih aktif terlebih awal agar laluan-laluan tidak dihalang. Ini penting agar urusan pengedaran bekalan makanan dan ubatan dapat dibuat dengan efektif.

Jika menurut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri semalam, kerajaan sedang mengkaji model yang terbaik pengurusan bencana yang dipraktikkan di negara lain. Di sini saya juga ingin mencadangkan agar pegawai-pegawai pengawal pusat Kerajaan Persekutuan juga di peringkat negeri, peringkat daerah, seperti jurutera daerah Jabatan Kerja Raya, pengetua dan guru besar, jurutera daerah, JPS, ketua balai bomba, ketua Jabatan Pertahanan Awam, ketua polis balai dan pegawai kanan ibu pejabat polis daerah supaya saling mengenali dengan lebih dekat dan rapat, pimpinan tempatan seperti ketua kampung JKKK, imam serta kariah masjid agar pengurusan bencana dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan optimum. Untuk itu, saya pohon agar suatu peruntukan diberikan kepada jabatan-jabatan ini agar majlis-majlis kerjasama bersama jabatan terbabit dengan pemimpin-pemimpin tempatan tadi dapat diadakan demi kepentingan pengurusan bencana.

■1840

Kerjasama ini amat diperlukan agar apabila terjadinya sesuatu bencana usaha kolektif dapat disediakan diadakan untuk mengurus rakyat yang ditimpa bencana dengan segera dan lebih lancar.

Dalam Titah Ucapan Tuanku juga Baginda menyentuh mengenai pelaksanaan cukai barangan perkhidmatan mulai 1 April 2015. Sehingga hari ini sudah 14 hari GST ini mula dilaksanakan ramai rakyat yang kecewa peniaga mengambil peluang dari implementasi GST dan untuk menaikkan harga-harga barang. Sepatutnya setiap produk yang dijual perlu ditolak dahulu kos cukai SST barulah ditambah semula kadar cukai GST.

Saya menyeru agar Kastam lebih serius membuat audit bagi cukai yang dikenakan oleh peniaga. Jika boleh semua senarai harga produk atau perkhidmatan sebelum GST dikenakan dan harga GST disenaraikan dan diwartakan dalam perintah tetap Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014. Tuan Yang di-Pertua, sejak pelaksanaan GST pada 1 April 2015, saya menerima maklum balas daripada rakyat agar Kastam membuat penambahan produk berkadar sifar GST ke atas produk-produk berikut kerana ia membebankan perbelanjaan isi rumah rakyat.

Walaupun telah disebut, saya akan sambung juga akan produk-produk itu. Pertama, produk susu kanak-kanak antara umur tiga hingga enam tahun. Ini kerana hampir semua kanak-kanak dalam lingkungan umur ini masih menyusu. Kedua, lampin pakai buang bagi bayi dan kanak-kanak, pesakit, orang kurang upaya, warga emas dan lampin wanita. Ketiga, barangan berkaitan dengan bayi seperti botol susu, pakaian bayi dan segala peralatan untuk bayi.

Tuan Yang di-Pertua, pada 30 Mac 2015, Kastam dijangka akan menambah lebih 800 orang pegawai baru dalam tempoh tiga bulan. Ini kerana bebanan bagi memantau pelaksanaan GST. Saya

kurang bersetuju, Kastam menambah kekuatan sumber manusianya kerana ia kan membebankan emolumen Kerajaan Persekutuan. Adalah lebih elok sekiranya perundangan GST ini diturunkan kuasa penguatkuasaannya kepada badan di bawah KPDNKK yang melibatkan pegawai KPDNKK bersama Pihak Berkuasa Tempatan dan melantik sukarelawan pemantau agar pelaksanaan GST lebih menyeluruh dan tepat.

Seterusnya, Jabatan Kastam perlu juga memantau dan mempunyai sistem respons aduan rakyat secara efektif bahagian penyiasatan dan pendakwaan perlu diperkasakan agar mereka yang didapati melanggar perundangan GST dihadapkan ke muka pengadilan dengan kadar segera. Tuan Yang di-Pertua, isu integriti dan rasuah di kalangan penjawat awam terus menjadi kerangka yang ditegaskan dalam prinsip pentadbiran negara. Saya ingin mengucapkan penghargaan kepada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) kerana telah memberikan jawapan kepada soalan saya pada 13 April 2012, berserta statistik aduan dan siasatan secara komprehensif.

Persoalan yang ingin saya timbulkan, sehingga kini berapa ramai lantikan pegawai penyiasat yang diambil dari pelbagai agensi penguat kuasa yang dikuatkuasakan dalam seksyen 14(2) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009. Peminjaman pegawai dari pelbagai agensi penguat kuasa ini penting agar siasatan dan aduan yang dilaporkan kepada suruhanjaya dapat disiasat dengan rapi dan mendapat hasil optima. Ini kerana selok-belok operasi jabatan atau agensi yang disiasat mempunyai direct akses oleh pegawai yang dipinjamkan kepada suruhanjaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana amat prihatin terhadap karier perguruan penambahbaikan skim perkhidmatan dengan memperkenalkan kenaikan pangkat secara *time based* telah mendorong iltizam dan motivasi guru untuk lebih berkhidmat lebih cemerlang. Namun dapat rungutan di kalangan guru sama ada di bawah lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan atau MARA. Berhubung dengan pengurusan penilaian prestasi tahunan dan pencerapan guru-guru.

Saya mendapat maklumat daripada kumpulan guru-guru terdapat kecelaruan pengurusan prestasi kerana Pegawai Penilai Pertama (PPP) yang dilantik oleh pegawai pusat merupakan pegawai bergred gaji sama dengan pegawai yang dinilai. Terdapat juga kes di MRSM di Pantai Timur, ketua jabatan yang menjadi Pegawai Penilai Pertama pegawai yang lebih rendah gred gaji. Contohnya pegawai gred DG44 menilai pegawai DG44, DG48 DG52. Hanya pegawai penilai pertama ini ketua jabatan.

Justeru itu saya memohon JPA dan kementerian menyemak semula isu kecelaruan ini dan dipohon agar memastikan Pegawai Penilai Pertama mestilah berada di gred yang lebih tinggi dan jika menghadapi masalah kerana di sekolah terbabit tidak mempunyai pegawai gred yang lebih tinggi mohon ia dipanjangkan ke peringkat pejabat pendidikan daerah atau bahagian pendidikan menengah MARA.

Tuan Yang di-Pertua, manakala isu pendidikan lagi saya memerhatikan bahawa pentingnya agenda pemantapan bahasa Inggeris untuk meningkatkan literasi bahasa kedua ini dalam pembentukan modal insan global. Justeru itu saya ingin mencadangkan agar Program Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Inggeris ini ditingkatkan semaksimum mungkin. Jika dilihat di kebanyakan negara maju,

pengajaran bahasa Inggeris ini telah bermula di peringkat pra sekolah dan aktiviti *Personalize Reading Programme*, dengan izin, digiatkan semasa murid berada di sekolah rendah.

Untuk memantapkan kemahiran berbahasa Inggeris ini, bahan-bahan bacaan untuk kanak-kanak perlu diperbanyakkan. Jadi dengan adanya teknologi *Virtual Learning Environment*, dengan izin, sepatutnya program meningkatkan pembacaan buku-buku karya bahasa Inggeris antarabangsa perlu dibekalkan kepada pelajar di seluruh negara agar kemahiran dan perbendaharaan kata akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu keselamatan ditapak bina LRT dan MRT di sekitar Lembah Klang. Juga menjadi rungutan sebahagian besar penduduk kota. Sehingga kini terdapat beberapa kemalangan maut yang melibatkan kemalangan maut di lokasi pembinaan MRT dan LRT. Saya memohon pihak pengurusan MRT, Prasarana, CIDB, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Sumber Manusia diperhalusi langkah-langkah yang perlu agar risiko kemalangan dan malapetaka tidak lagi berlaku di lokasi pembinaan MRT dan LRT ini.

Menjadi harapan warga Lembah Klang agar isu keselamatan di sekitar lokasi MRT dan LRT ini diperkemas sebagai mana keperluan dan tata malarnya di gariskan di bawah Perundangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Lembaga Kemajuan Pembangunan Industri Pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu keselamatan yang saya ingin tegaskan di sini di mana saya mohon kerjasama pemilik bangunan komersial dan bangunan tinggi yang mempunyai lif dan eskalator menitik beratkan langkah-langkah keselamatan. Ini kerana kerap juga akhir-akhir ini berlaku kemalangan maut disebabkan jatuh daripada eskalator, kemalangan yang melibatkan kecederaan tersepit di eskalator atau pun melibatkan lif. Saya mohon pihak berkuasa seperti Pihak Berkuasa Tempatan menyemak semula reka bentuk dan ketinggian letak lokasi fasiliti ini agar lebih selamat.

Saya juga mencadangkan agar langkah kawalan kejuruteraan di aplikasikan di bangunan yang mempunyai fasiliti eskalator dengan memasang *safety netting*, dengan izin, atau penghadang agar kejadian seperti di Kenanga Mall baru-baru ini yang melibatkan kematian seorang kanak-kanak tidak berlaku. Bagi pemilik yang mempunyai reka bentuk bangunan yang agak berbahaya seperti kompleks NU Sentral yang mana kedudukan eskalatornya amat curam dan berbahaya. Saya berharap pihak DBKL atau PBT melakukan semakan semula pelan kelulusan bangunan bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang di masa akan datang.

■1850

Tuan Yang di-Pertua, semasa banjir di Pantai Timur pada penghujung Disember 2014, banyak aset awam dan rakyat rosak teruk ditimpa bencana tersebut termasuk sebuah jambatan besi kereta api di Kampung Kemubu, Kelantan runtuh kerana dilanggar balak-balak. Ini menunjukkan bahawa aktiviti pembalakan dan penerokaan tanah tidak terkawal sepenuhnya oleh pihak berwajib.

Oleh itu saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan bilakah laporan punca banjir besar akan dikeluarkan? Apakah tindakan perundangan yang sedang atau telah diambil terhadap individu atau syarikat yang melanggar ketetapan perundangan yang menyebabkan bencana banjir besar berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya sumber bekalan air terawat adalah amat penting ketika ini. Namun demikian, saya dapati skim bekalan air di Malaysia masih lagi gagal mengawal *non revenue water*, dengan izin, kerana kekangan kewangan oleh kerajaan negeri dan tidak ada bantuan daripada Kerajaan Pusat untuk kerajaan negeri melaksanakan projek-projek berkaitan dengan *non revenue water* ini.

Saya ingin mendapatkan status terkini *non revenue water* setiap negeri. Apakah langkah jangka pendek dan sederhana kerajaan dalam usaha untuk menurunkan nilai *non revenue water* ini di seluruh negeri di Malaysia? Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Titah Tuanku Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab ada masa lagi ini saya sudah berjanji sesiapa yang hendak bercakap macam Yang Berhormat Datuk Yahaya nampak dia keluar ataupun sesiapa yang hendak menyambung ucapan. Saya rasa Dato' Adam bin Abdul Hamid. Sehingga jam tujuh malam sambung.

6.53 ptg.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil bahagian menyambung ucapan saya. Saya sebut pasal masalah rakyat iaitu wakil rakyat. Apa yang saya hendak sarankan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah saya terlupa bahawa apabila kita sanggup menjadi wakil rakyat sepatutnya saya hendak menyarankan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adakan kod etika kepada setiap wakil rakyat.

Apakah kandungan kod etika itu? Pertama, bagi wakil rakyat yang tidak ada apa-apa jawatan dia patut duduk dalam kawasan. Pasal gaji sudah besar mesti memikul tanggungjawab sepenuhnya. Kedua, sepatutnya setiap wakil rakyat mesti mempunyai pejabat pentadbiran yang beroperasi. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua ada wakil rakyat, ada pejabat tetapi tidak beroperasi. Ketiga, semestinya wakil rakyat kita hadir dalam setiap mesyuarat tindakan daerah. Kenapakah saya katakan begitu? Oleh sebab daripada pengalaman saya hadir sahaja dalam mesyuarat tindakan daerah, *in shaa-Allah* semua masalah daerah kita tahu. Misalnya keperluan bantuan JKM, apa pembangunan yang datang ke daerah itu, mereka yang hendak berurusan dengan pejabat daerah ataupun kita sebagai wakil rakyat. Di situlah segala-galanya dan dia akan membuatkan seseorang wakil rakyat itu berkhidmat.

Keempat, saya berpendapat, ini peribadi bahawa setiap Ahli Parlimen termasuk kita Ahli Dewan Negara setiap kali sidang wajib hadir. Kalau adapun urusan lain misalnya hendak pergi luar negeri ataupun urusan perniagaan, atur betul-betul di luar daripada jadual sidang supaya kita sebagai penggubal undang-undang tahu apa yang berlaku, mengambil bahagian memberikan pendapat dan ini akan memberi keberkesanan kepada negara yang mapan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya amat bersetuju Yang Berhormat [*Tepuk*]

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita berbuat demikian, saya yakin dan saya percaya adanya kod etika itu akan menentukan keberkesanan kerajaan yang ada sekarang.

Saya juga menganjurkan supaya setiap wakil rakyat mengisytiharkan harta. Sepatutnya begitu. Kenapakah kita takut hendak mengisytiharkan harta? Kalau tidak ada harta lagi bagus isytihar. Kalau berharta pun juga lagi bagus kerana orang ramai boleh melihat dan pengundi-pengundi kata boleh mohon bantuan daripada seseorang Yang Berhormat itu. Kalaupun kata Yang Berhormat itu pakai kereta besar tidak ada masalah kerana orang tahu dia memang kaya. Kalau pula kata seseorang wakil rakyat itu tidak kaya pada mulanya tetapi dalam masa dua tahun, tiga tahun dia kaya, dia akan menjadi persoalan.

Saya minta juga Tuan Yang di-Pertua berasaskan kepada cadangan-cadangan saya ini sesiapa wakil rakyat yang melanggar kod etika ini sampai masa pilihan raya akan datang jangan jadikan dia calon lagi. Saya rasa kita semua...

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak saya hendak celah sedikit Yang Berhormat? Saya setuju apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Dato' Adam. Kalau ikutkan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat itu sudah ada arahan di mana wakil-wakil rakyat Parlimen atau sesiapa yang jadi Yang Berhormat disuruh isytihar harta.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah di kalangan wakil rakyat yang masih lagi tidak mengisytiharkan hartanya? Kalau ada beritahulah wakil rakyat mana. Beritahulah dekat dalam Dewan ini. Terima kasih.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah boleh tanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tanya saya, saya tidak tahu tetapi saya telah mengisytiharkan. Saya, diri saya sendiri. Saya tidak tahu tetapi sepatutnya semua orang patut isytihar. Misalnya Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan kalau dia sudah isytihar orang pun sudah tahu dia kaya-raya, dia terlampau kaya. Oleh sebab itu dia hendak bagi tadi sumbangan sardin cap ayam. Baik, sangat baik Datuk Seri Nallakaruppan. Akan tetapi tidak tahu macam mana Sardin Cap Ayam.

Tuan Yang di-Pertua, berjenaka, berjenaka juga tetapi secara seriusnya sepatutnya pentadbiran di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengambil langkah yang berani ini [*Tepuk*] Sudah pukul 7 malam...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya terpegun juga apabila dengar Yang Berhormat cakap ini.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Oleh demikian saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Setakat itu sahajalah dahulu Yang Berhormat. Kepada semua Ahli Yang Berhormat, saya hendak menyatakan bahawa kalau boleh semua Ahli Yang Berhormat berani bercakap yang benar. Yang benar tetap benar [*Tepuk*]

Oleh demikian kadangkala mungkin agak terasa kalau cakap mungkin ini ada akibat kepada diri saya ataupun diri kita. Itu jangan kita fikirkan, Allah menentukannya. Saya menggalakkan sungguh Ahli Yang Berhormat membuat satu iktibar bahawa kita ini adalah *law makers*, penggubal undang-undang, orang yang terpilih dilantik dan sebagainya. Ambil peluang ini untuk membuat satu idea, sumbangan kepada negara untuk menyedarkan tidak kira siapa. Saya rasa perkara ini memang wajar. Kalau kita tidak tunjukkan contoh dan tauladan siapa lagi?

Kedua, syabas kepada semua yang masih ada dalam Dewan hari ini [*Tepuk*] Saya hendak mengambil inilah katanya, orang yang betul-betul setia dan sedia berkhidmat untuk bangsa, agama dan negara. Walaupun ada yang sudah keluar tetapi dia dapat kebenaran dahulu saya benarkan. Saya tidak tahan. Kalau ada masalah, ada perkara penting tidak mengapa tetapi jangan curi tulang. Hilangkan diri, saya tahu, saya perhatikan dari atas ini.

Walau bagaimanapun, itu sahajalah setakat ini. Kita jumpa esok dan kepada yang belum berbahas cuba ubah cara berbahas itu. Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan dia sudah boleh cara *point* sahaja, lagi senang dikeluarkan. Banyak perubahan saya perhatikan telah dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat. Syabas saya ucapkan. Sekian kita tangguhkan sehingga jam 10 esok, kita tangguhkan Mesyuarat kita hari ini. Sekian.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.02 malam.]